

**Jilid IV
Bil. 5**



**Hari Isnin
15hb Mac, 1982**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 645]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 709]**

USUL:

**Ucapan terima kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 710]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P, D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P.,
D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG
KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU
DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL,
S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI
SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,
S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG
HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID. S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI SYED MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S., (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.
(Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J.
(Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.
(Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N.
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.
(Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).

- Yang Berhormat **TUAN MOHAMED KHIR JOHARI** (Kuala Muda).
- „ **TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK**, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ **TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH**, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ **TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF** (Kuantan).
- „ **TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS**, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ **TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM**, J.S.M. (Setapak).
- „ **TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD** (Baling).
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH**, S.M.K. (Bachok).
- „ **TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD** (Sri Gading).
- „ **TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG** (Lubok Antu).
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT**, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ **DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN**, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ **DATUK JAMES PETER ONGKILI**, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ **TUAN Oo GIN SUN**, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ **TUAN PATRICK ANEK UREN** (Mas Gading).
- „ **TUAN P. PATTO** (Menglembu).
- „ **TUAN RACHA UMONG**, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ **DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR**, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ **DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI**, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ **DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN**, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ **TUAN SEOW HUN KHIM** (Bukit Mertajam).
- „ **TUAN SHAARI BIN JUSOH**, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH**, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ **TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG** (Ulu Rajang).
- „ **TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ**, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN** (Julau).
- „ **TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED**, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ **TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG** (Lambir).
- „ **TUAN TAN KOON SWAN**, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ **DR TAN TIONG HONG** (Kepong).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B.
(Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 15hb Mac, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

PUSAT LATIHAN BELIA
DUSUN TUA

1. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan sukan menyatakan bilangan belia-belia yang dilatih di Pusat Latihan Dusun Tua yang telah berjaya dalam bidang profesion mereka dan sama ada Kementerian dapat menentukan bahawa belia-belia yang terlatih ini dapat membantu Kerajaan dalam mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir di negara ini.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Chin Hon Ngian): Tuan Speaker, Pusat Latihan Belia Dusun Tua hingga kini telah melatih seramai 6,721 orang belia. Seramai 4,079 orang telah mendapat pekerjaan dan berjaya dalam profesion mereka dengan pihak berikut:

Kerajaan	2,170 orang
Perbadanan	1,073 orang
Swasta	743 orang
Berniaga	93 orang
JUMLAH	<u>4,079 orang</u>

Latihan yang dijalankan adalah sesuai dan dapat membantu Kerajaan dalam mengurangkan masalah kekurangan tenaga mahir. Walau bagaimanapun, pemilihan jenis pekerjaan adalah terpelung kepada bekas

pelatih sendiri, sungguhpun usaha telah dibuat bagi memastikan pekerjaan mereka hendaklah sesuai dengan bidang yang dilatih.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan adakah Kerajaan bercadang hendak membuka lebih banyak lagi pusat-pusat latihan seperti di Dusun Tua itu. Jika ya, berapa banyak dan di mana ia akan dibuka dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, cadangan ini bergantung kepada kemampuan Kerajaan khususnya Kementerian ini atas perkara kewangan.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kekurangan tenaga mahir di negeri Sarawak, saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada Pusat Latihan Dusun Tua dapat memberi lebih lagi peluang latihan untuk belia-belia dari negeri Sarawak.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, Kementerian saya akan timbangkan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Angka-angka yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi menunjukkan bahawa hampir satu pertiga dari belia-belia yang telahpun diberi latihan tidak mempunyai pekerjaan. Apakah sebabnya sedangkan kita tahu tenaga mahir yang telah diberi latihan itu begitu diperlukan, bukan sahaja oleh agensi-agensi Kerajaan, tetapi juga oleh pihak swasta?

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, sebenarnya mereka yang satu pertiga itu bukan tidak mempunyai kerja tetapi kita tidak dapat maklumat daripada mereka.

POLIS—KEKEJAMAN TERHADAP TAHANAN

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa banyak kes dakwaan mengenai kekejaman Polis yang telah diterima oleh Jabatan Polis; apakah langkah yang akan diambil untuk mencegah kejadian seumpama itu.

18. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa terdapat peningkatan insiden-insiden di mana kekerasan digunakan oleh pihak polis ke atas orang-orang awam:

- (a) dalam proses penangkapan; dan
- (b) selepas ditangkap dan berada dalam tahanan, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah orang-orang awam dari diberi layanan buruk oleh pihak polis serta mengapakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya, jika ada, gagal.

41. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar ada beberapa kejadian kekejaman polis ke atas tahanan-tahanan yang disyaki berlaku baru-baru ini. Jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan kejadian-kejadian seperti itu.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya bercadang hendak menjawab sekali gus tiga soalan nombor 2, 18 dan 41 yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Bukit Bendera dan Jelutong kerana semua soalan-soalan ini adalah mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan pengaduan yang telah diterima mengenai kekerasan yang dilakukan oleh anggota-anggota Polis memang ada bertambah. Misalnya dalam tahun 1979 bilangan pengaduan yang telah diterima ialah 152, dalam tahun 1980 ialah 196 dan dalam tahun 1981 ialah 247. Setiap pengaduan yang diterima adalah disiasat dan Kertas Penyiasatan bagi tiap-tiap kes akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya atau Peguam Kanan Persekutuan atau

kepada Penasihat Undang-undang Negeri yang akan mengkaji dan membuat keputusan, berasaskan keterangan-keterangan yang ada, sama ada anggota Polis yang terlibat akan dihadapkan ke mahkamah atau diambil tindakan tatatertib ataupun tiada diambil tindakan lanjut.

Pengalaman daripada kes-kes pengaduan yang telah disiasat menunjukkan bahawa kebanyakan daripada pengaduan itu tidak mempunyai asas dan bukti yang cukup untuk mengambil tindakan terhadap anggota-anggota Polis yang diadakan melakukan kekerasan. Namun demikian pihak berkuasa Polis adalah memandang berat atas perkara ini dan telah mengambil langkah-langkah yang berikut:

- (a) Mengambil tindakan yang tegas ke atas mereka yang melanggar disiplin sama ada dengan mengenakan tindakan tatatertib atau didakwa di mahkamah;
- (b) Menekankan keperluan tatatertib yang tinggi semasa menjalani latihan di Pusat-pusat Latihan Polis serta mengadakan dialog-dialog di semua peringkat untuk mengingatkan mereka tentang tanggungjawab Polis supaya bertugas mengikut lunas undang-undang;
- (c) Mengadakan pengawasan yang lebih rapi oleh pegawai-pegawai Polis yang berpangkat lebih tinggi terhadap anggota-anggota bawahan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya saya suka mengambil kesempatan di sini menyatakan bahawa Kerajaan berpuas hati, malahan berterima kasih kepada anggota Pasukan Polis yang begitu menekan keadaan kehidupan mereka diwaktu menjalankan tugas bagi kepentingan keamanan dan keselamatan hidup masyarakat negara kita.

Saya suka merayu kepada masyarakat umum keseluruhannya supaya berhati-hati apabila membuat sesuatu laporan atau tohmah apa yang dikatakan "kekerasan" atau "kekejaman" Polis. Bagi pihak Kerajaan, saya suka menyatakan bahawa Kerajaan akan tetap menyiasat serta mengambil tindakan tegas atas kegiatan-kegiatan kejadian-kejadian yang tidak diinginkan yang

dilakukan oleh anggota pasukan Polis. Tetapi, saya bertanggungjawab mengingatkan bahawa isu apa yang dikatakan “kekejaman” atau “kekerasan” Polis ialah merupakan isu yang habis popular untuk dieksploitasi oleh pihak-pihak oportunis politik.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa tindakan polis kadang-kadang terpaksa lakukan kekejaman dan sebagainya kerana banyak bukti kesalahan-kesalahan didapati disebabkan kerana disiksa dan sebagainya. Tetapi saya hendak bertanya ada di antaranya kadang-kadang—maktumlah manusia, yang ditangkap ada setengahnya itu baik tetapi disiksa juga, sebagaimana kata Yang Amat Berhormat tadi maktumlah polis ini berasa hangat hati kerana kekejaman. Jadi, saya ingin mendapat tahu, adakah rancangan Kerajaan bercadang, sebelum disiksa—disiksa itu saya tidak nafi kerana untuk mendapat tahu—sebelum disiksa, sebelum diancam berbagai-bagai, sebagaimana selalu dibuat, ini kadang-kadang terpaksa dibuat—disiasat dahulu agak dua atau tiga hari kepada pihak-pihak yang berkenaan, misalnya, yang saya sedih terkena kepada budak-budak, disiasat dahulu kepada pihak-pihak kampung, selepas itu kalau didapati betul dia tidak mahu mengakui terpaksa dilakukan. Bolehkah mengambil masa dua atau tiga hari sebelum tindakan dijalankan?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan di sini menafikan sekeras-kerasnya ada sesuatu proses ataupun tindakan siksaan dijalankan oleh pihak polis dengan apa rupun. Ini saya suka menegaskan supaya jangan salah faham dan kalaulah Ahli Yang Berhormat ada bukti saya fikir menjadi tanggungjawabnya untuk membawa ke pengetahuan saya ataupun polis atau pihak-pihak berkenaan. Jadi, soal yang lain itu tidak bangkit sama ada disiasat dahulu sebelum disiksa. Ini satu kenyataan yang saya harap kalau perlu diambil ingatan oleh Ahli Yang Berhormat ini, kalau ada maklumat begitu maka menjadi tanggungjawabnya untuk membawa kepada saya, tetapi tidak ada siksaan berlaku. Ini yang saya nafikan tadi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, bukanlah menjadi tujuan saya untuk mengeksploitasikan perkara ini. Akan tetapi, suka saya mengambil kesempatan di sini untuk bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sama ada beliau sedar bahawa kes-kes yang melibatkan kekejaman polis ialah berkenaan dengan rekrut-rekrut baru—berkenaan dengan anggota-anggota polis yang direkrutkan. Saya suka mendapat tahu agaknya berapa lama yang dikehendaki oleh pihak polis untuk menyiasat sesuatu kes yang dilaporkan kepada pihak polis dan di samping itu apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak polis untuk menentukan bahawa rekrut-rekrut baru ini sentiasa diberitahu tentang bagaimana apabila mereka menjalankan tugas, mereka hendaklah menjalankan tugas dengan disiplin?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya suka menafikan lagi bahawa sebagai kenyataan khusus dikatakan kejadian ini berleluasa di kalangan rekrut, sebab ini juga merupakan satu spekulasi yang tidak ada bukti-bukti yang tertentu. Ini merbahaya sedikit oleh sebab maktumlah rekrut-rekrut ini baru sahaja keluar, nanti sudah Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini mengatakan kejadian berleluasa di kalangan rekrut, ini tidak benar. Tetapi kalau pun ada terjadi bukan di kalangan rekrut, manapun, oleh anggota polis mana-manapun. Kalau apapun terjadi, tindakan serta-merta—saya suka menyatakan tindakan serta-merta diambil, malahan boleh dikatakan tiap-tiap hari, saya selaku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mendapat satu laporan hari-hari atas di mana juga kejadian berlaku di seluruh negara ini yang melibatkan anggota polis dan apabila saya diberitahu, saya sudah memastikan bahawa di samping memberitahu siasatan mesti juga dibuat. Jadi, sebagai automatic action.

Dari segi untuk mengelakkan kejadian-kejadian begini, saya telahpun menjawab di dalam kursus-kursus termasuklah pengambilan baru. Aspek-aspek disiplin memang ditekankan dan tiap-tiap seorang yang menjadi anggota polis memang diutamakan aspek disiplin oleh sebab kalaulah polis kita bersetuju, kalaulah polis tidak

berdisiplin bagaimana mereka sendiri hendak menjalankan tugas mereka, tetapi sama ada terjadi berleluasa atau tidak, saya sukalah menyatakan ini tidak.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahukan Dewan ini, di antara 247 kes aduan yang diterima untuk tahun yang lepas ini, berapakah kes di antaranya telah disahkan di mana polis ini adalah disyaki telah menggunakan abuse of power untuk melukai orang-orang yang ditahan kerana disyaki terlibat dalam satu-satu kes. Adakah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa kes-kes abuse of power ini selalu berlaku dalam proses soal-siasatan bila seseorang itu ditahan. Dan juga untuk membolehkan restore imej pasukan polis ini, adakah Yang Amat Berhormat akan menjamin bahawa setiap kes atau aduan-aduan yang diterima ini yang sudah disiasat maka kedudukan siasatan ini bolehkah diumumkan untuk pengetahuan orang ramai supaya orang ramai boleh menyaksikan berapakah kes aduan yang diterima ini disah benar atau tidak benar?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh umumkan tetapi tidak bolehlah tiap-tiap kali ada kes ini hendak diumumkan dalam suratkhbar. Kadang-kadang suratkhbar tidak masuk cerita ini, dikatakan siks, lebih-lebih lagi ditohmah oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Dari segi statistiknya saya boleh beri tetapi malangnya terlampau panjang sangat saya tidak boleh baca. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak saya boleh beri statistik: berapa kes dilaporkan, berapa yang telah diambil tindakan, berapa sudah diselesai, berapa yang kena penjara, berapa yang kena denda, berapa yang kena tindakan disiplin. Semuanya ada, terlampau panjang sangat. Ada. Ini umum, bukan rahsia.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana ramai orang menyatakan polis dalam Tenggara Asia ini Polis Malaysialah yang paling disiplin sekali. Sebab apa dan

bagaimana tindakan Kerajaan yang boleh buat disiplin begitu baik sekali di Tenggara Asia?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa? (*Ketawa*)

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Saya ingin bertanya bagaimana caranya yang Kerajaan boleh buat disiplin begitu baik sekali?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Amat Berhormat hendak jawab.

Dato' Musa Hitam: Caranya ialah cara latihan, yang pertama dan yang kedua bahawa Kerajaan kita ialah Kerajaan berdisiplin dan menegaskan aspek-aspek disiplin (*Tepuk*).

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada memberikan angka-angka jumlah dakwaan yang dibuat menuduh polis ini kejam. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat dapatkah atau tidak Yang Amat Berhormat pada hari ini memberitahu Dewan yang mulia ini berapakah pula jumlah kekejaman penjenayah terhadap anggota polis?

Yang kedua, memandangkan banyak kekejaman penjenayah terhadap anggota polis di dalam negara kita, tindakkah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri membuat satu penyiasatan kerana penjenayah ini merasai mereka ini dibela oleh satu badan politik.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir Yang Amat Berhormat berkehendakkan notis.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan. Didapati pesalah-pesalah selalu juga melawan pihak Polis. Oleh kerana tindak balas oleh pihak Polis, saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adakah ini dianggap Polis juga bersalah?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, Polis tidak mengambil tindakan balas, Polis hanya menjalankan tugas, dan tidak menggunakan kekerasan, tidak langsung

bertujuan menggunakan kekerasan, kekerasan digunakan sebagai mempertahankan diri dan menentukan supaya keadaan tenteram wujud. Jadi, soal Polis menggunakan kekerasan atau tindakan balas tidak timbul langsung.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa ada ramai anggota Polis yang ada menjalankan tugas, berdisiplin dan dengan cukup dedikasi, akan tetapi sukacita saya tanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa berapa lamakah biasanya masa diambil oleh pihak Polis untuk menyiasat sesuatu kes, misalnya, kes yang berasaskan tentang kekerasan yang dilakukan oleh pihak Polis? Saya buat soalan tambahan ini oleh sebab saya sendiri ada dihubungi oleh mangsa-mangsa yang berkenaan dan membawa mangsa-mangsa itu ke Balai Polis Jalan Bandar untuk membuat aduan.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, jangka masa yang purata susah saya hendak dapat tahu sebab ini berkehendakkan saya membuat penyiasatan, tetapi sebagai contoh saya suka menyatakan bahawa Ketua Pembangkang telah membuat satu laporan khas berhubung dengan apa yang dikatakan kejadian kekerasan di Tampin, Melaka. Kalau tak salah saya dalam jangka masa 3 bulan, boleh jadi lebih, tetapi sejak saya menjadi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hasil daripada tindakan itu saya telah membuat siasatan dan membuat kepastian dan menjawab menyatakan ini keadaannya. Jadi dengan lain-lain perkataan, dalam jangka masa yang sependek-pendeknya kita mengambil tindakan dan membuat kepastian sama ada ada kes atau tidak.

PEJABAT PELAJARAN DAERAH— KESULITAN

3. **Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kesulitan-kesulitan yang timbul di dalam usaha Kementerian Pelajaran bagi menyegerakan pembinaan Pejabat Pelajaran Daerah dan apakah ikhtiar untuk mengatasi masalah itu supaya Pejabat Pelajaran Daerah dapat diwujudkan dengan segera.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, kesulitan-kesulitan yang timbul di dalam usaha Kementerian Pelajaran untuk menyegerakan pembinaan Pejabat Pelajaran Daerah termasuklah kesulitan untuk mencari tapak yang sesuai, mendapat peruntukan perbelanjaan dengan segera dan menyediakan pelan pejabat yang sesuai. Pembinaan Bangunan Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah, terpaksa dirancang dengan teratur dan akan mengambil masa untuk mengatasi kesulitan-kesulitan tersebut. Walau bagaimanapun, buat sementara waktu Kementerian Pelajaran telah meminta Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri menguruskan penubuhan Pejabat Pelajaran Daerah di negeri masing-masing, dengan mencari bangunan atau ruang pejabat yang sesuai, termasuklah meminjam ruang pejabat di Pejabat Daerah, jika ada, bangunan-bangunan Kerajaan atau bangunan-bangunan sekolah yang tidak digunakan, ataupun menyewa mana-mana bangunan atau ruang pejabat yang sesuai. Di setengah-setengah negeri, seperti di Johor dan di Perak, bangunan-bangunan lama Pejabat Pelajaran Daerah telahpun ada, dan ini mungkin dapat diperbaiki dan diperluaskan.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi mewujudkan Pejabat Pelajaran Daerah itu adakah timbul kesulitan masalah kekurangan pegawai-pegawai yang sesuai?

Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada.

MAJECA-JAMECA—KEJAYAAN EKONOMI NEGARA

4. **Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali** minta Menteri Perdagangan dan perindustrian menyatakan apakah Kejayaan Persatuan Ekonomi Malaysia—Jepun (MAJECA) dan Persatuan Ekonomi Jepun—Malaysia (JAMECA) terhadap ekonomi Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, Persatuan MAJECA-JAMECA yang ditubuhkan pada tahun 1977

merupakan Kesatuan Sektor-sektor Swasta Malaysia dan Jepun. Tujuan utama persatuan ini ialah untuk merapatkan lagi kerjasama dan perhubungan di bidang sosio-ekonomi, perdagangan pelaburan, pelancungan dan sebagainya. Penubuhan persatuan ini adalah berasaskan kepada dasar-dasar kepentingan bersama antara Malaysia dengan Jepun, utama sekali di bidang perdagangan dalam mana wujudnya sifat-sifat penggenap di dalam perhubungan perdagangan dua-hala di antara kedua-dua negara. Jepun adalah rakan perdagangan terpenting Malaysia. Negara itu juga merupakan pelabur luar negeri yang banyak sekali melabur modal di negara kita. Sebaliknya, Malaysia adalah salah satu pembekal utama bahan-bahan mentah kepada Jepun. Keujudan persatuan ini, selanjutnya diperkuatkan lagi dengan adanya penglibatan Kerajaan secara langsung di dalam usaha-usaha merapatkan perhubungan dua-hala di antara kedua-dua negara sama ada melalui rundingan dua-hala ataupun aktiviti-aktiviti rantau ASEAN-JEPUN.

Forum tahunan diadakan bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan. Tempat forum ini diadakan bergilir-gilir di Tokyo dan di Kuala Lumpur. Di dalam forum ini tokoh-tokoh perdagangan dan perindustrian dari kedua-dua buah negara berpeluang bertukar-tukar fikiran serta berbincang mengenai aspek-aspek kepentingan bersama, utama sekali aspek-aspek yang berkaitan dengan bidang ekonomi, perdagangan, pelaburan dan Kewangan.

Matlamat forum tersebut bukan sahaja untuk perbincangan dua-hala; apa yang penting di sini ialah ianya mewujudkan interaksi di antara individu-individu yang selanjutnya mempererat lagi hubungan mereka secara lebih dekat. Interaksi yang bersifat demikian merupakan salah satu ciri utama masyarakat Asia di dalam mewujudkan hubungan dua-hala yang lebih rapat lagi, dan ini membolehkan kerjasama di antara kedua-dua pihak diadakan dengan lebih berkesan lagi.

Selaras dengan matlamat yang dinyatakan di atas beberapa perkembangan dan kemajuan telah dicapai di dalam berbagai-bagai bidang kegiatan ekonomi dan

perdagangan. Di antaranya termasuklah perbincangan dan kajian bersama ke atas isu-isu yang bersabit dengan masalah-masalah perkembangan perdagangan, perkapalan, pengangkutan dan pertukaran Ringgit-Yen. Pertukaran-pertukaran rombongan bagi mengkaji kegiatan ekonomi dan perdagangan telah juga diadakan. Di bidang pemindahan teknologi pula, Kesatuan MAJECA-JAMECA telah sama-sama mengkaji kemungkinan untuk mewujudkan kerjasama dan bantuan yang sewajarnya utama sekali dari segi peningkatan kemahiran dan pengalaman. Dari aspek pelaburan, penumpuan, MAJECA-JAMECA telah dapat mempertingkatkan lagi jumlah pelaburan modal syarikat-syarikat swasta Jepun di Malaysia terutama sekali di sektor perindustrian. Hakikat ini adalah diakui memandangkan pelaburan dari negara Jepun adalah terbanyak sekali jika dibanding dengan pelaburan dari negara lain.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Soalan tambahan, oleh sebab persatuan-persatuan tersebut boleh memainkan peranan yang begitu penting untuk mengembangkan kegiatan ekonomi antara kedua-dua negara, apakah peranan Kerajaan sendiri secara direct untuk membantu kedua-dua persatuan itu supaya ianya lebih berkesan.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi kesatuan itu terdiri daripada sektor swasta Malaysia dan Jepun tetapi Kerajaan memberikan galakan untuk membincangkan perkara atau isu yang berkaitan dengan perkembangan perdagangan dua hala dan kalau ada cadangan yang berkehendakkan kerjasama daripada Kerajaan, maka Kerajaan boleh memberi timbangan yang sewajarnya kepada cadangan itu.

SEKOLAH-SEKOLAH KECIL LUAR BANDAR—PERCANTUMAN

5. **Tuan Haji Hashim bin Haji Endut** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mencantum sekolah-sekolah kecil di luar bandar, dan bilangan sekolah-sekolah seperti ini yang terlibat dan

adakah sekolah-sekolah rendah dipendalaman akan diberi kemudahan berasrama disebabkan perjalanan susah.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, rancangan untuk mencantumkan sekolah-sekolah kecil di luar bandar telah mula dijalankan dari semenjak tahun 1957 lagi. Ini dilaksanakan dengan cara beransur-ansur apabila Pengarah Pelajaran Negeri mendapati keadaannya sesuai dan dilaksanakan setelah penyiasatan dan kajian yang teliti dibuat dan setelah mendapat persetujuan dari ibubapa murid-murid sekolah yang terlibat supaya tidak ada apa-apa masalah akan timbul apabila sekolah-sekolah yang terlibat dicantumkan. Rancangan ini akan berterusan, terutama apabila terdapat kemudahan jalanraya dan pengangkutan.

Di tahun-tahun di masa mula-mulanya rancangan mencantumkan sekolah-sekolah kecil di luar bandar ini dilaksanakan, dihitung panjang 30 buah sekolah setahun yang terlibat, dan kemudiannya bilangan ini berkurangan sehingga kepada 10 buah sekolah hitung panjang setahun dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Pada masa ini Kementerian Pelajaran sedang membuat satu kajian yang teliti sama ada perlu diadakan asrama bagi murid-murid sekolah rendah di kawasan-kawasan luar bandar, dan beberapa asrama "perintis" telah pun diadakan di Pahang dan Terengganu. Namun demikian, Kementerian Pelajaran tidak akan melaksanakan rancangan ini sehingga kajian yang teliti telah dibuat mengenai masalah-masalah yang mungkin dihadapi oleh murid-murid yang masih kecil lagi untuk tinggal di asrama dan terpaksa berpisah dari ibubapa mereka.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pelajaran wajib kepada kanak-kanak negara kita ini maka terdapat sekolah-sekolah yang amat kecil saisinya. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, adakah Kementerian Pelajaran bercadang menyediakan kenderaan ke sekolah pusat?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kenderaan perlu dan munasabah diberi maka Kementerian Pelajaran sentiasa menimbang untuk memberi pengangkutan kepada murid-murid yang terlibat.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa memang satu kajian dibuat mengenai masalah mencantumkan sekolah-sekolah kecil di luar bandar. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar tentang adanya beratus-ratus sekolah Tamil yang mempunyai bilangan murid yang seramai 100 atau kurang daripada 100 orang di estet-estet di seluruh negara. Dan jika sedar, apakah Kementerian beliau mempunyai satu rancangan khas untuk mencantumkan sekolah-sekolah ini supaya ia menjadi group school dengan diberinya kemudahan-kemudahan kenderaan oleh pihak swasta ataupun tuannya ladang-ladang.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan saya, saya tidak menjawab bahawa Kerajaan sedang mengkaji dari segi percantuman sekolah-sekolah. Apa yang saya kata ialah Kementerian Pelajaran sedang membuat satu kajian yang teliti berhubung dengan mengadakan asrama-asrama di sekolah kebangsaan. Jadi soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak berbangkit kerana kajian yang dibuat itu bukan berhubung dengan sekolah (group school) tetapi dengan sekolah-sekolah kebangsaan yang ada berasrama kerana kita fikir sebelum kita hendak lanjutkan rancangan mengadakan asrama di sekolah-sekolah kebangsaan, kita terlebih dahulu perlu mengkaji dan meneliti sama ada elok atau tidak elok murid-murid yang begitu muda umurnya tinggal di asrama dan terpaksa berpisah daripada ibu bapa mereka.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada beliau sedar tentang keadaan sekolah-sekolah Tamil di estet-estet di mana bilangan muridnya sangat kecil, dan

sekiranya beliau sedar, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan satu rancangan kilat supaya mencantumkan sekolah-sekolah Tamil yang kecil di ladang-ladang ini sebagai group schools dengan kemudahan kenderaan diberi oleh pihak swasta.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah jawab tadi sebelum Kementerian Pelajaran dapat mencantumkan beberapa sekolah ada beberapa faktor yang mesti ditentukan dahulu dan satu daripadanya ialah bagi menentukan bahawa ibubapa murid-murid sekolah yang terlibat bersetuju; kalau ibubapa murid-murid yang terlibat tidak bersetuju, maka lazimnya Kementerian tidak akan mencantumkan sekolah-sekolah tersebut. Jadi ada beberapa faktor lagi, saya cuma menjawab tadi satu faktor sahaja dan saya tidak mahu mengulangi jawapan yang saya telah beri tadi.

PENINDASAN ORANG TENGAH TERHADAP KAUM NELAYAN

6. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa didapati nelayan di Pantai Timur dan Barat sedang menerima penindasan dari pihak orang tengah, tentang pembelian ikan-ikan yang ditangkap oleh nelayan, walaupun Kerajaan telah menubuhkan MAJUIKAN dan juga Koperasi Nelayan. Masih lagi harga ikan yang dijual di pasaran terbuka tidak menguntungkan nelayan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pertanian atau Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia sedar mengenai masalah tindasan orang-orang tengah terhadap kaum nelayan. Oleh yang demikian MAJUIKAN telahpun melaksanakan program khidmat sepenuh pemasaran ikan yang menitikberatkan atas penyertaan persatuan-persatuan nelayan-nelayan dalam kegiatan memasarkan hasil tangkapan ahli-ahli mereka.

Peranan MAJUIKAN adalah untuk membantu dan memberi khidmat sokongan kepada persatuan-persatuan nelayan di peringkat kawasan seperti berikut:

- (a) Perkhidmatan sokongan untuk meningkatkan kemampuan persatuan nelayan dalam bidang pemasaran khususnya dalam perniagaan ikan, menyimpan buku kira-kira, memproses ikan.
- (b) Memberi maklumat pemasaran ikan semasa.
- (c) Menggalakkan amalan-amalan yang baik dalam bidang pengendalian ikan.

Perkhidmatan yang diberi itu adalah bertujuan untuk menyokong dan menggalakkan kaum nelayan, ahli-ahli persatuan nelayan agar mereka dapat menentukan harga yang berpatutan bagi hasil mereka dalam rangkuman pasaran mereka.

WAKTU PERMULAAN SEKOLAH

7. Tuan Karpal Singh minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan kepada waktu rasmi baru di Malaysia adakah cadangan untuk menyemak semula waktu permulaan sekolah setengah jam lewat untuk mengatasi kesulitan yang dihadapi oleh murid-murid sekolah di Semenanjung Malaysia.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, apabila zon waktu standard dilaksanakan di seluruh Malaysia pada 1-1-1982, waktu permulaan sekolah-sekolah di sebelah pagi telah ditetapkan pada jam 7.45 pagi di semua sekolah di Semenanjung Malaysia mulai hari pertama penggal persekolahan tahun tersebut. Selepas pelaksanaan waktu persekolahan yang baru ini didapati murid-murid sekolah pada mulanya menghadapi penyesuaian diri tetapi selepas beberapa minggu masalah-masalah itu telah dapat diatasi. Sungguhpun begitu bagi sekolah-sekolah dua sesi ada juga terdapat beberapa masalah dan masalah-masalah ini telahpun dapat diselesaikan.

IMBANGAN PERDAGANGAN NEGARA—KEMEROSOTAN

8. **Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, apakah sebab-sebab imbalan perdagangan merosot pada waktu akhir-akhir ini, iaitu import meningkat naik dan export menurun, adakah peluang untuk membaiki keadaan tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar dan sedang mengawasi kemerosotan imbalan perdagangan negara. Bagi jangka masa Januari/September 1981, negara mengalami kemerosotan imbalan perdagangan sebanyak \$185.1 juta dibandingkan dengan lebih imbalan perdagangan yang dicapai dalam tahun 1980 (Januari/September) iaitu sebanyak \$4,630.7 juta.

Kemerosotan ini adalah akibat dari lemahnya permintaan luar ke atas eksport negara. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum dunia sedang menghadapi keadaan ekonomi yang meleset yang sudah tentu menjejaskan permintaan ke atas eksport utama Malaysia. Keadaan ini bertambah buruk apabila nilai import terus meningkat.

Nilai eksport merosot sebanyak 10.4% dari \$21,718.3 juta dalam tahun 1980 kepada \$19,449.9 juta dalam tahun 1981. Kemerosotan ini adalah akibat pertumbuhan ekonomi dunia yang meleset ketika ini. Dengan keadaan ekonomi yang meleset permintaan dunia terhadap eksport utama negara turut merosot dan ini juga mengakibatkan penurunan harga eksport. Menurut Angkatunjuk Nilai Eksport sehingga bulan September 1981, adalah didapati nilai unit eksport negara pada keseluruhannya telah merosot sebanyak 6.2%. Begitu juga Angkatunjuk Kuantum Eksport yang menunjukkan kuantum eksport negara telah merosot sebanyak 13.1%. Kelemahan permintaan luar, kemerosotan unit harga eksport dan kuantum eksport adalah sebab utama kemerosotan prestasi eksport negara dalam tahun 1981.

Sementara itu import bertambah mencapai nilai \$19,635 juta berbanding dengan \$17,087.6 juta dalam jangka masa Januari/September 1980. Pertambahan import sebanyak 14.9% adalah masih lebih rendah jika dibandingkan dengan peratus pertumbuhan import pada tahun-tahun 1970-1981 yang purata mencatatkan pertumbuhan 20.36% setahun.

Namun demikian disebabkan kemerosotan eksport negara, pertumbuhan import nampak lebih ketara dari yang sebenarnya. Walaupun dunia sedang menghadapi kemelesetan ekonomi, import Malaysia terus bertambah dan ini adalah akibat dari dasar Kerajaan yang berusaha untuk mempergiatkan aktiviti pembangunan dalam negara bagi membentasi pengaruh ekonomi luar yang lemah.

Kementerian saya telah dan akan terus menggalakkan perdagangan eksport dengan mencari pasaran-pasaran baru bukan tradisional di Asia Barat Afrika dan Latin Amerika di samping memperbaiki kedudukan Malaysia di pasaran-pasaran tradisional. Dengan dasar ekonomi yang liberal, peningkatan eksport adalah langkah yang paling sesuai di dalam menghadapi masalah kemerosotan imbalan perdagangan sekarang.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan, bolehkah Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini berapa lamakah agaknya ketidak imbalan perdagangan akan belanjutan? Adakah benar bahawa kemelesetan ekonomi ini akan berlanjutan selama satu tahun lagi?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ekonomi negara bergantung kepada perdagangan luar negeri sebab kita adalah satu sistem ekonomi yang bebas dan terbuka jadi berapa lama kemerosotan ini akan berterusan bergantung kepada keadaan ekonomi dunia khususnya keadaan pertumbuhan ekonomi di negara-negara maju yang menjadi pasaran bagi barang-barang eksport utama Malaysia kita ini.

Mengikut apa yang dianalisa oleh pakar-pakar ekonomi, selama faedah-faedah (interest rate) di Amerika masih tinggi, ekonomi itu hendak pulih semula jadi satu masalah dan saya rasa ini barangkali akan memakan sedikit masa lagi.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengakui kemerosotan eksport dan meningkatnya import. Soalan saya, adakah juga disebabkan oleh larangan oleh Kementerian ini mengeksport sebahagian daripada bahan-bahan utama Malaysia dan kalau ya, adakah Kerajaan bercadang menarik balik larangan-larangan khas itu seperti umpamanya jenis-jenis kayu balak yang baik, batu-batu dan sebagainya.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, larangan eksport cuma satu item sahaja iaitu kayu-kayan daripada Semenanjung Malaysia. Tetapi kalau kita beri kayu balak juga, ini bukan boleh menyeimbangkan imbalan perdagangan. Saya rasa yang lebih penting ialah kita kaji bagaimana kita boleh menghadkan import barang-barang seperti benda yang dikatakan luxury items; itu lebih penting dan Kementerian saya sedang mengkaji dari segi ini.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan tentang kemerosotan eksport barang-barang negara kita. Saya ingin bertanya kepada beliau apakah pendekatan (approach) yang baru dibuat sejak kita mengalami kemerosotan eksport terutama dalam arahan-arahan yang diberi kepada Trade Commissioner kita di luar negeri, kedutaan-kedutaan kita dan peranan pegawai-pegawai di Kementerian bagi mengatasi kemerosotan eksport kita ini.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, memang sudah jadi dasar Kementerian saya untuk menggalakkan eksport melalui mencari pasaran-pasaran baru khususnya di Asia Barat dan lain-lain negara yang membangun dan langkah inipun telah diambil apabila kita tahu imbalan perdagangan Malaysia ini akan merosot. Tetapi hasil daripada apa yang

dibuat untuk mencari pasaran baru untuk mendesak Pesuruhjaya Perdagangan Kementerian saya di luar negeri untuk mencari perhubungan, itu akan memakan masa dan juga kita pun telah menghantar rombongan perdagangan di beberapa negara tetapi apa yang penting ialah kita harap ini ialah langkah yang boleh memberi potensi market yang kita akan dapat pada masa hadapan tetapi seperti yang saya katakan tadi ini ialah langkah yang mana tidak boleh menunjukkan hasil daripada jangka pendek.

DOKTOR-DOKTOR KERAJAAN

9. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah bilangan doktor-doktor yang ada di dalam perkhidmatan Kementerian ini sehingga sekarang, dan nyatakan bilangannya menurut kaum, serta berapakah bilangan penduduk pada nisbahnya sekarang.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, Kementerian mempunyai sejumlah 2,185 pegawai perubatan dengan pecahan kaumnya seperti berikut:

Melayu	449
Cina	570
India	1004
Lain-lain	162
JUMLAH ..	2,185

Nisbah doktor Kerajaan dengan penduduk mengikut perangkaan terakhir tahun 1981 bagi seluruh negara ialah 1: 6295 (seorang doktor untuk 6,295 penduduk). Nisbah doktor dengan penduduk pada amnya iaitu campur dengan Kerajaan dan swasta adalah 1: 3235 (seorang doktor untuk 3,235 orang penduduk).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada jumlah sebanyak 2,185 orang doktor yang berkhidmat dengan Kementerian ini, adakah termasuk doktor yang diambil daripada luar negeri sebagai kontrak dan apakah pihak Kementerian berpuas hati dengan doktor yang dikontrak dari luar negeri?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, jawabannya ya. Pihak Kementerian saya memang pada amnya puas hati dengan perkhidmatan doktor-doktor yang dibawa di bawah rancangan kontrak.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menerangkan purata atau hitung panjang setiap seorang doktor merawat 6,000 penduduk. Soalan saya, adakah Kementerian beliau sedar bahawa di setengah-setengah kawasan hari ini seorang doktor merawat 30,000 penduduk. Adakah sedar atau tidak dan kalau sedar, apakah langkah yang hendak diambil?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, nisbah yang saya sebut tadi adalah nisbah pukol rata. Ada terdapat di satu-satu tempat di mana nisbah itu kurang daripada apa yang saya sebut dan nisbah yang lebih daripada apa yang saya sebut.

Tuan Chan Teck Chan: Perbandingan seorang doktor pihak GH ialah untuk 6,000 orang lebih, ini menunjukkan bahawa Kerajaan sangat bergantung kepada doktor-doktor swasta. Jika Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bagaimanakah bilangan doktor di perkhidmatan awam ini boleh ditambah dan bagaimana ketidak seimbangan perbandingan di antara seorang doktor untuk bilangan penduduk Malaysia ini boleh diperbaiki dalam tempoh yang singkat ini?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkhidmatan Kerajaan mempunyai lebih tenaga Pegawai-pegawai Perubatan atau doktor dari sektor swasta. Jika dibandingkan dengan jumlah yang terdapat pada akhir bulan Februari, Kerajaan mempunyai 2,185 orang doktor walhal di sektor swasta adalah dianggarkan seramai 2,066 orang doktor Kerajaan tidak bergantung kepada sektor swasta untuk menjalankan perkhidmatannya walhal Kerajaan mengambil beberapa tindakan untuk menambah tenaga doktor di dalam perkhidmatannya untuk memperbesar dan meningkatkan kesan dan hasil kerja doktor-doktor kita sendiri.

Dalam usaha ini Kerajaan sedang merancangkan ataupun sudahpun mengambil tindakan untuk menentukan bahawa dalam 4 atau 5 tahun lagi kita akan dapat meningkatkan pengeluaran doktor daripada universiti-universiti perubatan tempatan iaitu dalam Malaysia daripada angka 280 pengeluaran doktor pada masa ini kepada lebih daripada 400 pegawai-pegawai perubatan. Itu adalah satu daripada angka yang akan membawa hasil yang kekal kepada perkhidmatan Kerajaan.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada beliau sedar di negeri Sarawak masih kurang doktor-doktor untuk berkhidmat di hospital-hospital daerah. Jika ya, apakah tindakan akan diambil?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di negeri Sarawak pada masa ini terdapat 109 orang doktor untuk perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negeri itu dan kami memang merasakan tenaga itu tidak mencukupi. Kita sedang berikhtiar untuk menambah kekuatan doktor di situ sejajar dengan jumlah bekalan doktor yang kita mempunyai di Kementerian.

SUKAN NEGARA—LANGKAH MEMBAIKI MUTU

10. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerian beliau akan mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan untuk memperbaiki lagi mutu sukan Negara yang mana pada kebelakangan ini prestasi yang dicapai oleh olahragawan dan olahragawati kita agak merosot lebih-lebih lagi mutu sukan bolasepak kebangsaan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Chin Hon Ngian): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah bagi memperbaiki lagi mutu sukan negara. Dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan peringkat kebangsaan, Kementerian saya akan melaksanakan satu skim persijilan, perkembangan jurulatih rancangan lima tahun. Rancangan ini

merupakan skim berperingkat-peringkat berasaskan kepada pemilihan sukan berpasukan dan popular di negara ini.

Dalam tahun 1982, Kementerian saya dengan kerjasama Persatuan Sukan Peringkat Kebangsaan sedang menganjurkan sebanyak 90 kursus jurulatih bolasepak, sukan bola jaring dan sukan sepak takro. Bagi sukan yang lain akan dilaksanakan berperingkat-peringkat selepas penilaian kejayaan tiap kursus dibuat.

Kementerian saya akan terus melaksanakan aktiviti-aktiviti perkembangan bakat pemain, latihan pemain-pemain muda, kursus-kursus kejurulatihan dan pegawaiian dan menganjurkan seminar-seminar sukan dalam usaha penggalakan dan peningkatan bagi prestasi sukan di negara ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan, mutu sukan sebagai dikatakan di sini merosot dan langkah-langkah akan dicadangkan. Saya ucapkan terima kasih. Saya bersetuju kerana saya lihat dalam *Utusan Melayu* pada hari ini khususnya di negeri Selangor yang mana Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sendiri bertitah keistimewaan patut diberi kepada mereka yang berkhidmat di bidang sukan dari segi perumahan, pangkat dan sebagainya. Soalan saya selain daripada kursus-kursus tadi adakah pihak Kementerian berkenaan akan memberi keistimewaan kepada ahli-ahli sukan dengan menaikkan pangkat, dengan memberi berbagai-bagai keistimewaan terutama memberi gaji yang berpatutan yang mana kita lihat hari ini ahli sukan kita masa dia bagus disanjung akhirnya takdan dia hendak turun ditempek sorak dan sebagainya sedangkan tempek sorak mereka dapat, kewangan pula kurang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ringkaskan soalan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Adakah Kerajaan bercadang akan memberi keistimewaan macam setengah negeri ada memberi \$500,000 sejuta dan sebagainya, tetapi kita di Malaysia akan memberi keistimewaan berpatutan di segi perumahan, pangkat dan sebagainya sebagaimana saya katakan tadi?

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara ini memang Kementerian saya bersetuju bahawa di mana-mana yang boleh keutamaan diberi kepada mereka yang telah berkhidmat di dalam bidang sukan. Boleh dikatakan sehingga hari ini masalah ini bukanlah satu masalah yang serius dan Kementerian dan juga Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada mereka yang telahpun berkhidmat dalam bidang sukan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohamad Rosli bin Mohamed Ghazali.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali tidak hadir.)

CERAMAH DAN PERJUMPAAN POLITIK—SYARAT DIKENAKAN

12. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada pentadbiran baru yang menuntut bahawa ia adalah "cekap bersih, licin" telah melakukan begitu banyak kesilapan dan ketidakadilan sehingga ia memerlukan bantuan polis Cawangan Khas untuk mengenakan berbagai-bagai sekatan dan syarat apabila partai-partai politik hendak mengadakan ceramah-ceramah dan perjumpaan-perjumpaan politik; jika tidak, beri sebab-sebab mengapa sekatan-sekatan dan syarat-syarat dikenakan ke atas ceramah-ceramah dan perjumpaan-perjumpaan politik.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, tindakan Kerajaan mengenakan syarat-syarat tertentu ke atas parti-parti politik untuk mengadakan ceramah dan perjumpaan politik bukanlah bermakna bahawa pihak Kerajaan telah mengeneipkan prinsip-prinsip keadilan seperti mana didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kalau Ahli Yang Berhormat itu menganggap bahawa penganan syarat-syarat atau sekatan-sekatan terhadap perjumpaan-perjumpaan terbuka ke atas semua pihak termasuk parti Ahli Yang Berhormat itu sendiri mewakilnya sebagai satu ketidakadilan, saya suka menegaskan di sini bahawa adalah lebih tidak adil lagi bagi

Kerajaan yang didokong dan disokong oleh rakyat negara ini membiarkan perjumpaan-perjumpaan terbuka ataupun rapat-rapat umum dibuat tanpa pengawasan yang akhirnya akan menjejaskan ketenteraman awam, keharmonian kaum, keselamatan negara dan seterusnya masa depan rakyat yang sentiasa mencitakan keamanan, perpaduan dan pembangunan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum negara kita masih lagi menghadapi ancaman dari berbagai-bagai pihak dan dari keadaan darurat iaitu kegiatan anasir-anasir pengganas komunis yang bersenjata di dalam hutan serta penyokong-penyokong mereka yang sentiasa bergerak di luar hutan untuk melemah dan menghancurkan Kerajaan yang sah lagi berperlembagaan yang dipilih oleh rakyat negara ini di bawah sistem demokrasi berparlimen.

Saya suka mengambil peluang di sini mengingatkan walaupun keadaan keselamatan negara terkawal pada keseluruhannya, ini tidaklah pula bermakna bahawa ancaman terhadap keutuhan negara tidak wujud lagi. Dalam hubungan inilah sekatan dan syarat-syarat tertentu perlu dikenakan ke atas parti-parti politik agar mana-mana anasir yang anti demokrasi, subversif atau anti nasional tidak dapat menggunakan sebagai landasan mencapai matlamat-matlamat mereka yang tidak diinginkan. Supaya jangan terlupa saya suka mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat itu iaitu Kerajaan sentiasa meletakkan kepentingan rakyat dan negara melebihi daripada kepentingan-kepentingan lain dalam membuat keputusan-keputusannya dari masa ke semasa.

Tuan P. Patta: Soalan tambahan. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa walaupun keadaan keselamatan terkawal tetapi masih lagi Kerajaan tidak mahu membenarkan parti-parti politik termasuk parti Barisan Nasional untuk mengadakan rapat-rapat umum ataupun perjumpaan-perjumpaan orang ramai. Saya ingin mendapati tahu tidakkah semasa konfrantasi Indonesia dalam tahun 1964 dan selepas pemulihan demokrasi berparlimen, selepas pemerintahan

MAGERAN di antara tahun 1971-1974 di mana keselamatan pada masa itu juga dikatakan terkawal rapat-rapat umum dibenarkan diadakan oleh kerana itu adalah satu-satunya ciri asas demokrasi? Kalau Yang Berhormat sedar memandangkan kedua-dua perkara yang saya sebutkan tadi, bolehkah pihak Kerajaan membenarkan rapat umum diadakan pada masa sekarang ini oleh kerana keselamatan dikatakan terkawal.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan masih berpendapat bahawa rakyat dan negara ini masih menghadapi ancaman sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi.

PELAJAR MALAYSIA DI AMERIKA SYARIKAT

13. Tuan Haji Ibrahim bin Mohammad minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah pelajar-pelajar kita yang dihantar ke Amerika Syarikat setakat ini dan berapa ramaikah pula yang dihantar pada tiap-tiap tahun bagi tahun 1980 dan 1981.

Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelajar-pelajar Malaysia di Amerika Syarikat setakat ini dianggarkan berjumlah seramai 13,000 orang. Dari jumlah ini, seramai 5,229 orang adalah penuntut-penuntut anjuran Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan. Bagi tahun 1980, seramai 1,381 orang pelajar telah dihantar dan bagi tahun 1981 adalah seramai lebih kurang 2,200 orang pula.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau sedar bahawa diantara pelajar-pelajar yang dihantar ke Amerika Syarikat dalam tahun 1980 dan juga 1981 ini didapati dihantar ke universiti yang tidak ada kursus yang diberi kepada pelajar-pelajar tersebut. Dan jika terdapat demikian, adakah satu pegawai atau badan yang mengawasi pelajar-pelajar yang dihantar kemerdekaan-rata tempat, misalnya di sebelah California yang didapati mereka ini tidak ada pegawai yang boleh memberi pertolongan kepada pelajar-pelajar tersebut.

Dato' Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Kerajaan menghantar pelajar-pelajar kita di luar negeri terlebih dahulu dibuat satu kajian teliti kepada institusi-institusi pelajaran yang kita hantar pelajar-pelajar tersebut. Dengan hal yang demikian kajian yang dilakukan itu boleh mengelakkan daripada berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan. Lagi pun akhir-akhir ini Kerajaan bercadang untuk mengadakan pejabat penuntut-penuntut atau Pejabat pelajar-pelajar Malaysia di Amerika Syarikat supaya menjaga kebajikan dan juga keadaan pelajar-pelajar kita di Amerika Syarikat.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah menerangkan iaitu di Amerika lebih daripada 13,000 penuntut-penuntut daripada Malaysia, dari sini 5,000 lebih adalah anjuran Kerajaan. Bermakna bakinya di antara 7,000 hingga 8,000 adalah mereka ini pergi bersendirian. Saya hendak bertanya sejauh manakah ataupun apakah langkah-langkah kawalan yang dibuat oleh pihak Kerajaan kita kepada mereka yang pergi secara persendirian yang berjumlah antara 7,000 ke 8,000 ini.

Dato' Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran menghadapi kesukaran sedikit di dalam mendapatkan rekod-rekod ataupun kawalan kepada mereka ini, kerana mereka adalah merupakan pelajar-pelajar persendirian dan juga amalan universiti-universiti di Amerika Syarikat adalah begitu menjaga kepentingan ataupun informasi-informasi private (private information) kepada murid-murid yang berkenaan dan amat sukar kita mendapatkan maklumat-maklumat daripada universiti-universiti yang berkenaan kerana amalan jagaan private information oleh universiti-universiti di Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran dan agensi-agensi yang menghantar murid-murid ini adalah sentiasa cuba berikhtiar dan berusaha untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan dan juga untuk mengadakan kawalan yang sebaik-baiknya terhadap pelajar-pelajar persendirian.

TEBU—UJIAN JENIS AUSTRALIA

14. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pertanian menyatakan kemajuan yang telah dicapai mengenai ujian berbagai jenis tebu dari Australia untuk ditanam di negara ini. Jika ujian ini berjaya, bilakah tebu-tebu ini akan mula ditanam.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, kajian ini adalah di bawah kerjasama Australia—Malaysia di mana beberapa persetujuan telah ditetapkan untuk kajian-kajian ke atas tanaman tebu. Kajian-kajian ini termasuklah kawalan penyakit, jenis-jenis tebu dan kesuburan tanah. Sehingga ini jenis-jenis tebu itu belum lagi dibekalkan kepada MARDI. Jadi ujian tersebut adalah seperti berikut:

- (1) 25 jenis tebu akan dikirim kepada Jabatan Pertanian Malaysia untuk dikuarantina selama satu tahun. Jenis-jenis ini dijangka tiba di pertengahan tahun 1982.
- (2) Tahun 1982-1983 Kuarantina di Jabatan Pertanian.
- (3) Tahun 1983-1984 jenis-jenis ini akan diperbanyakkan di Stesyen Mardi, Serdang.
- (4) Tahun 1985 tebu-tebu ini akan diuji kesesuaian masing-masing di kawasan-kawasan tanaman tebu dan diperbanyakkan untuk edaran kemudian. Ujian ini diteruskan untuk tiga atau empat tahun.
- (5) Tahun 1988 jenis-jenis yang sesuai akan disyorkan untuk tanaman di ladang. Sebelum persetujuan kajian di atas dibuat, MARDI telah menguji beberapa jenis tebu yang diimport dari Australia di awal tahun 70an. Cuma jenis Q82 sahaja yang didapati sesuai sekiranya ditanam di kawasan yang tidak ada penyakit PG dan wabak semaian tebu, kerana jenis ini kurang tahannya kepada penyakit-penyakit di atas.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11, 15 hingga 17, 19 hingga 40, 42 hingga 53 adalah diberi dibawah ini).

SKIM MAKANAN PERCUMA KE SEKOLAH-SEKOLAH

11. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar yang skim makanan percuma ke sekolah-sekolah yang diberi kepada murid-murid yang ibubapa mereka kurang mampu, mendapat sambutan yang sungguh menggalakkan, tetapi kadang kala ianya boleh secara tidak disedari menimbulkan perasaan jauh hati kepada murid-murid yang tidak terlibat dengan skim ini terutama di kawasan-kawasan pendalaman. Jika sedar adakah beliau bercadang melaksanakan skim ini supaya ianya meliputi semua murid-murid di dalam sekolah yang berkenaan.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Saya sedar bahawa skim makanan percuma ke sekolah-sekolah iaitu Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah, mendapat sambutan yang sungguh menggalakkan. Saya juga sedar bahawa ada kemungkinan untuk menimbulkan perasaan jauh hati kepada murid-murid yang tidak terlibat dalam Rancangan ini.

Tujuan utama Rancangan Makanan Tambahan adalah untuk memberi makanan tempatan yang berzat dan seimbang kepada murid-murid Sekolah Rendah yang memerlukan sebab salah pemakanan dan kemiskinan.

GETAH ASLI—PERUSAHAAN

15. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan amaun produksi getah selama 3 tahun yang lalu, amaun getah dikhaskan untuk kegunaan tempatan dan amaun dieksportkan dalam tempoh ini, kos produksi getah semasa dan harga jualan getah dan sama ada beliau sedar akan penambahan insentif-insentif patutlah diberikan kepada pengilang-pengilang

tempatan produk-produk menggunakan getah untuk menganjurkan kenaikan kegunaan tempatan dan kestabilan harga getah.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telah pun mengumumkan tahun-tahun 80(an) sebagai tahun-tahun perusahaan yang berasaskan sumber-sumber tempatan (Resource-based industries) termasuklah perusahaan berasaskan getah asli. Kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai insentif dan kemudahan-kemudahan tertentu bagi menggalakkan lagi perkembangan perusahaan berdasarkan getah asli di negara ini seperti pemberian taraf printis, insentif cukai berdasarkan kepada jumlah modal dan penggunaan tenaga pekerja tempatan. Selain dari itu, Kementerian saya melalui unit-unit dan Pusat Teknologi di bawah Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB) memberikan perkhidmatan nasihat teknikal serta menjalankan aspek-aspek penyelidikan tertentu bagi menggalakkan dan membantu projek-projek perusahaan berasaskan getah asli.

Di samping itu Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC) telah memainkan peranan penting ke arah mengadakan projek usahasama dalam bidang perusahaan mengeluarkan barang-barang berasaskan getah asli. Dalam hal ini MARDEC telah mengadakan projek-projek usahasama dengan syarikat-syarikat asing bagi mengeluarkan barang-barang berasaskan getah seperti kasut, topi mandi, sarung tangan dan tayar.

Dalam usaha untuk menstabilkan harga getah pula, Kerajaan telah mengarahkan MARDEC dan RISDA supaya membeli getah secara terus dari pekebun-pekebun kecil. Kita juga telah berjaya mewujudkan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa yang bertujuan untuk menstabilkan harga getah asli pada paras yang ekonomik kepada pengeluar-pengeluar melalui operasi stok penimbal.

Mengenai perangkaan-perangkaan berhubung dengan pengeluaran, penggunaan getah asli tempatan, kos pengeluaran dan

harga getah seperti yang diminta itu, butir-butir ini bolehlah disampaikan secara berasingan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan.

TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH—HASIL PERBINCANGAN

16. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau telah membangkitkan tuntutan Filipina ke atas Sabah dengan Kerajaan Filipina dan apakah hasil perbincangan itu;
- (b) sama ada beliau telah membangkitkan masalah-masalah lanun di perairan Sabah dengan Kerajaan Filipina dan sama ada sebarang peraturan telah dibuat untuk memulakan rondaan bersama, jika tidak mengapa;
- (c) sama ada beliau telah membangkitkan masalah orang-orang pelarian Filipina di Sabah dan pengembalian mereka ke Filipina dan bagaimana perkara ini melibatkan hubungan antara Malaysia dengan Filipina.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (a) Isu tuntutan Filipina ke atas Sabah tidak dibangkitkan dengan Kerajaan Filipina dan juga tidak ada perbincangan mengenai perkara ini sejak Kerajaan Filipina membuat pengumuman resmi untuk mengambil 'langkah-langkah yang wajar' bagi menggugurkan tuntutan negaranya ke atas Sabah semasa Persidangan Ketua-ketua Negara ASEAN di Kuala Lumpur pada tahun 1977. Sepertimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia tidak pernah mengiktirafkan tuntutan Filipina ke atas Sabah.
- (b) Hingga sekarang ini belum lagi ada perjanjian antara Malaysia dan Filipina mengenai perkara ini. Tetapi kedua-
kedua Kerajaan senantiasa bekerjasama menyelesaikan kegiatan-kegiatan lanun di perairan Sabah dari semasa ke semasa terutamanya bila perkara ini berbangkit dan ini adalah memadai buat masa sekarang.

- (c) Masalah orang-orang pelarian Filipina di Sabah dan pengembalian mereka ke Filipina sedang diuruskan oleh pihak Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu bagi Hal Ehwal Orang-Orang Pelarian (UNHCR). Saya harap perkara ini dapat diselesaikan secepat mungkin.

CAMPURTANGAN KUASA LUAR KE ATAS MALAYSIA—SIKAP

17. Dato' Hishamuddin bin Haji Yahya minta Menteri Luar Negeri menyatakan oleh kerana dasar Malaysia dan ASEAN tidak mahu campurtangan di dalam sebarang masalah dalam negara-negara lain, maka apakah pendirian Malaysia dan ASEAN terhadap negara-negara asing yang cuba campurtangan di dalam hal ehwal dalam negeri Malaysia dan ASEAN khususnya campurtangan mereka itu menjejaskan konsep ZOPFAN.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Malaysia menentang sebarang bentuk campurtangan dari kuasa luar di dalam hal ehwal negeri kita. Sikap ini yang juga diamalkan oleh ASEAN adalah berdasarkan kepada kepercayaan kita kepada undang-undang antarabangsa dan kepada prinsip-prinsip Piagam Bangsa-bangsa Bersatu yang menggariskan supaya kemerdekaan dan keuntuhan wilayah satu-satu negara dihormati, tidak menggunakan atau mengancam dengan menggunakan kekerasan dalam menyelesaikan pertikaian, dan bekerjasama dalam bidang-bidang yang berfaedah kepada kedua belah pihak.

Salah satu langkah Malaysia telah dengan giatnya menganjurkan untuk mewujudkan keamanan dan kestabilan di rantau ini dan menjauhkan campurtangan kuasa-kuasa besar ialah dengan melalui konsep Zone Aman, Bebas dan Berkecuali.

Pertikaian di Kampuchea merupakan satu kes pencerobohan dan Malaysia tidak dapat menerima hakikat ini. Ia adalah bertentangan dengan matlamat Zone Aman, Bebas dan Berkecuali yang kita cuba wujudkan. Atas alasan ini jugalah ASEAN berusaha dengan gihnya untuk mencari satu penyelesaian politik yang berkecualan di Kampuchea.

KELAPA SAWIT/GETAH—SUBSIDI AKIBAT KEJATUHAN HARGA

19. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi subsidi kepada peneroka Felda—semasa menghadapi krisis kejatuhan harga buah kelapa sawit atau getah.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Shariff Ahmd): Dalam keadaan dimana harga pasaran merosot dan menjejaskan pendapatan peneroka, Felda membantu peneroka dengan memberi jaminan 'pendapatan minima' kepada mereka. Bagi pendapatan yang kurang dari paras minima ini, potongan-potongan hutang peneroka, seperti Bayaran Kembali Pinjaman Pembangunan, Bayaran Cukai Tanah (CAC), Bayaran Baja dan tunggakan-tunggakan lain, tidak dipungut sehingga paras pendapatan mereka bertambah baik.

Cara dan jumlah potongan yang dikenakan itu dan juga pendapatan bersih yang diterima oleh peneroka adalah sentiasa dikaji dari masa kesemasa supaya mereka tidak mengalami apa-apa kesulitan dan memperoleh pendapatan yang berpatutan.

MASJID UBUDIAH BUKIT CHANDAN

20. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Menteri Penerangan menyatakan mengapakah Masjid Ubudiah Bukit Chandan, Kuala Kangsar menjadi pilihan TV ketika memperdengarkan suara azan Maghrib dan Isyak dan tidak masjid lain. Apakah Masjid Negara sudah tidak menarik lagi.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Konsep mengenai liputan gambaran bagi latar belakang ketika azan diperdengarkan ialah mencerminkan keagongan Agama Islam di negara ini sebagai termaktub di dalam Perlembagaan di samping memperkenalkan kekayaan seni bena Islam di Negara ini.

Masjid Negara adalah di antara Masjid-Masjid yang menarik sama ada untuk penggambaran biasa ataupun sebagai latar belakang seruan azan dan satu ketika dahulu

RTM telah menyiarkan gambar-gambar mengenainya ketika azan diperdengarkan. Dalam pada itu di Negara Malaysia ini ada berbagai Masjid terkemuka termasuk Masjid Ubudiah yang sesuai digunakan sebagai latar belakang untuk tujuan yang sama.

Pada masa hadapan di samping menggambarkan Masjid Negara liputan gambaran mengenai Masjid-masjid lain di Negara ini yang termasuk dalam kumpulan tadi akan digunakan sebagai latar belakang ketika azan diperdengarkan.

HOSPITAL PASIR PUTEH

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa sebidang tanah seluas 30 ekar telah selesai pengambilan balik tanahnya pada tahun 1978 lagi. Jika sedar, bilakah bangunan Hospital Pasir Puteh itu akan dimulakan pembinaannya.

Dato' K. Pathmanaban: Saya sedar bahawa sebidang tapak seluas lebihkurang 12.1 hectare (30 ekar) telah diperolehi pada tahun 1978 bagi tujuan membina Hospital Daerah Pasir Puteh.

Mengikut jadual pelaksanaan hospital-hospital dalam Rancangan Malaysia Keempat, pembinaan Hospital Daerah Pasir Puteh adalah dijangka bermula pada lewat tahun 1983 atau awal tahun 1984.

PERKHIDMATAN FERI PULAU PINANG—BUTTERWORTH

22. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada benar perkhidmatan feri Pulau Pinang—Butterworth akan ditamatkan selepas siapnya pembinaan jambatan Pulau Pinang; jika ya, apakah sebab-sebab munasabah untuk menamatkan perkhidmatan feri ini; dan
- (b) sama ada beliau akan dapat memberi jaminan bahawa bayaran yang akan dikenakan pada kenderaan-kenderaan yang menggunakan jambatan ini nanti tidak akan melebihi kadar yang dikenakan sekarang oleh perkhidmatan feri.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon):

- (a) Pada masa ini, belum ada cadangan untuk menghentikan perkhidmatan feri apabila jambatan Pulau Pinang itu siap kelak. Perkara ini akan dikaji berasaskan kepada permintaan dan keperluan penggunaan feri demi kepentingan orang ramai, dan juga sektor pengangkutan pada keseluruhannya, dan jika didapati perlu perkhidmatan feri akan diteruskan.
- (b) Saya tidak dapat memberi jaminan atas kadar tol yang akan dikenakan bagi penggunaan jambatan ini. Perkara ini adalah di luar bidang tugas Kementerian saya.

SKIM PENCEN BAGI PEKERJA LADANG/LOMBONG

23. Tuan P. Patto minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan supaya skim pencen diperkenalkan dalam bidang pihak swasta, khususnya di ladang-ladang dan lombong-lombong untuk menjamin kehidupan yang stabil bagi pekerja-pekerja dalam bidang-bidang ini apabila mereka bersara, jika tidak, mengapa.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Satu kajian mengenai kemungkinan memperkenalkan suatu skim pencen di kalangan pekerja-pekerja swasta, termasuk pekerja-pekerja di ladang-ladang, lombong-lombong dan nelayan-nelayan bagi menjamin kehidupan yang lebih stabil apabila mereka bersara kelak, telahpun dijalankan oleh seorang Pakar Pertubuhan Buruh Antarabangsa, dalam tahun 1977. Walau bagaimanapun, Kerajaan belum lagi dapat membuat apa-apa keputusan terhadap cadangan-cadangan yang terdapat dalam laporan Pakar itu. Ada beberapa masalah yang harus diselesaikan terlebih dahulu sebelum cadangan-cadangan mengadakan suatu skim pencen itu dapat dilaksanakan.

Sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan pada akhir tahun lalu untuk menyemak laporan tersebut serta memeriksa skim-skim

yang sedia ada dan membuat perakuan-perakuan tertentu kepada Kerajaan. Kerajaan akan hanya dapat membuat keputusan setelah menerima perakuan-perakuan dari Jawatankuasa itu.

PASUKAN POLIS—BERBILANG BANGSA

24. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kemajuan yang dicapai untuk membilangbangsakan pasukan polis dan sama ada beliau sedar gaji rendah dan kebimbangan mengenai prospek kenaikan pangkat yang kurang telah menghalang pemuda-pemuda bukan Melayu daripada menjadikan penguatkuasaan undang-undang satu kerjaya.

Dato' Musa Hitam: Pasukan Polis Diraja Malaysia yang berasal dari pasukan Polis Negeri-Negeri Selat yang telah ditubuhkan dalam tahun 1807, adalah satu pasukan yang bersifat berbilang bangsa semenjak ianya diwujudkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu kemasukan orang-orang bukan Melayu ke peringkat Inspektor dan Penolong Penguasa Polis adalah menggalakkan manakala di peringkat Konstabel masih belum memuaskan lagi. Oleh itu soal gaji dan prospek kenaikan pangkat adalah tidak timbul sama sekali.

GERAN/BANTUAN GAJI KEPADA KERAJAAN TEMPATAN

25. Tuan Au How Cheong minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa banyak geran/bantuan gaji telah diberi kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan dalam (1) Perak dan (2) negeri-negeri lain sejak pelaksanaan tangga gaji baru; dan
- (b) adakah benar bantuan/geran itu diberhentikan bagi Perak mulai 1982.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam):

- (a) Kerajaan Persekutuan memberi bantuan dalam bentuk pendahuluan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi membiayai pertambahan perbelanjaan gaji kakitangan di Jabatan-jabatan

Negeri dan Penguasa-penguasa Tempatan apabila terlaksananya tangga gaji baru mulai dari 1hb Julai, 1980. Jumlah pendahuluan yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri Perak bagi tempoh bulan Julai 1980 hingga bulan Disember 1981 ialah sebanyak \$32,392,266.00 sen. Jumlah sebenar yang telah diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan di Negeri Perak adalah terpulang kepada budibicara Kerajaan Negeri Perak sendiri. Bagi negeri-negeri yang lain, pendahuluan yang telah diberi untuk tempoh yang sama berjumlah sebanyak \$249,278,349.26 sen.

- (b) Memang benar bantuan pendahuluan ini diberhentikan mulai tahun 1982 bukan sahaja kepada Negeri Perak, tetapi negeri-negeri lain juga. Ini adalah selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan untuk memberikan bantuan tersebut kepada semua negeri bagi tempoh 18 bulan sahaja. Namun demikian, negeri-negeri yang masih menghadapi masalah kewangan bagi membiayai perbelanjaan gaji boleh terus membuat permohonan bagi mendapatkan bantuan daripada Kumpulanwang Pendahuluan untuk Negeri-negeri.

KLINIK-KLINIK DESA DI SARAWAK

26. Tuan Sibot Miyut anak Tagong minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Klinik-klinik Desa di Sarawak selalu kekurangan berbagai-bagai jenis ubat yang diperlukan untuk pesakit dan juga bahawa setiap klinik mengalami kekurangan kakitangan untuk menampung bilangan penduduk disekitarnya.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, klinik-klinik desa biasanya menyimpan bekalan ubat-ubatan untuk tempoh 3 bulan pada minimanya. Akan tetapi mungkin terdapat Klinik-klinik Desa yang terpercil yang kekurangan ubat-ubatan tertentu disebabkan masalah-masalah perhubungan dan faktor-faktor lain yang tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, klinik-klinik Kerajaan sentiasa dibekalkan

dengan ubat-ubatan yang mencukupi bagi menampung keperluan pesakit-pesakit. Biasanya lebih daripada satu jenis ubat tertentu dibekalkan bagi merawat sesuatu penyakit atau keadaan dan dengan ini dalam keadaan kurangnya satu jenis ubat, sejenis yang lain dapat digunakan. Kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan klinik-klinik desa mempunyai kakitangan yang mencukupi supaya memberi perkhidmatan kesihatan yang memuaskan kepada penduduk-penduduk di sekitarnya. Kekurangan kakitangan yang mungkin berlaku akibat perletakan jawatan atau pertukaran adalah diisi dengan secepat mungkin.

ANGGOTA POLIS—KUOTA BUKAN BUMIPUTERA

27. Tuan Mohd. Bakri bin Rais minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh mana pengambilan anggota-anggota polis telah dapat memenuhi kuotanya berkaitan dengan bukan bumiputera.

Dato' Musa Hitam: Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengambil anggota-anggota polis berkhidmat di dalam Pasukan Polis berasaskan kepada komposisi keturunan yang ada di Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan anggota-anggota Polis dari kalangan bukan bumiputera di peringkat Inspektor dan Penolong Penguasa Polis adalah menggalakkan, tetapi bagi pengambilan jawatan di peringkat Konstebel adalah kurang mendapat sambutan.

KESESAKAN LALULINTAS

28. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali meminta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam menyatakan memandang kesesakan lalulintas yang begitu pesatnya tidak putus-putus di Tambak Johor adakah Kerajaan bercadang hendak membina sebatang tambak lagi dari Johor ke Singapura. Jika tidak mengapa.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Sebenarnya Kerajaan telah mengkaji mengenai persoalan yang dikemukakan dan

didapati adalah tidak perlu buat masa ini Tambak Kedua di antara Johor dan Singapura dibina memandangkan tambak tersebut mampu untuk mengendalikan keperluan Lalulintas. Keadaan kesesakan ini wujud hanyalah di masa-masa tertentu sahaja seperti menjelang perayaan dan hari kelepasan am. Kerajaan telah dan sedang cuba untuk meningkatkan mutu pentadbiran dalam pengendalian di kawasan Pemeriksaan Imigresen dan Kastam yang sedia ada bagi mengatasi masalah ini.

JEMAAH HAJI MENAIKI PESAWAT MAS

29. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sedar bahawa MAS menukar jadual penerbangan pulangnya semata-mata berdasarkan kekosongan kerusi akibat kematian sebahagian daripada Jemaah, menyebabkan kesulitan dan rasa tak puas hati kepada Jemaah yang terpaksa balik sebelum dijadualkan pulang dan jika ya, apakah tindakan yang boleh diambil mengenai perkara ini, dan sama ada penerbangan sewa MAS boleh mendarat di mana sahaja apabila waktu subuh sampai supaya para Jemaah boleh menunaikan Fardhu Subuh semasa penerbangan pergi balik dari Tanah Suci.

Dato' Lee San Choon: MAS tidak pernah menukar jadual penerbangan pulangnya semata-mata berdasarkan kekosongan kerusi akibat kematian sebahagian dari Jemaah. Tetapi pada tahun 1981 MAS atas permintaan LUTH telah membatalkan 2 penerbangan terakhir kerana tidak ada lagi penumpang-penumpang. Ini berlaku oleh kerana penumpang-penumpang yang dijadualkan pulang dengan 2 penerbangan terakhir itu telah atas permintaan mereka sendiri pulang dengan penerbangan lebih awal iaitu penerbangan-penerbangan yang mempunyai kekosongan kerusi akibat kematian sebahagian dari Jemaah Haji. Perkara rasa tidak puas hati oleh Jemaah yang pulang sebelum jadual asalnya tidak timbul sama sekali kerana mereka-mereka ini sendiri telah memohon untuk balik lebih awal.

Patut disebutkan di sini bahawa penumpang-penumpang yang dijadualkan

balik dengan 2 penerbangan terakhir yang telah dibatalkan itu telahpun diberi pilihan sama ada hendak balik lebih awal daripada jadualnya atau terlebih lewat lagi iaitu dengan penerbangan biasa MAS. Tetapi semuanya telah memilih untuk balik lebih awal dari jadual asalnya.

Bagi soalan berikutnya dimaklumkan bahawa penerbangan khas MAS tidak boleh mendarat di mana-mana sahaja apabila waktu subuh sampai untuk membolehkan para Jemaah menunaikan Fardhu Subuh semasa penerbangan pergi dan balik dari Tanah Suci.

Untuk makluman, tiap-tiap Jemaah Haji telah diberitahu melalui Risalah Penerangan dan juga melalui syarahan-syarahan bahawa semasa mereka di atas kapal terbang, apabila masuk waktu sembahyang, mereka hendaklah mengerjakan sembahyang. Cara mengerjakan sembahyang di dalam penerbangan adalah:

“Sembahyang dengan ketiadaan alat suci iaitu tanah dan air kerana menghormati waktu, gerakan sembahyang sama seperti orang yang sembahyang terikat di pokok iaitu dengan isyarat. Apabila Hujjaj sampai ke Lapangan Terbang Jeddah dan Kuala Lumpur dan masih ada waktu itu, maka wajiblah ia sembahyang semula. Jika luput waktu maka wajiblah sembahyang itu diqadha.”

PENGEDAR DADAH SEBERANG LAUT— MENCEMAR IMEJ MALAYSIA

30. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya berwaspada bahawa rakyat Malaysia yang ditangkap menyeludup dadah di seberang laut telah mencemarkan imej Malaysia dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mencegah negara kita dari digunakan sebagai “staging point” oleh para pengedar dadah.

Dato' Musa Hitam: Saya memang sedar tentang adanya warganegara Malaysia yang telah ditangkap di luar negeri kerana kegiatan mengedar dadah dan ini telah sedikit sebanyak mencemar imej Malaysia. Walau bagaimanapun saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa bukan sahaja warganegara Malaysia yang telah ditangkap di

seberang laut kerana kesalahan-kesalahan dadah tetapi warganegara asing telah juga ditangkap di negara kita dan mereka ini telah dihukum dengan sewajarnya.

Pihak Kerajaan telah mengambil segala langkah yang boleh bagi mencegah kemasukan dadah ke negara ini sama ada untuk kegunaan tempatan ataupun untuk pengedaran ke seberang laut. Rondaan-rondaan sempadan di perbatasan Malaysia/Thailand dan kawalan di pintu-pintu masuk dan keluar negara telah diperketatkan manakala pihak Polis pula sentiasa mengawasi orang-orang yang terlibat dengan soal dadah. Hukuman yang paling berat, iaitu hukum mati telah dikenakan. Pada masa ini kajian yang mendalam sedang dibuat bagi mengadakan peruntukan undang-undang bagi membolehkan rampasan dibuat ke atas benda-benda yang didapati hasil dari kegiatan pengedaran dadah.

Kita tidak dapat menyekat rakyat Malaysia daripada keluar negeri untuk tujuan berniaga ataupun melawat dan kita juga tidak dapat mengetahui sama ada mereka pergi keluar negeri itu akan melibatkan diri dalam kegiatan dadah.

Perlu diingat bahawa salah satu sebab yang menggalakkan rakyat negara ini dan lain-lain negara Asia melibatkan diri dalam kegiatan pengedaran dadah di negara-negara Barat ialah hakikat bahawa hukuman-hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang ditangkap di negara-negara ini adalah terlalu ringan.

Dalam hubungan ini Kerajaan kita sentiasa menyeru negara-negara Barat supaya mengadakan peruntukan undang-undang yang lebih ketat terhadap pengedar-pengedar dadah bagi mengurangkan kegiatan-kegiatan tersebut. Malaysia bukanlah merupakan satu sahaja negara Asia yang mana rakyatnya terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah di negara-negara Barat bahkan terdapat juga rakyat di negara-negara lain di rantau ini.

SEKIM PINJAMAN PERUMAHAN UNTUK PENCARUM

31. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar

bahawa kadar pinjaman perumahan EPF adalah terlalu rendah jika dibandingkan dengan harga rumah yang tinggi sekarang. Jika sedar, adakah beliau akan menimbang untuk membuat satu skim yang lebih baik dan bermakna.

Dato' Mak Hon Kam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tidak mengadakan sebarang skim pinjaman perumahan untuk pencarum-pencarumnya. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja hanya melaksanakan skim pengeluaran caruman untuk tujuan membantu pencarum-pencarum KWSP yang ingin membeli rumah mengatasi masalah mendapatkan pembayaran pendahuluan sebanyak 10% daripada harga rumah yang biasanya diperlukan oleh pemaju-pemaju rumah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah memberi penerangan mengenai tujuan skim pengeluaran caruman ini semasa menjawab soalan mulut di Dewan ini pada 9hb Mac yang lalu.

SISTEM PENDINGIN HAWA DI BILIK PEMBEDAHAN HOSPITAL

32. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Kesihatan menyatakan beberapa kalinya berlaku kerosakan dan kekurangan daya sistem hawa dingin bilik-bilik pembedahan di Hospital Universiti dan Hospital-hospital Umum di seluruh Malaysia semasa pembedahan dijalankan, dan langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan kerosakan begitu tidak akan berlaku lagi.

Dato' K. Pathmanaban: Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sistem pendingin hawa di bilik-bilik pembedahan hospital-hospital besar sedang berjalan dengan baik di mana tidak pernah berlaku apa jua kerosakan besar. Pada kebiasaannya, hanya terdapat kerosakan-kerosakan kecil kepada pendingin-pendingin hawa yang mana adalah mudah diperbetulkan.

Secara purata bilangan kerosakan kecil yang berlaku ialah 2 kali sebulan. Dari rekod-rekod yang sedia ada, didapati bahawa Hospital-hospital Besar di seluruh negara ini

tidak mengalami masalah kerosakan sistem hawa dingin di dewan bedahnya kecuali yang memerlukan pembaikan-pembaikan kecil.

Sistem pendingin hawa di dewan-dewan bedah diselenggarakan sebulan sekali bagi memastikan ianya berjalan dengan baik. Satu kajian akan dijalankan untuk mengganti sistem-sistem yang telah lama. Kementerian jua sedang giat mengembangkan jabatan-jabatan kejuruteraan di hospital-hospital besar yang mana akan dipertanggungjawab untuk menentukan perjalanan sistem pendingin hawa yang baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya difahamkan bahawa kerosakan sistem pendingin hawa di Hospital Universiti baru-baru ini telahpun diperbaiki. Hospital ini terletak di bawah Kementerian Pelajaran.

DIFISIT DALAM IMBANGAN PEMBAYARAN NEGARA

33. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab terdapat difisit terlalu besar dalam kedudukan perimbangan bayaran negara ini dan untuk berapa lamakah keadaan ini dijangka ujud dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk membaiki keadaan yang tidak baik ini.

Dato' Mak Hon Kam: Kurangan yang terdapat dalam imbalan pembayaran negara adalah disebabkan oleh beberapa perkara tertentu. Pertama, akaun perdagangan yang merupakan punca kekukuhan imbalan pembayaran kita, dijangka merosot buat pertama kalinya sejak tahun 1961. Dalam tempoh 11 bulan pertama tahun 1981, kurangan imbalan perdagangan berjumlah sebanyak \$581.1 juta. Data mengenai kurangan pendapatan bagi keseluruhan tahun 1981 belum lagi diperolehi.

Kurangan perdagangan dalam tempoh 11 bulan pertama tahun 1981, itu adalah berpunca dari kejatuhan eksport bagi barangan utama kita akibat dari kemelesetan ekonomi yang berlaku di negara-negara perindustrian. Harga eksport getah telah merosot sebanyak 16.1% dari 304.5 sen sekilo dalam 11 bulan pertama 1980 kepada 255.5 sen sekilo dalam tempoh yang sama tahun 1981.

Harga eksport bijih timah pula telah turun sebanyak 12.1% kepada \$31,884 setan metrik berbanding dengan \$36,263 setan metrik dalam 11 bulan pertama tahun 1980. Harga eksport bagi kayu balak dan kayu balak bergergaji juga telah merosot berikutan dari permintaan eksport yang berkurangan. Dalam 11 bulan pertama 1981, nilai yunit kayu balak dan kayu balak yang bergergaji masing-masing telah merosot sebanyak 12.5% dan 8.1%.

Eksport barang-barang perkilangan yang merupakan kira-kira 18% dari jumlah eksport, juga telah mengalami kemerosotan dalam 11 bulan pertama tahun 1981 berikutan dari permintaan luar negeri yang lembab terutamanya ke atas barang-barang elektronik seperti injap dan salur termionic, fotosel dan sebagainya. Eksport barang-barang tersebut yang merupakan 27% dari eksport barang-barang perkilangan telah merosot sebanyak 47.7% dalam 11 bulan pertama tahun 1981 berbanding dengan kenaikan sebanyak 26.8% dalam tempoh yang sama tahun 1980.

Di samping eksport yang berkurangan, import pula telah meningkat dengan pesat sebanyak 12.9% dalam tempoh 11 bulan pertama tahun 1981, bagi memenuhi keperluan penggunaan dalam pelaburan yang meningkat. Dalam tempoh tersebut import makanan yang merupakan 11% dari jumlah import, telah meningkat sebanyak 24.9% terutamanya disebabkan oleh kenaikan dalam import beras, gula mentah dan bijian gandum. Import jentera dan kelengkapan pengangkutan yang merupakan 37% dari jumlah import telah meningkat sebanyak 8.1% manakala import barang-barang perkilangan telah naik sebanyak 9.6% dalam 11 bulan pertama 1981, berikutan dari perkembangan dalam sektor perkilangan.

Kedua, ialah kerana akaun perkhidmatan terus mengalami kurangan, terutamanya disebabkan oleh pertambahan dalam tambang muatan dan insuran. Oleh kerana akaun perdagangan dan perkhidmatan menunjukkan kurangan, maka kurangan dalam akaun semasa ini dijangka meningkat kepada kira-kira \$5.8 ribu juta dalam tahun 1981.

Walaupun bagaimanapun, aliran masuk modal resmi dan swasta jangka panjang yang banyak telah dapat memperbaiki imbalan asas atau "basic balance". Dengan imbalan yang kukuh dalam akaun modal, keseluruhan imbalan pembayaran kita dianggarkan menunjukkan kurangan sebanyak kira-kira \$1.09 ribu juta dalam tahun 1981.

Keadaan ini dijangka akan bertambah buruk dalam tahun 1982, jika sekiranya kemelesetan di negara-negara maju akan berterusan tahun ini. Kita tidak dapat memastikan berapa lama keadaan seperti ini akan berlaku. Ini adalah bergantung kepada pemulihan ekonomi negara-negara perindustrian dan sejauhmana kita dapat mengurangkan pembayaran perkhidmatan atau "invisibles" kepada negara-negara asing. Mengikut ramalan, ekonomi negara-negara perindustrian akan mula pulih pada tahun 1983. Jika pemulihan ini berlaku dan kita dapat mengeluarkan gas asli cecair atau LNG untuk eksport maka imbalan pembayaran negara dijangka akan bertambah baik dalam tahun 1983.

Memandangkan bahawa kedudukan ekonomi antarabangsa masih kurang baik lagi Kerajaan telah mengambil langkah jangka pendek dan panjang untuk memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran. Langkah-langkah ini termasuklah penubuhan satu Majlis "Invisibles" bagi menggubal dan mengesyorkan langkah-langkah untuk memperbaiki perkhidmatan atau akaun "invisibles" yang selalu mengalami kurangan dalam imbalan pembayaran. Selain dari itu, cadangan-cadangan dalam Belanjawan 1982 ke atas pembiayaan semula eksport, galangan-galangan bagi perkapalan dan cukai keistimewaan insuran bagi risiko-risiko di lautan adalah merupakan langkah-langkah awal bagi memperbaiki akaun perkhidmatan. Satu lagi langkah yang penting ialah perkhidmatan perkapalan yang kedua oleh Pemas yang dijangka ditubuhkan dalam sedikit masa lagi dan pertambahan dalam berat muatan kapal-kapal kepunyaan MISC. Dengan itu, adalah diharap bahawa kita akan dapat mengangkut lebih banyak import dan eksport kita dengan menggunakan kapal-kapal kita sendiri tanpa membayar tambang

ruang di kapal-kapal kepunyaan asing dan akhirnya kapal-kapal kita boleh bersaing dalam memberikan perkhidmatan perkapalan antarabangsa ke negara-negara lain.

Selain dari itu, pihak Kerajaan akan menyediakan beberapa galakan untuk sektor swasta terutama sektor perkilangan dalam usaha untuk mempelbagaikan eksport barang-barang perkilangan. Struktur eksport telah dikaji semula supaya kita tidak hanya bergantung kepada eksport beberapa jenis barang sahaja. Kita juga akan berusaha lebih giat lagi untuk mencari pasaran-pasaran baru bagi barang-barang eksport selain daripada pasaran-pasaran yang sedia ada. Dengan cara ini, kita akan dapat meningkatkan pengeluaran sektor perkilangan dan seterusnya memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran.

KESATUAN SEKERJA DALAM PERUSAHAAN LOMBONG

34. Tuan P. Patta minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa, memandangkan tidak wujudnya kesatuan sekerja di lombong-lombong China, pekerja-pekerja di situ sering ditipu oleh pihak majikan kerana "ignorance" undang-undang buruh asas, jika ya, bolehkah Kementerian beliau mengeluarkan risalah-risalah dan buku-buku yang menerangkan hak-hak dan keistimewaan setiap pekerja dari segi cuti am, cuti tahunan, pekerjaan semasa cuti-cuti ini, pemberhentian kerja, pembuangan kerja, kerja lebih masa dan sebagainya, jika tidak boleh, mengapa.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Saya menyedari tentang tidak wujudnya kesatuan-kesatuan sekerja di dalam perusahaan lombong orang-orang China. Tetapi adalah tidak benar jika dikatakan bahawa akibat dari itu, pekerja-pekerja di dalam perusahaan tersebut selalu ditipu oleh majikan-majikan oleh kerana mereka kurang mengetahui mengenai undang-undang buruh. Seseorang pekerja yang tidak berpuashati, mempunyai banyak saluran untuk mendapatkan pertolongan. Cara yang paling mudah adalah dengan

melaporkan kepada Pejabat Buruh yang paling berhampiran dan dijamin aduannya akan diberi perhatian dengan seberapa segera. Pekerja-pekerja di hari ini adalah lebih menyedari dan mengambil berat mengenai hak-hak mereka serta mengetahui banyak cara-cara lain untuk menyelesaikan keraguan mereka daripada apa yang biasa kita fikirkan.

Pegawai-pegawai dari Kementerian saya semasa menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan di tempat-tempat pekerjaan, sentiasa berbincang dan menasihatkan pihak majikan dan pekerja mengenai undang-undang buruh. Pemeriksaan-pemeriksaan mengejut juga sering dijalankan apabila aduan-aduan diterima. Majlis-majlis ceramah dan dailog sentiasa diadakan untuk menerangkan tentang undang-undang kepada majikan-majikan dan pekerja-pekerja.

Di samping itu, Kementerian saya telahpun menyiapkan risalah-risalah untuk menjelaskan beberapa aspek mengenai peruntukan-peruntukan di dalam Ordinan Kerja, 1955. Risalah-risalah ini sedang di dalam proses percetakan dan dibuat di dalam 4 bahasa iaitu Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris dan akan diedarkan tidak berapa lama lagi kepada majikan-majikan dan pekerja-pekerja di seluruh negara.

PENGHANTARAN SURAT DI KAWASAN LUAR BANDAR—MEMPERCEPATKAN

35. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerianya untuk menyegerakan penghantaran surat ke dan dari kawasan luar bandar misalnya tiga minggu diperlukan bagi surat-surat dari Kuala Lumpur untuk sampai ke Pejabat Pos Jalau dan satu minggu diperlukan bagi surat-surat dari Sibul, Sarikei, Kuching dan lain-lain. Untuk sampai ke pejabat pos yang sama dan adakah Kementerian yang berkenaan akan menyediakan kenderaan khas untuk membawa surat-surat dari Sibul atau Sarikei ke Pejabat Pos Daerah Jalau setiap hari.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Leo Moggie anak Irok): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi objektif Jabatan Perkhidmatan Pos untuk memastikan surat-surat yang dihantar di antara bandar-bandar besar dalam negeri dapat diserahkan pada hari berikutnya. Saya ingin menyatakan bahawa pada masa ini lebihkurang 80% surat-surat yang dihantar di antara 23 buah bandar besar yang dikenali sebagai pusat-pusat pengedaran mel dapat diserahkan pada hari berikutnya.

Dalam kes pekan-pekan kecil dan kawasan-kawasan luar bandar, penyerahan surat mengambil masa yang lama oleh kerana keadaan infrastruktur seperti jalanraya masih kurang, kelemahan dalam sistem pengangkutan awam, serta alamat surat yang tidak lengkap. Ini bermakna bahawa apabila sistem pengangkutan awam di sesuatu kawasan itu bertambah baik, maka Jabatan Perkhidmatan Pos dapatlah mempercepatkan lagi penyerahan mel-mel di kawasan-kawasan berkenaan. Jabatan Perkhidmatan Pos juga telahpun memulakan pelancaran perkhidmatan vannya sendiri untuk mengangkut mel-mel antara Pejabat-pejabat Pos di beberapa kawasan dan cara ini akan terus diperluaskan lagi di masa akan datang.

Mengenai kes mel-mel daripada Kuala Lumpur ke Jalau pula, saya mengaku bahawa terdapat beberapa kelewatan pada masa-masa lalu. Ini adalah disebabkan oleh pengangkutan udara yang tidak mampu untuk membawa kesemua karung-karung mel bagi destinasi-destinasi di Sarawak kerana kekurangan ruang kargo. Walau bagaimanapun, saya yakin keadaan tersebut akan bertambah baik dengan permulaan satu perkhidmatan "airbus" oleh pihak Sistem Penerbangan Malaysia di antara Kuala Lumpur—Kuching pada bulan April, 1982. Pada masa ini penghantaran mel dilakukan setiap hari dari Kuala Lumpur ke Sibul dan juga satu penghantaran mel setiap hari pada jam 10.30 pagi dari Sibul ke Jalau. Mel-mel dari Sarikei ke Jalau pada masa-masa yang lalu disalurkan melalui Binatang. Tetapi mulai bulan ini, ianya diangkut terus dengan kenderaan teksi dan dengan peraturan ini saya percaya ianya memperbaiki lagi perkhidmatan mel di kawasan itu.

BIRO SIASATAN NEGARA—KEJAYAAN DICAPAI

36. Tuan Haji Umar bin Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Biro Siasatan Negara (BSN) sejak tahun 1981:

- (a) berapakah bilangan pegawai dan kakitangan Kerajaan, pegawai dan kakitangan pihak swasta serta orang ramai yang ditangkap kerana melakukan kegiatan rasuah;
- (b) berapa ramaikah daripada jumlah mereka yang ditangkap itu telah dihukum, minta ulang bicara dan yang masih menunggu dibicarakan; dan
- (c) apakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan lagi kegiatan dan kecekapan pegawai dan kakitangan Biro Siasatan Negara (BSN) di masa akan datang.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):

Mengenai soalan (a) dan (b) jawapannya adalah seperti berikut:

- | | |
|--|-----|
| (a) (i) Bilangan pegawai dan kakitangan Kerajaan yang telah ditangkap | 183 |
| (ii) Bilangan pegawai dan kakitangan pihak swasta yang telah ditangkap | 49 |
| (iii) Bilangan orang ramai yang telah ditangkap | 56 |
| (b) (i) Bilangan orang yang didapati salah | 112 |
| (ii) Bilangan orang yang minta ulang bicara | 35 |
| (iii) Bilangan orang yang masih menunggu dibicarakan. | 227 |

Angka-angka ini meliputi kes-kes sebelum tahun 1981 hingga Februari 1982.

Mengenai soalan (c), antara rancangan-rancangan Kerajaan untuk meningkatkan lagi kegiatan dan kecekapan pegawai dan

kakitangan Biro Siasatan Negara di masa akan datang ialah:

- (a) mengadakan latihan dari masa ke semasa di dalam dan di luar negeri.
- (b) meminjamkan pakar-pakar secara kontrak di dalam bidang profesional yang boleh membantu Biro ini dalam penyiasatan.
- (c) berhubung rapat dengan agensi-agensi lain untuk mempelajari perkembangan teknik-teknik penyiasatan yang kemaskini dalam usaha mencegah rasuah.
- (d) menanam dan memupuk semangat menjalankan tugas-tugas yang penuh dedikasi di kalangan pegawai.
- (e) menjalankan langkah-langkah mencegah rasuah dengan lebih aktif lagi dengan memberi ceramah-ceramah supaya gejala-gejala buruk dalam rasuah dapat ditentang di samping memperkenalkan tugas-tugas dan peranan sebenar BSN.
- (f) membuat kajian dan penyelidikan yang bertujuan untuk mengetahui sebab-sebab yang boleh mendorong kakitangan Kerajaan melakukan rasuah dan mencari jalan dan langkah-langkah yang berpatutan bagi menyekat supaya perbuatan rasuah tidak berleluasan.
- (g) mengeluarkan risalah-risalah atau penerbitan dalam usaha mengingatkan dan menyedarkan rakyat tentang kesan-kesan rasuah ke atas masyarakat.
- (h) memastikan siasatan terhadap kes-kes rasuah dijalankan dengan teliti dan disempurnakan dengan seberapa segera yang boleh.

BANTUAN PEMBANGUNAN ARAB SAUDI KEPADA MALAYSIA

37. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Perdana Menteri menyatakan dengan bantuan pembangunan diberi oleh Kerajaan Arab Saudi sebanyak \$400 juta kepada

Kerajaan Malaysia apakah rancangan Kerajaan selain dari membina kilang penapis minyak dan adakah Kerajaan bercadang hendak membina sebuah kilang penapis minyak di Perak, jika tidak mengapa.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengemukakan beberapa projek dalam sektor-sektor pelajaran, kesihatan dan pertanian yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat kepada Kerajaan Arab Saudi untuk mendapatkan pinjaman melalui Tabung Pembangunan Saudi. Kerajaan Arab Saudi telah bersetuju untuk menimbangkan projek-projek itu secara terperinci.

Mengenai bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk membina lagi kilang-kilang penapis yang baru sama ada di Perak atau di lain-lain negeri di Malaysia. Ini adalah kerana kilang penapis minyak di Terengganu dan di Melaka berserta 3 lagi kilang penapis yang dipunyai oleh Syarikat ESSO dan SHELL mampu memenuhi keperluan negara bagi keluaran petroliam sehingga tahun 1990an.

SYARIKAT INSURANS—BAYARAN GANTIRUGI

38. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa kebanyakan syarikat-syarikat insurans di dalam negara ini tidak menjelaskan bayaran tuntutan atau gantirugi dengan cara yang adil dan cepat dan mereka sangat gemar melewat-lewatkan bayaran tersebut dengan berbagai cara. Jika sedar, adakah Menteri mengawasi dengan teliti semua kegiatan syarikat insurans dengan tujuan untuk menutup syarikat yang telah menyeleweng.

Dato' Mak Hon Kam: Saya sedar terdapat syarikat-syarikat insurans di negara ini yang lambat membuat bayaran tuntutan atau gantirugi kepada pihak-pihak yang membuat

tuntutan. Kelambatan ini kadangkala berlaku disebabkan pihak syarikat terpaksa membuat siasatan yang rapi terhadap tuntutan yang disyaki palsu. Begitu juga, kadangkala berlaku di mana pemegang polisi sendiri telah melanggar syarat-syarat polisi yang akan menyebabkan pihak syarikat menolak segala tanggungjawabnya atau hanya membuat bayaran saguhati (*ex-gratia*) sahaja. Di mana kes-kes tuntutan terpaksa dibawa ke mahkamah, ianya juga akan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan.

Kementerian saya, melalui pejabat Ketua Pengarah Insurans sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan syarikat-syarikat insurans untuk menentukan mereka akan memberikan khidmat yang baik kepada pemegang-pemegang polisi dan juga orang ramai. Pihak-pihak yang menghadapi kesulitan semasa berurusan dengan syarikat-syarikat insurans, mereka boleh menghubungi pejabat Ketua Pengarah Insurans dengan memberikan maklumat yang penuh supaya siasatan boleh dilakukan terhadap syarikat-syarikat insurans yang berkenaan. Sekiranya didapati ada syarikat-syarikat insurans yang sengaja melambatkan bayaran tuntutan, Kementerian saya tidak akan teragak-agak mengambil tindakan selanjutnya terhadap syarikat-syarikat insurans tersebut untuk menjaga kepentingan pemegang-pemegang polisi dan juga orang ramai seluruhnya.

ANAK SYARIKAT PKEN YANG DITUTUP

39. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Perusahaan Awam menerangkan apakah sebabnya banyak syarikat-syarikat kepunyaan Perbadanan Kemajuan Negeri terpaksa ditutup di mana-mana negeri apabila lawatan dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri kita. Berapa banyak sudah diarah tutup itu hingga sekarang.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Soalan ini telah dijawab secara bertulis pada 12-3-1982 ketika saya menjawab soalan No. 30 oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok dan soalan No. 32 oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

PENGISYTIHARAN HARTA BENDA PEGAWAI-PEGAWAI

40. Tuan Lee Kaw minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Kerajaan mengambil masa yang begitu panjang untuk menyedari bahawa arahnya kepada pegawai-pegawai Kerajaan untuk mengisytiharkan harta benda mereka telah disalah-tafsirkan dan yang ia hanya meliputi pegawai-pegawai yang berada dalam Tingkatan Tertinggi "D" dan atas sahaja sedangkan perkara pengisytiharan harta benda pegawai-pegawai Kerajaan telah diheboh-hebuhkan sejak beberapa lama bulan dahulu.

Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat soalan seperti ini telah saya jawab pada 11-3-1982 berikutan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Beruas.

JALAN-JALAN BESAR DITANAM POKOK—MENGINDAHKAN

42. Tengku Noor Asiah bte Tengku Ahmad minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada di jalan-jalan besar menuju ke Bandaraya Kuala Lumpur akan ditanam dengan pokok-pokok rendah di tengah-tengah dan di sebelah kiri-kanan jalan supaya ia dapat mengurangkan (redup) kepanasan kepada pemandu-pemandu kereta pada waktu cuaca panas seperti yang dibuat oleh negara jiran kita. Jika tidak, mengapa.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf): Di dalam Wilayah Persekutuan Dewan Bandaraya telahpun mempunyai rancangan untuk memperindahkan jalan-jalan besar menuju Kuala Lumpur dengan program penanaman pokok besar tetapi pada masa ini ianya belum dapat dilaksanakan lagi kerana tumpuan kerja-kerja penanaman pokok buat masa ini diberikan kepada jalan-jalan utama dan jalan baru di sekitar Pusat Bandar. Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa jalan besar menuju ke Kuala Lumpur telah ditanam dengan pokok besar sementara di jalan-jalan lain sedang dalam kajian dan perancangan.

Jalan Cheras daripada Kajang iaitu daripada sempadan Wilayah Persekutuan menuju ke Pusat Bandaraya telahpun ditanam dengan pokok besar di tengah-tengah dan di kiri kanan jalan. Di beberapa tempat di jalan ini tidak dapat ditanam pokok kerana terdapatnya kebel-kebel bawah tanah dan ruang tepi jalan yang agak sempit. Di kawasan KL—Seremban Highway pula Dewan Bandaraya telahpun merancang penanaman pokok besar di kiri-kanan jalan sahaja. Di Lebuhraya Persekutuan kerja-kerja penanaman telah dan sedang dilaksanakan di kiri-kanan jalan dan di pembahagi jalan di mana ada kawasan yang cukup luas untuk penanaman pokok. Jalan Ipoh dan Jalan Kuching juga akan ditanam dengan pokok besar di kiri-kanan jalan.

Kerja-kerja penanaman akan diteruskan berperingkat-peringkat hingga meliputi semua kawasan jalan dalam Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun beberapa tempat kawasan jalan mungkin tidak dapat ditanam dengan pokok besar kerana bahu jalan yang sempit atau terdapatnya kebel-kebel bawah tanah.

PEGAWAI PERSEKUTUAN DI SABAH

43. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pegawai-pegawai Persekutuan yang dihantar ke Sabah dalam tempoh empat tahun yang lalu dengan memberikan angka bagi setiap tahun bilangan pegawai Persekutuan yang ada di Sabah sekarang, sama ada kehadiran mereka akan melibat dan merosakkan peluang pekerjaan dan naik pangkat orang-orang Sabah, dan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk memperlindungi kepentingan orang-orang Sabah.

Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi: Bilangan pegawai-pegawai Persekutuan yang dihantar ke Sabah dalam tempoh 4 tahun yang lalu adalah seperti berikut:

	1978	1979	1980	1981
Kumpulan 'A' ..	74	73	59	61
Kumpulan 'B' ..	16	13	19	25
Kumpulan 'C' ..	52	23	41	52

Bilangan pegawai-pegawai Persekutuan dalam Kumpulan-kumpulan A, B dan C bagi tahun 1982, iaitu sehingga 1-3-82, sama seperti yang terdapat pada tahun 1981. Berhubung dengan sama ada kehadiran pegawai-pegawai Persekutuan di Sabah merosakkan peluang pekerjaan dan kenaikan pangkat anak-anak tempatan Sabah tidak timbul oleh kerana dalam urusan-urusan perlantikan dan kenaikan pangkat, sukalah saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa dasar Kerajaan adalah memberi keutamaan kepada anak-anak tempatan Sabah. Walau bagaimanapun, sekiranya tidak ada anak-anak tempatan Sabah yang boleh dilantik ataupun dinaikkan pangkat, maka barulah Kerajaan Persekutuan akan menghantar pegawai-pegawai Persekutuan untuk mengisi jawatan-jawatan yang berkenaan. Dasar ini adalah terkandung dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/78.

SISTEM TURN-KEY MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK

44. Datuk Lee Boon Peng minta Perdana Menteri menyatakan bahawa bila kita mengalu-alukan polisi baru Kerajaan supaya membekalkan perjanjian-perjanjian bagi pembinaan projek-projek besar bahawa asas "turn-key", sama ada beliau akan menimbang untung rugi (viability) dalam mengambil penasihat-penasihat asing bagi merancang projek-projek itu memandangkan hakikat bahawa kebanyakan projek-projek itu dalam peringkat awal telah lewatkan dengan tidak semestinya oleh sebab penasihat-penasihat asing itu mengambil masa yang panjang menyiapkan cadangan-cadangan mereka itu. Di samping menjimatkan wang-wang, bukankah ianya lebih baik mengambil penasihat-penasihat tempatan bagi tiap-tiap projek itu.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi Tuan Yang Di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem 'turnkey' adalah digunakan untuk melaksanakan projek-projek besar dan kompleks yang memerlukan kepakaran dan pengalaman teknikal yang tinggi, yang tidak terdapat di negara ini dan ianya digunakan mengikut kesesuaian dan keperluan satu-satu projek berkenaan.

Kerajaan sebelum melaksanakan sistem ini, telah pun mengambil langkah-langkah bagi memastikan input-input teknikal perunding-perunding tempatan digunakan sepenuhnya oleh perunding-perunding turn-key asing. Pemilihan dan perlantikan perunding-perunding asing adalah tertakluk kepada syarat mereka mengadakan usaha sama (association) dengan firma-firma perunding tempatan di mana akan wujud pemindahan kemahiran dan kepakaran asing kepada sektor tempatan. Oleh itu berdasarkan amalan ini, di mana perunding tempatan dikehendaki memainkan peranan utama, sebahagian besar dari bayaran perunding (consultant fees) adalah diperolehi oleh firma perunding tempatan.

Isu penting dalam perkara ini adalah sama ada firma-firma perunding tempatan ataupun pemborong-pemborong tempatan dapat menggunakan sistem turn-key sebagai satu cara bagi mempelajari atau menimba teknologi dan proses-proses baru. Dengan demikian adalah jelas bahawa pelaksanaan sistem turnkey dalam negara ini akan dapat dijalankan dengan berkesan sekiranya firma-firma tempatan dapat menyesuaikan diri dan menerima proses dan teknologi baru ini.

KELAS KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)

45. Tuan Haji Mohd. Zain Bin Abdullah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar membutirkan jumlah perbelanjaan menyelenggarakan Kelas-kelas Kemajuan Masyarakat (KEMAS) mengikut Negeri-negeri di Semenanjung dan bilangan penyelia-penyelia dan guru-guru KEMAS, mengikut negeri-negeri tersebut.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Sanusi bin Junid): Perbelanjaan menyelenggarakan Kelas-kelas KEMAS secara keseluruhan mengikut negeri-negeri adalah seperti di Lampiran "A" berkembar.

Bilangan Penyelia-penyelia dan Guru-guru KEMAS (Pemaju Masyarakat) mengikut negeri-negeri adalah seperti Lampiran B dan C.

LAMPIRAN 'A'

**PERUNTUKAN/PERBELANJAAN PENYELENGGARAN
KELAS KEMAS BAGI TAHUN 1981-1983**

<i>Negeri</i>	<i>Anggaran Perbelanjaan</i>			
	<i>1981</i>	<i>1982</i>	<i>1983</i>	<i>Jumlah</i>
PERLIS	54,000	61,000	36,200	151,200
KEDAH	179,000	188,500	82,700	450,200
PULAU PINANG	106,000	100,000	68,200	274,200
PERAK	178,000	189,500	82,700	450,200
SELANGOR	182,000	199,500	93,700	475,200
NEGERI SEMBILAN	87,000	99,000	81,200	267,200
MELAKA	168,000	216,000	81,200	465,200
JOHOR	162,000	184,500	78,700	425,200
PAHANG	165,000	119,500	90,700	375,200
TERENGGANU	137,000	164,500	83,700	385,200
KELANTAN	173,000	185,000	67,200	425,200
WILAYAH PERSEKUTUAN	55,000	87,000	46,300	188,300
SABAH	150,000	102,500	62,700	315,200
SARAWAK	162,000	115,000	88,200	365,200
JUMLAH ..	1,958,000	2,011,600	1,043,300	5,012,900

CATITAN:

Kelas Kemajuan Masyarakat adalah merangkumi kegiatan-kegiatan seperti berikut:

- | | |
|---------------------------------|-----------------------------|
| (i) Taman Bimbingan Kanak-kanak | (v) Kutub Kanah Desa |
| (ii) Rancangan Pedoman Tugasan | (vi) Kumpulan Belajar Rumi |
| (iii) Kumpulan Latih Kerja | (vii) Kumpulan Belajar Jawi |
| (iv) Ekonomi Rumah Tangga | |

LAMPIRAN 'B'

**JUMLAH PEMAJU MASYARAKAT YANG DILULUSKAN
PERLANTIKAN SEHINGGA 1HB MAC, 1982**

<i>Bil.</i>	<i>Negeri</i>	<i>TBK</i>	<i>Pembantu TBK</i>	<i>ERT</i>	<i>KLK</i>		<i>Ugama KBJ</i>	<i>KKD</i>	<i>RDU</i>	<i>RPT</i>	<i>PM Khas</i>	<i>KBR</i>	<i>Jumlah</i>
					<i>'A'</i>	<i>'B'</i>							
1.	PERLIS	62	57	38	1	49	—	5	43	2	3	—	260
2.	KEDAH	158	155	143	10	127	—	10	137	3	13	—	756
3.	PULAU PINANG	82	93	60	13	78	—	8	45	4	7	—	390
4.	PERAK	198	196	169	5	153	—	8	41	6	21	—	797
5.	SELANGOR	169	164	109	6	199	—	13	51	9	13	—	733
6.	W. PERSEKUTUAN	63	64	32	5	29	24	6	1	—	6	—	230
7.	N. SEMBILAN	136	136	54	10	83	—	19	38	—	7	—	483
8.	MELAKA	109	115	48	3	61	—	8	40	1	4	—	389
9.	JOHOR	214	248	140	26	184	—	18	57	10	17	—	914
10.	PAHANG	199	188	109	9	125	—	16	28	8	10	—	692
11.	TRENGGANU	179	200	105	11	207	—	11	60	5	8	1	787
12.	KELANTAN	188	181	118	—	241	426	12	59	3	13	—	1241
13.	SABAH	87	40	34	—	9	—	—	—	191	11	210	582
14.	SARAWAK	116	84	67	1	16	—	2	2	91	—	74	453
	JUMLAH ..	1960	1921	1226	100	1561	450	136	602	333	133	285	8707

LAMPIRAN 'C'

**JUMLAH PENYELIA KANAN DAN PENYELIA
KEMAJUAN MASYARAKAT 1982**

<i>Negeri</i>	<i>PENYELIA KANAN</i>			<i>PENYELIA</i>				<i>Jumlah</i>
	<i>Ibu Pejabat</i>	<i>Pemb. Keluarga</i>	<i>Kawasan Parlimen</i>	<i>Kawasan</i>	<i>Pemb. Keluarga</i>	<i>Khas</i>	<i>Ugama</i>	
PERLIS	1	—	2	11	3	2	—	19
KEDAH	2	—	13	26	13	1	—	55
PULAU PINANG ..	2	—	9	22	8	—	—	41
PERAK	2	1	18	24	14	—	—	59
SELANGOR	1	—	11	32	12	2	—	58
W. PERSEKUTUAN ..	2	1	2	5	5	1	2	18
N. SEMBILAN	1	—	6	24	7	1	—	39
MELAKA	2	1	4	15	6	—	—	28
JOHOR	2	1	16	32	12	2	—	65
PAHANG	2	—	7	25	12	—	—	46
TERENGGANU	2	—	7	25	9	—	—	43
KELANTAN	2	—	12	35	10	12	—	71
SABAH	1	—	—	16	2	—	—	19
SARAWAK	1	1	12	43	6	—	—	63
IBU PEJABAT	—	—	—	—	—	5	—	5
JUMLAH ..	23	5	119	337	119	24	2	629

KURIKULUM 3M

46. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan beliau telah sering kali membuat seruan supaya orang ramai memberi pandangan-pandangan dan syor-syor mereka terhadap sistem 3M, kenapakah beliau tidak memberi peluang kepada wakil Lembaga Bersatu Pengarah-pengarah Sekolah-sekolah China dan Persatuan Guru-guru Sekolah China untuk menemuinya.

Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Pandangan dan syor-syor orang ramai mengenai Kurikulum 3M, termasuk daripada Lembaga Bersatu Pengurus Sekolah-Sekolah China dan Persatuan Guru-Guru Sekolah China, telahpun diterima dalam bentuk memorandum, rumusan-rumusan seminar bengkel dan lain-lain. Wakil-wakil daripada kedua-dua persatuan yang tersebut

ini juga telah menghadiri berbagai bengkel yang diadakan oleh Kementerian Pelajaran. Pandangan yang diberikan di dalam bengkel-bengkel itu telah diambil kira dalam menyempurnakan Kurikulum 3M ini. Jika sekiranya terdapat lagi pandangan-pandangan baru yang membina, pihak Kementerian Pelajaran sentiasa menimbangkan cadangan-cadangan tersebut dari mana-mana pihak sekalipun.

47. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan, bahawa memandangkan betapa perlunya persediaan pelajaran kepada kanak-kanak pra-sekolah, khususnya di luar bandar, maka adakah beliau bercadang hendak menambah lebih banyak lagi kelas-kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK), diseluruh negara, khususnya di luar bandar.

Tuan Sanusi bin Junid: Memang telah menjadi hasrat Kementerian ini untuk menambah lebih banyak lagi kelas-kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK). Bahagian Kemajuan Masyarakat telah dipertanggungjawabkan untuk memberi latihan kepada Pemaju Masyarakat (TBK) dan kemampuan Bahagian tersebut melatih Pemaju Masyarakat berkenaan pada setiap tahun ialah sebanyak 480 orang. Ini bermakna 480 kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak akan dibuka setiap tahun.

SISTEM CLOCK-IN

48. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan adakah sistem "clock-in" itu dilaksanakan dengan penuh. Jika tiada, sila sebutkan sebab-sebab.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya telah memberi jawapan kepada soalan yang sama pada 9hb Mac, 1982 dan saya tidak bercadang membuat apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

PILIHANRAYA UMUM— PENYALAHGUNAAN KUASA

49. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan tidak ada terdapat penyalahgunaan kuasa dan amalan-amalan yang tidak adil oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dalam Pilihanraya umum serta juga jentera-jentera Kerajaan tidak akan digunakan oleh calon-calon Barisan Nasional dalam kempen Pilihanraya umum.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa mengambil langkah-langkah memastikan tidak terdapat penyalahgunaan kuasa dan amalan-amalan yang tidak adil oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dalam pilihanraya umum. Dalam pilihanraya-pilihanraya umum yang lepas, Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan tanggungjawabnya dengan jujur dan tidak menyebelahi mana-mana pihak. Pada pilihanraya umum yang akan datang juga Suruhanjaya Pilihanraya akan memastikan supaya seluruh kakitangan yang

terlibat tidak akan melakukan sesuatu yang akan mencerminkan ada diskriminasi dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing. Kerajaan akan memastikan pegawai-pegawai Kerajaan adalah sentiasa tertakluk kepada Perintah-perintah Am Bab 'D', 1980 yang mengandungi peruntukan mengenai kegiatan-kegiatan politik. Pegawai-pegawai Kerajaan yang didapati melanggar peruntukan-peruntukan dalam Perintah-perintah Am tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib.

BAHASA IBUNDA DI SEKOLAH- SEKOLAH CHINA/TAMIL

50. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan berusaha mengelakkan kemerosotan taraf bahasa ibunda di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil dan juga nyatakan sama ada Kementeriannya telah merancang supaya bahasa China dan Tamil dijadikan media pengajaran dalam latihan guru-guru untuk sekolah-sekolah tersebut.

Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Kementerian Pelajaran memang sentiasa berusaha untuk mengelakkan kemerosotan taraf bahasa ibunda di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil, sekiranya kemerosotan itu wujud. Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menjadikan bahasa China dan Tamil sebagai bahasa pengantar di maktab-maktab perguruan.

PENGECEUALIAN CUKAI BARANG-BARANG

51. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa cadangan Belanjawan 1982 tidak sepenuhnya difahami oleh kakitangan Kastam di Tambak Johor, sebagaimana terbukti oleh pengaduan seorang rakyat Malaysia yang tersiar dalam akhbar Star baru-baru ini berhubung dengan pengecualian cukai ke atas beberapa barang yang dibeli di Singapura; jika sedar apakah langkah yang telah diambil untuk

mempastikan bahawa cadangan belanjawan itu difahami sepenuhnya oleh para pegawai yang bertugas.

Dato' Mak Hon Kam: Saya memang sedar bahawa akhbar "STAR" ada menyiarkan satu pengaduan seorang rakyat Malaysia berhubung dengan masalah pengecualian cukai atas barang-barang yang dibelinya di Singapura. Saya percaya kejadian ini adalah satu kejadian yang terasing (isolated) dan tidak patut diperbesar-besarkan.

Pada keseluruhannya, cadangan-cadangan Belanjawan 1982 seperti juga cadangan-cadangan Belanjawan yang lepas-lepas telah dilaksanakan dengan licin dan tanpa apa-apa masalah. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, pertukaran-pertukaran cukai kastam yang dikemukakan dalam Belanjawan 1982 adalah terbesar sekali dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, pihak Kastam telah berjaya melaksanakan cadangan-cadangan ini dengan licin dan lancarnya.

Sebelum cadangan-cadangan cukai dilaksanakan, Jabatan Kastam menyediakan arahan-arahan yang lengkap mengenai cadangan-cadangan ini dan arahan-arahan ini kemudian diedarkan kepada semua stesyen kastam di Semenanjung, Sabah dan Sarawak sebelum tarikh pelaksanaannya. Saya berpuashati di atas peraturan-peraturan yang sedia ada sekarang ini dan berpendapat bahawa adalah tidak perlu untuk menukarkan peraturan-peraturan yang sedang diikuti sekarang ini.

SIJIL KELAYAKAN BANGUNAN/ RUMAH—PERCEPATKAN PENGELUARAN

52. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil setakat ini untuk menghendaki pelbagai pihak berkuasa mengatasi masalah kelewatan pengeluaran Sijil Kelayakan untuk bangunan-bangunan dan rumah-rumah sebagaimana yang diarahkan oleh Kabinet.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Bagi kes Dewan Bandaraya, beberapa langkah telahpun diambil untuk mempercepatkan pengeluaran Sijil Kelayakan ini, antaranya ialah:

- (i) Menyediakan garis-garis panduan yang terdapat dalam kertas kerja yang bertajuk 'Proposed Guidelines for the issue of Certificate of Fitness for Large Building & Housing Estates' dan telahpun diperbincangkan di peringkat Majlis Perundingan Bersama Dewan Bandaraya dan Institusi Profesyenal (JDBPICC). Beberapa garis panduan yang telah dipersetujui akan dilaksanakan kelak.
- (ii) Membentuk satu Jawatankuasa Petugas yang mengandungi semua Jabatan-jabatan Teknikal Dewan Bandaraya dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk Bandar untuk mengkaji beberapa keadaan Sijil Sementara yang telah dikeluarkan terhadap bangunan-bangunan termasuk taman-taman perumahan (Majlis pertama telah diadakan pada 24hb November, 1981).
- (iii) Membentuk satu Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk Bandar bagi tujuan mendengar masalah dari pemaju dan perunding serta memutuskan langkah yang wajar diambil bagi mempercepatkan pengeluaran Sijil Kediaman projek-projek tertentu. (Pendengaran Khas Pertama telah diadakan pada 1hb Februari, 1982).

TAHANAN DI BAWAH KANUN ACARA JENAYAH—BILANGAN

53. Tuan Lee Kaw minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan orang-orang yang ditahan di bawah seksyen 117 di bawah Criminal Procedure Code untuk tempoh (a) satu, (b) dua minggu dalam tahun 1979, 1980 dan 1981.

Dato' Musa Hitam: Bilangan orang-orang yang ditahan di bawah seksyen 117, Kanun

Acara Jenayah untuk tempoh satu dan dua minggu dalam tahun 1979 hingga 1981 adalah seperti berikut:

	1979	1980
Satu Minggu ..	6598	7,293
Dua Minggu ..	2,038	1,961
	<hr/>	<hr/>
Jumlah ..	8,636	9,254

Bagi tahun 1981 jumlah bilangan orang-orang yang ditahan di bawah seksyen 117 Kanun Acara Jenayah ialah 7,224; dukacita dimaklumkan bahawa pecahan angka mengenai orang-orang yang ditahan selama 1 minggu dan 2 minggu bagi tahun tersebut belum dapat diberi kerana angka-angka tersebut masih diproses.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERUNTUKAN DIRAJA

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai Peruntukan Diraja Yang di-Pertuan Agong dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG ISTANA NEGARA (ELAUN-ELAUN DIRAJA)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pemberian elaun-elaun khas dan keistimewaan-keistimewaan lain kepada seseorang Raja dan konsortinya yang masing-masingnya pernah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KE BAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kelima”. (12hb Mac, 1982).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini dan esok diuntukkan untuk Yang Berhormat Menteri-menteri memberi jawapan. Yang Berhormat Menteri-menteri bersetuju memberikan waktu sehingga pukul 5.00 petang ini untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang suka hendak mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan oleh itu perbahasan oleh Ahli Yang Berhormat diteruskan.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

3.39 *ptg.*

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, pihak pemaju-pemaju swasta harus ingat keuntungan yang mereka nikmati sekarang ini dalam bidang perumahan sebahagian besarnya adalah dengan pertolongan Kerajaan juga. Kerajaanlah yang menyediakan keperluan-keperluan asas seperti bekalan elektrik, air

bagi semua projek mereka. Tanpa keperluan-keperluan asas yang dibekalkan oleh pihak Kerajaan ini, projek-projek perumahan swasta itu tidak boleh wujud.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari Kerajaan, agensi-agensinya dan pihak swasta ada satu pihak lagi yang peranannya akhir-akhir ini tidak boleh dinafikan dalam menyediakan dan membekalkan rumah-rumah untuk rakyat. Badan tersebut ialah koperasi. Koperasi-koperasi perumahan telah wujud dalam banyak negeri dan telahpun mula membina rumah-rumah untuk keperluan ahli-ahlinya.

Pada hemat saya koperasi-koperasi perumahan ini mempunyai keupayaan walaupun terhad untuk turut memberi sumbangan dalam meringankan bebanan yang ditanggung oleh pihak Kerajaan bagi menyediakan rumah-rumah awam kos rendah dan sederhana. Apa yang perlu sekarang ialah pihak Kerajaan haruslah memberi dorongan dan galakan kepada koperasi-koperasi ini untuk lebih giat lagi menjalankan fungsinya dengan cara menawarkan kemudahan-kemudahan kewangan iaitu masalah besar yang dihadapi oleh koperasi-koperasi perumahan. Koperasi-koperasi perumahan ini menghadapi masalah untuk mendapatkan bridging finance dan dengan faedah yang munasabah. Selama ini pihak koperasi terpaksa membayar faedah yang tinggi untuk bridging/finance mereka dan jika pihak Kerajaan dapat berikhtiar melalui mana-mana institusi kewangan dengan menawarkan faedah di bawah prime rate, saya yakin koperasi-koperasi itu boleh menurunkan lagi harga rumah untuk ahli-ahlinya.

Di samping itu, saya difahamkan bahawa Jabatan Koperasi telah memperuntukkan satu jumlah wang yang agak besar bagi diberikan kepada koperasi-koperasi tersebut. Saya harap pihak Jabatan Koperasi akan mengeluarkan segera pinjaman-pinjaman tersebut kepada koperasi-koperasi yang layak menerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang kejatuhan harga bijih timah yang kita alami sekarang. Akibat dari

kejatuhan tersebut maka dalam sepanjang tahun 1981 sebanyak 153 buah lombong pam kelikir terpaksa ditutup, dan ini melibatkan lebih kurang 3,000 orang buruh terpaksa mengangur dan kalau dikira tanggungan mereka tiga orang bagi setiap keluarga maka jumlah ini jadi lebih besar lagi iaitu 9,000 orang. Jika satu-satu langkah yang positif tidak diambil maka perkara ini kemungkinannya menjadi lebih buruk lagi. Oleh yang demikian, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah mengambil inisitif untuk mengadakan kerjasama yang lebih erat antara negara-negara pengeluar timah ASEAN iaitu Indonesia dan Thailand untuk menjaga dan memajukan kepentingan perusahaan timah di negara masing-masing. Saya berharap semoga hasrat murni ketiga-tiga negara ASEAN ini akan mencapai kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada kejatuhan harga timah seperti kita semua maklum bahawa Amerikalah yang bertanggungjawab menyebabkan kejatuhan tersebut bila Amerika mengeluarkan timah dari Stockpilenya. Walaupun permintaan dan rayuan telah dibuat oleh negara-negara pengeluar supaya ia bertindak demikian, namun pihak Amerika langsung tidak memedulikannya. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, tindakan Amerika itu yang mengakibatkan kemerosotan ekonomi negara-negara ASEAN adalah satu tindakan yang secara tidak langsung melemahkan kekuatan negara-negara yang paling gigih mempertahankan sistem pemerintahan demokrasi di rantau ini dalam perjuangan mereka menghadapi kemaraan komunis. Pihak Amerika patutlah sedar bahawa fahaman komunis mudah meresap masuk ke dalam negara-negara yang lemah kedudukan ekonominya. Selama ini kita slalu mendengar laungan dari Amerika bahawa merekalah juara demokrasi. Mereka sanggup berbelanja beribu-ribu juta ringgit dan di satu masa Kerajaan Kerajaan Amerika telah sanggup mengorbankan berpuluh ribu jiwa rakyatnya semata-mata untuk mempertahankan dua buah demokrasi di Asia daripada di ancam oleh pihak komunis.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, pihak negara-negara ASEAN iaitu

negara-negara pengeluar bijih timah bukan memohon bantuan wang atau senjata ataupun tentera-tentera daripada Amerika. Kita hanya minta supaya Amerika hanya jangan mengeluarkan Stockpile timahnya. Saya rasa permintaan ini sangat munasabah dan pihak Amerika patutlah memberi pertimbangan yang sewajarnya iaitu dengan mengkaji semula tindakannya itu. Dan jika Amerika terus tidak menghiraukannya maka akan timbullah syak wasangka dan kesangsian pada negara-negara ASEAN tentang keikhlasan dan kejujuran Amerika yang mengaku sebagai juara demokrasi selama ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

3.45 *ptg.*

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Wakil Rakyat dari Dungun pada 9hb Mac, 1982. Saya berpendapat Titah Ucapan adalah suatu ucapan yang realistic dan mengandungi penuh kearifan. Di samping mengakui kesilapan-kesilapan tertentu Ucapan Baginda mengingatkan kita juga terdapat banyak kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dan boleh dibanggakan. Pendek kata masa hadapan negara kita adalah amat cerah sekiranya rakyat kita mengikut nasihat-nasihat Baginda iaitu bertindak dengan penuh disiplin, mempunyai sifat dan nilai yang wajar, mementingkan masyarakat lebih daripada diri sendiri dan seterusnya.

Titah Ucapan bermula dengan harapan bahawa Malaysia akan mengambil tempat kita dalam masyarakat dunia. Sebagai sebuah negara yang berada di ambang untuk menjadi sebuah yang maju memang kena masanya bagi tanahair kita memainkan satu peranan yang lebih giat lagi dalam kegiatan-kegiatan antarabangsa, tetapi ini adalah satu dilemma negara kita. Sambil kita mencari pengiktirafan antarabangsa yang lebih luas masih terdapat beratus-ratus kawasan luar bandar dalam negara kita yang belum mempunyai kemudahan-kemudahan asas, beribu-ribu rakyat masih tidak pernah melihat TV, tidak pernah menggunakan

telefon dan seterusnya. Saya bukan Wakil Rakyat tunggal yang menyuarakan kemunduran kawasan-kawasan luar bandar. Saya sedar juga cerita-cerita seumpama ini adalah kurang menarik dan kurang diterbitkan dalam suratkhbar-suratkhbar tetapi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh rakyat luar bandar itu adalah benar, very real dengan izin, dan very pressing atau patut disegerakan. Oleh yang demikian, sementara kita menitikberatkan hal ehwal dunia, usaha-usaha untuk memodenkan kawasan-kawasan luar bandar dan menaikkan taraf hidup rakyat luar bandar harus dilipatgandakan juga.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan negara kita berhasrat supaya mengambil tempat kita dalam masyarakat dunia, saya ingin meminta Kerajaan kita supaya berwaspada (to be alert and alive) terhadap kejadian-kejadian dan perubahan-perubahan negara-negara lain yang boleh menjejaskan atau mempengaruhi keadaan sosial dan ekonomi negara kita.

Saya berpendapat buat masa ini kita adalah amat lambat untuk bertindak balas (slow to react) terhadap perubahan-perubahan antarabangsa dalam dua bidang iaitu perubahan harga minyak dan turunnya kadar faedah bank. Seperti Dewan ini maklum, pengeluaran minyak dunia adalah melebihi daripada permintaan dan harga minyak dunia pun sudah turun tetapi harga barang minyak dalam negara masih belum diubahsuaikan lagi. Dewan ini telah diberitahu bahawa Kerajaan kita masih mengkaji masalah ini dan nampaknya perubahan harga minyak adalah bergantung atas laporan-laporan yang akan atau telah disampaikan oleh syarikat-syarikat minyak. Untuk mengelakkan supaya tidak dipermainkan oleh syarikat minyak saya berpendapat Kerajaan kita harus mempunyai formula-formula tertentu yang boleh digunakan dalam keadaan-keadaan tertentu untuk mengubahsuaikan harga minyak dan bukan bergantung atas laporan-laporan syarikat minyak sahaja.

Saya berharap Kerajaan kita akan bertindak dengan segera dengan tujuan menurunkan harga minyak supaya

kenderaan-kenderaan dan industri-industri kita dapat menikmati harga minyak yang lebih murah.

Mengenai kadar faedah bank pula, kadar itu berada dalam paras 10% hingga 12% apabila kadar itu di Amerika telah menaikkan ke 21%. Kadar faedah di Amerika telah turun ke 15% hingga 16% pada masa sekarang, walhal kadar dalam Malaysia telah dinaikkan ke 15% daripada 12%. Ini bermakna semasa kita menghadapi kemerosotan ekonomi dan persaingan perdagangan yang hebat perusahaan-perusahaan dan industri-industri kita tidak mendapat apa-apa bantuan dan galakan. Oleh itu saya merayu kepada Kerajaan kita supaya menimbang dan menurunkan harga minyak dan kadar faedah bank yang boleh menolong industri-industri kita bersaing dalam kedudukan yang lebih teguh lagi.

Akhirnya saya ingin menyentuh tentang perusahaan minyak kelapa sawit. Tuan Yang di-Pertua, kemajuan yang telah dicapai oleh negara kita dalam bidang perusahaan minyak kelapa sawit sangatlah membanggakan sehingga negara-negara asing menumpukan perhatian mereka kepada kita dalam hal ini. Negara kita bukan sahaja dapat mencapai peringkat pengeluaran minyak kelapa sawit yang terbesar di dunia malahan berjaya pula mengeksport lebih daripada 90% keluaran minyak kelapa sawit yang telah diproses.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang sentiasa berusaha untuk mengatur misi-misi perdagangan keluar negeri bagi memperluas dan mempelbagaikan pasaran serta eksport minyak kelapa sawit secara langsung ke beberapa negara maju dan negara yang membangun. Langkah-langkah Kerajaan untuk menubuhkan khidmat teknikal juga akan memainkan peranan yang penting dari segi meluaskan kegunaan dan pasaran minyak kelapa sawit di negara-negara pengguna. Walaupun perusahaan minyak kelapa sawit kita telah mencapai kejayaan yang tinggi, kilang-kilang penapis minyak kelapa sawit sedang menghadapi masalah kekurangan bekalan buah-buahan dan mengakibatkan harga minyak mentah tempatan menjadi lebih tinggi daripada harga

antarabangsa. Beberapa kilang tersebut telah ditutup untuk sementara waktu. Jika masalah ini dibiarkan begitu sahaja saya percaya perusahaan yang masih dianggap sebagai satu perusahaan yang muda ini akan terjejas pada keseluruhannya. Oleh itu saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya meneliti masalah ini dan akan bertindak supaya masalah yang dihadapi oleh kilang-kilang penapis minyak kelapa sawit itu dapat diatasi untuk mengelakkan perindustrian ini terjejas, terutamanya pada masa keadaan ekonomi dunia yang buruk ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

3.53 ptg.

Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sebagaimana rakan-rakan saya yang lain untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas usul yang telah dikemukakan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Dungun pada 9hb Mac yang lalu.

Saya ingin menyentuh satu dua perkara di dalam ucapan saya ini, terutama sekali perkara-perkara yang melibatkan kehidupan penduduk-penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kemudahan-kemudahan perumahan untuk rakyat pihak Kerajaan kita telah dan sedang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memberi peluang kepada rakyat bagi memiliki rumah sendiri dengan berbagai-bagai skim perumahan. Bagi orang-orang yang berpendapatan rendah adalah pihak Kerajaan telah menyediakan dengan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah, Skim Pinjaman Perumahan melalui Jabatan Perumahan Negara, Rancangan Pemulihan Kampung dan Rancangan-rancangan Kampung Tersusun dan sebagainya yang sangat terkenal di kalangan mereka yang berpendapatan rendah.

Apa yang hendak saya timbulkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, adalah berhubung dengan rancangan perumahan untuk rakyat yang berpendapatan rendah ialah berhubung dengan pelaksanaan pembinaannya. Rancangan rumah awam kos rendah

hendaklah dilipatgandakan lagi dan disegerakan. Bilangannya hendaklah ditambah memandangkan begitu ramai sekali mereka, umpamanya pada masa hendak mendapatkan borang-borang permohonan ini apabila sesuatu skim rancangan rumah murah dikeluarkan di negara kita ini. Sebagai contohnya, baru-baru ini pihak Kerajaan telah mendirikan di kawasan saya satu skim rumah awam kos rendah sebanyak 62 unit sedangkan yang memohonnya adalah hampir-hampir ke angka 1,000 dan yang layak mengikut syarat-syarat yang ditentukan adalah lebih daripada 500 pemohon. Jadi dengan sebab itu hendaklah dipertingkatkan lagi pembinaan rancangan rumah kos rendah ini di mana-mana, terutama di kawasan bandar-bandar kecil.

Selain daripada menambahkan lagi bilangan rumah-rumah awam kos rendah ini adalah juga syarat-syarat yang ditetapkan bagi seorang untuk mendapatkan rumah murah ini patutlah dikaji dan dipindah terutamanya sekali berhubung dengan syarat-syarat berpendapatan sekeluarga. Sebagai contohnya, daripada 6 syarat-syarat keutamaan untuk mendapatkan rumah awam kos rendah contohnya di negeri Perak, iaitu satu daripadanya ialah pendapatan sekeluarga sebagai berikut:

<i>Pendapatan sekeluarga sebulan</i>	<i>Markah</i>
\$200 ke \$300	15
\$301 ke \$400	20
\$401 ke \$500	15
\$501 ke \$600	10
\$601 ke \$700	5
\$700 ke atas	0

Jadi dengan hal yang demikian, sudah jelaslah mereka yang berpendapatan \$700 sekeluarga ke atas tidak akan ada harapan untuk mendapatkan rumah awam kos rendah yang disediakan oleh pihak Kerajaan sedangkan sebilangan besar pendapatan sekeluarga kebanyakan kakitangan Kerajaan, kakitangan pihak swasta, angkatan tentera, polis, guru-guru dan sebagainya terutama sekali mereka daripada golongan tersebut yang hampir akan bersara adalah

berpendapatan dalam lingkungan \$700 hingga ke \$1,000 sebulan. Sungguhpun pihak-pihak yang tersebut ada disediakan dengan Sekim Pinjaman Perumahan, akan tetapi masalah tapak perumahan adalah menjadi satu masalah yang besar termasuklah mereka yang tinggal di luar-luar bandar kecil, bahkan juga di luar bandar. Dengan sebab itu syarat pendapatan sekeluarga patutlah dinaikkan lagi sehingga ke \$1,000 sekeluarga sebulan.

Berhubung dengan Skim Pinjaman Perumahan yang disediakan oleh Jabatan Perumahan Negara sebanyak \$7,500 bagi mendirikan rumah di tapak kepunyaan sendiri hendaklah diberi penerangan atau penghebahan yang lebih meluas lagi dan peruntukannya hendaklah ditambah lagi bagi memberi peluang kepada mereka lebih ramai lagi yang layak untuk menerimanya.

Bantuan memperbaiki rumah-rumah yang disediakan oleh pihak Kerajaan melalui RPK (Rancangan Pemulihan Kampung) adalah satu skim yang diharap-harapkan oleh kebanyakan penduduk-penduduk di kampung-kampung supaya rancangan tersebut dapat dilaksanakan di kampung-kampung mereka, akan tetapi peruntukan yang disediakan itu terlalu terhad, maka rancangan yang sangat baik tujuan itu telah disalah tafsirkan dan dipersenda-sendakan pula sebagai 'Rancangan Pilih Kasih' oleh orang-orang kampung dan 'Rancangan Pening Kepala' oleh pihak pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang menyelenggarakannya. Oleh kerana mereka yang memerlukan dan juga kampung-kampung yang patut mendapatnya sangat banyak, dengan hal yang demikian Rancangan Kampung ini hendaklah dipertingkatkan lagi dan peruntukannya hendaklah ditambah lagi sebanyak-banyak yang terupaya.

Behubung dengan jaminan supaya pemilik-pemilik yang berjaya mendapat perumahan, terutama sekali Rancangan Rumah Awam Kos Rendah supaya tidak menyalahgunakan tujuan pemberian rumah awam kos rendah itu hendaklah pihak Kerajaan menubuhkan Pasukan Penguatkuasa Perumahan bagi mengawasi supaya rumah-rumah itu tidak dijual atau tidak diperbesarkan dan

sebagainya yang menyalahi undang-undang yang ditetapkan. Setahu saya sehingga ini di negeri Perak tidak ada pasukan penguatkuasa seperti ini, begitu juga pengawasan semasa pembinaan rumah-rumah itu hendaklah diawasi lebih ketat lagi supaya mereka yang mendapat rumah kelak tidak mendapat rumah-rumah yang retak, rosak dan sebagainya sebagaimana yang selalu kita dengar melalui akhbar-akhbar.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kemudahan pengangkutan jalan, sebagaimana yang telah dimaklumkan dan di dalam Titah Di Raja di Dewan yang mulia ini bahawa Lebuhraya Timur/Barat akan dibuka kepada lalulintas insya Allah pertengahan tahun ini. Dengan pembukaan ini menjadikan hubungan negeri-negeri di Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung akan menjadi lebih dekat lagi oleh kerana lebuhraya yang melalui hutan belantara. Pihak Kerajaan patutlah mengambil beberapa tindakan sebelum lebuhraya ini dibuka kepada lalulintas terutama sekali bagi menjamin keselamatan orang ramai daripada ancaman-ancaman dan tindakan pihak penjahat komunis sebagaimana yang telah diberi maklum melalui cakap-cakap di sempadan dan juga kemungkinan-kemungkinan berlakunya rompakan, samun dan sebagainya. Begitu juga cara-cara mengatasi jika kenderaan-kenderaan yang menggunakan lebuhraya baru ini berlaku kerosakan dan sebagainya.

Seperkara lagi yang patut diambil tindakan yang segera ialah bagi memperbaiki Jalanraya Kuala Kangsar, Lenggong dan Gerik yang akan menjadikan sebahagian daripada jalanraya yang menuju ke lebuhraya bagi mereka yang tinggal di kawasan Ipoh dan selatan negeri Perak yang akan pergi ke Kota Bharu dan ke Pantai Timur Semenanjung.

Jalan ini pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, sangatlah sempit, bengkok-bengkok dan banyak digunakan oleh kenderaan-kenderaan berat seperti lori-lori balak, loji-loji yang digunakan untuk pembinaan beberapa buah ampangan elektrik haidro di kawasan itu dan juga lori-lori tentera dan polis yang menjalankan operasi di kawasan sempadan. Dengan pembukaan lebuhraya ini

kelak maka jalan ini akan bertambah-tambah lagi seboknya dan kemungkinan akan berlaku kemalangan yang tidak diingini.

Berhubung dengan kemudahan pengangkutan orang ramai di negara ini pula, seperti mana baru-baru ini telah tersiar di akhbar-akhbar, berita-berita dan juga gambar-gambar yang menunjukkan bagaimana kesulitan yang dihadapi oleh murid-murid dan pelajar-pelajar sekolah di ibukota dan di bandar-bandar besar yang lain untuk mendapatkan pengangkutan pergi dan balik dari sekolah.

Sebenarnya masalah-masalah pengangkutan yang dihadapi oleh murid-murid dan pelajar-pelajar di sekolah luar bandar pun tidak kurang bahkan lebih lagi dari mereka yang di bandar-bandar. Pihak Kerajaan patutlah mencari sebab-sebab yang berlakunya perkara yang sedemikian itu. Adakah perbuatan mengisi bas-bas sekolah dengan 50% hingga 80% lebih daripada had penumpang yang dibenarkan itu adalah untuk mengatasi kerugian yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha bas sekolah itu. Jika benar, perusahaan-perusahaan bas sekolah itu tidak menguntungkan patutlah Kerajaan mengurangkan apa-apa bebanan yang dihadapi oleh mereka seperti mengurangkan cukai-cukai yang berat yang terpaksa ditanggung oleh mereka demi keselamatan dan keselamatan murid-murid dan pelajar-pelajar sekolah dan patut juga pengusaha-pengusaha bas sekolah ini diberi peluang membawa pelancong-pelancong di masa cuti persekolahan dengan syarat-syarat yang lebih longgar lagi bagi menggalakkan perusahaan dalam bidang tersebut serta juga ditambah seberapa banyak lagi permit-permit bas sekolah bagi mengatasi masalah kekurangan keselamatan, keselamatan murid-murid dan pelajar-pelajar sekolah kita bagi membolehkan mereka dapat peluang belajar dengan lebih sempurna lagi dan juga bagi menghindarkan kebimbangan ibubapa di atas keselamatan anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian, saya menyokong usul tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batang Padang.

4.04 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong usul yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat sahabat saya dari Dungun di samping mengucapkan syukur Alhamdulillah dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Di dalam Titah Ucapan Baginda telah menyarankan Kerajaan mestilah sedar dan berusaha memenuhi hasrat dan harapan rakyat dengan menganuti pentadbiran yang bersih, cekap dan tulin.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional telah memerintah hampir suku abad iaitu 31hb Ogos 1982 ini genaplah 25 tahun. Kerajaan telahpun, sedang dan akan melaksanakan demi kepentingan rakyat serta keutuhan agama dan pembangunan negara dengan pesatnya. Oleh itu, saya mengucapkan syukur Alhamdulillah, syabas dan tahniah kepada pucuk pimpinan negara kita yang dedikasi menjalankan tugas-tugas dengan begitu berat berasaskan demokrasi dan kedaulatan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda telah menyeru rakyat membaharui azam, menunaikan kewajipan, menguatkan semangat berdikari serta lebih berdisiplin sesuai pula dengan tema: Apa sumbangan anda kepada Agama dan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya berseru kepada sekalian rakyat di negara ini agar dengan tidak ragu-ragu lagi menyokong Kerajaan Barisan Nasional dalam masa pilihanraya yang akan datang kerana Kerajaan kita telah bersikap seperti kata pendita Islam Lukmanul Hakim: Jasa anda hendaklah didiamkan dan jasa orang kepada anda hendaklah disebut-sebutkan. Walaupun Kerajaan telah menabur jasa dan budi, sebaliknya pihak parti Pembangkang sentiasa membenam-benamkan serta memburuk-burukkan dengan cara putar belit mereka dasar-dasar Kerajaan yang begitu baik, tetapi rakyat sedar, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak menyentuh satu perkara yang agak penting selain daripada Universiti Islam Antarabangsa yang disebut-sebutkan oleh rakan-rakan saya di dalam Dewan yang mulia ini. Maka Institut Teknologi MARA pada satu masa nanti diharapkan barang diizinkan Allah tercapai kedudukan ekonomi bumiputra lebih pesat lagi dan hubungan antarabangsa terjalin dengan eratnya. Tuan Yang di-Pertua, iaitulah ITM hendaklah diperbesarkan dan diperluaskan lagi Pusat Latihan Bahasa seperti bahasa Jepun, bahasa Arab, bahasa Perancis dan lain-lain bahasa lagi di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, diharapkan dari segi perhubungan ekonomi bumiputra di lapangan perdagangan dan perindustrian international, begitu juga latihan dari segi ilmu Computer programming dan system analysis kerana ada gesa-gesa perkembangan dinamis terhadap tugas-tugas Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi mutu penyertaan dan pencapaian rakyat bumiputra dalam soal teknologi moden dan taraf ekonomi yang lebih tinggi lagi dari masa yang sudah-sudah. Saya menyeru kepada Kerajaan supaya memberi sumbangan kewangan secukupnya dan saya percaya ITM ini di bawah pimpinan Pengerusi Pentadbiran sekarang, Yang Berhormat Dato' Mansor bin Othman seorang dinamis dan penuh dedikasi, insya Allah kita akan mencapai matlamat yang kita ingini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan Titah Ucapan Baginda menyentuh Islam merupakan benteng pertahanan yang kukuh dari segi menentang semua anasir yang mengancam kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menyarankan dalam perasmian Mesyuarat Musabaqah Al-Quran selain daripada mengutamakan suasana khusus supaya memberi kesan yang baik dan menunjukkan kebaikan Al-Quran terutama kepada penduduk yang bukan Islam. Tujuan beliau bukan cuba menukarkan agama mereka tetapi ingin melibatkan orang-orang bukan Islam memahami apa dia Islam dan kebaikan Islam agar mereka memahaminya dan melibatkan diri serta bekerjasama

dengan penduduk Islam di negara majmuk seperti Malaysia ini, tegas beliau.

Selain dari itu, secara mengutamakan suasana khusuk ini adalah suasana rohaniah tetapi lahiriahnya iaitu saya mengesyorkan supaya pakaian pasukan keselamatan yang terdedah iaitu pasukan keselamatan dan pertahanan wanita kita yang memakai skirt menampakkan aurat hendaklah digantikan dengan seluar panjang termasuklah Kementerian Kesihatan iaitu para jururawat kita di mana setengah-setengahnya memakai gaun dan setengahnya memakai seluar panjang bell-bottom. Diharap mansuhkan sahajalah gaun ini maka tidaklah kita mahu melihat lagi ada yang memakai gaun dan ada yang memakai bell-bottom. Kita teruskan pakai bell-bottom atau seluar panjang mengelakkan daripada nampak aurat oleh pesakit-pesakit kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh Kementerian Pengangkutan Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengadakan pemeriksaan lori yang membawa lebih muatan dan berat oleh pegawai-pegawai penguatkuasanya. Saya bercadang agar diadakan beberapa tempat yang strategik di antara jalanraya di negara kita bagi mengelakkan lori-lori berhenti beratus-ratus buah dan berkilometer panjangnya.

Jadi saya beri satu contoh Pegawai Penguatkuasa kita menahan lori-lori di Rawang, tetapi beratus-ratus lori berhenti di Serendah dan bahagian sebelah sana. Saya sendiri menyaksikan bagaimana lori-lori yang terasa bersalah menerima lampu isyarat dari kenderaan yang berselisih terus berhenti di tepi jalan sehingga pemeriksaan selesai baru lori-lori yang berhenti itu bergerak semula. Ini adalah memalukan Kerajaan kita. Terdapat kemalangan yang berlaku di jalanraya disebabkan oleh pemandu lori dan bas, tidak terkecuali juga lori dan kenderaan Tentera dan Polis terlalu laju walaupun ditulis 60 km sebelah belakang kereta itu dan 60 km sebelah kanan atau kiri lori. Nampaknya seolah-olah dicampurkan (60 km+60 km) menjadi 120 km. Begitu-lah lajunya lori-lori dan kenderaan itu dan didapati banyak kemalangan jalanraya

terjadi di negara kita pada hari ini, kalau dapat disekat kelajuan itu dan pihak Highway Patrol sentiasa berada di jalanraya siang dan malam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan dua perkara di kawasan saya yang perlu saya sebutkan di sini untuk mendapat perhatian pihak yang berkenaan. Pertama, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos Ampangan air LLN di Batu 7 Jalan Cameron Highlands iaitu sistem pelepasan air takungan ke Sungai Batang Padang pada hari ini dilaksanakan secara tidak berperaturan, mengakibatkan hakisan tanah pekebun kecil dan dusun serta tanah rakyat di sepanjang Sungai Batang Padang. Dipohonkan pihak LLN mengambil perhatian dalam soal ini.

Satu lagi saya hendak sentuh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bahawa di Batang Padang potensi tanahnya bijih timah yang mana berbelas kapal korek dan beratus lombong kelikir. Bekas tanah lombong ini hendaklah diratakan menjadi kawasan tapak perindustrian. Tidak berapa lama lagi apakala bijihnya tiada lagi, industri inilah penggantinya. Dipohonkan Kementerian ini membuat survey kerana kemudahan keretapi dan ada lebuhraya yang akan dibina oleh Kerajaan kita, Lebuhraya Changkat Jering ke Bidor akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Tujuan diadakan industri di kawasan Parlimen Batang Padang, kawasan saya ini, bagi mengelakkan pengangguran dan penghijrahan rakyat ke tempat lain.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong usul menjunjung kasih yang dicadangkan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

4.14. ptg.

Tuan Wong Hoong Keat (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun pada waktu yang bersejarah ini untuk menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Walau bagaimanapun, saya ingin bercakap sedikit tentang pelabuhan bebas, Pulau Pinang.

Saya percaya pada tahun 1979 bila bekas Perdana Menteri Tun Hussein melawat Pulau Pinang, beliau adakan mesyuarat di antara wakil-wakil Barisan Nasional di Bukit Bendera. Dalam mesyuarat itu masalah Pelabuhan bebas Pulau Pinang dibangkitkan oleh Senator Lee Jong Ki dan Tun Hussein Onn sudah berjanji beliau akan mengkaji masalah itu. Malangnya, sekarang ini beliau tidak ada bersama dengan kita di Parlimen. Dengan itu kita tidak dapat tahu apakah keputusan berkenaan dengan perkara ini. Saya tidak pasti sama ada kita boleh membincangkan perkara ini secara lebih lanjut lagi atau membentuk satu jawatankuasa khas untuk menyiasat perkara ini.

Tiap-tiap negeri haruslah menggunakan kemudahan dengan sepenuhnya. Pulau Pinang adalah satu pelabuhan dan lapangan terbang yang dilahirkan pada satu tempat boleh bertanding atau bersaing dengan Singapura.

Pada ingatan saya tidak salah kepentingan Pulau Pinang adalah pelabuhannya yang semula jadi. Ini adalah merupakan satu asas untuk pembangunan perniagaan untuk Sumatra Utara dan Malaysia kedudukannya yang begitu penting itu sudah dikurangkan dengan perlahan-lahan dan akhirnya hilang sama sekali pada tahun 1977. Sekarang ini kami sudah mengalami keadaan ini selama beberapa tahun; kami sudah berasa benar-benar sama ada pelabuhan bebas itu boleh mendatangkan faedah atau tidak, barangkali sekarang ini adalah masanya untuk kita dapat menggunakan keputusan itu yang sudah menjadi ketara. Dengan ertikata lain, kita harus mengulangkaji kedudukan Pulau Pinang sebagai satu pelabuhan bebas dan apakah bentuk pelabuhan bebas yang patut kita adakan.

Singapura memang bukan pelabuhan bebas dalam ertikata yang sebenarnya, kerana setengah barang adalah dikenakan cukai. Akan tetapi dari segi psikologi dengan menganjurkan Singapura sebagai sebuah pelabuhan bebas ianya mendapat lebih banyak faedah daripada kita. Kita juga boleh

mendapat faedah dengan mempelajari daripada Singapura dan memberi satu status kepada Pulau Pinang. Dari segi psikologi dapat mengakui diri sendiri sebagai pelabuhan bebas. Secara singkat jika sekiranya Pulau Pinang dapat menggunakan sumber-sumbernya dengan sepenuhnya apakah faedah dan kerugian yang akan diakibatkan?

Tentang pelancungan adalah dianggarkan bahawa lebih kurang 400,000 orang pelancung datang ke Pulau Pinang setiap tahun. Adakah kedudukan sebagai pelabuhan bebas akan memajukan lagi perusahaan pelancungan? Jawapannya adalah ya. Dan sudah tentu angka yang ternyata di atas akan meningkat lagi sekiranya kita dapat menggandakan dua-setengah kali; kita akan dapat satu juta pelancung setiap tahun. Anggapkan mereka sebagai pelancung kelas pertengahan datang ke sini melalui Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan tinggal di Pulau Pinang selama 2 hari. Anggapkan juga setiap orang daripada mereka membelanjakan sebanyak \$250.00 kita akan mendapat keuntungan sebanyak \$250 juta. Sekiranya kita dapat keuntungan 10% kiraan minima melalui jualan barangan yang jumlahnya \$250.00 seorang, kita akan dapat keuntungan tambahan lagi lebih kurang \$25 juta daripada jumlah itu. Kalau pelancung-pelancung ini tinggal di hotel dan membelanjakan wang \$100 setiap orang kita akan dapat \$100 juta setiap tahun.

Berkenaan Lapanganterbang Pulau Pinang yang kedudukannya sebagai pelabuhan bebas dan perubahan Pulau Pinang kepada Lapanganterbang Antarabangsa akan menjadikan Pulau Pinang sebagai tempat persinggahan perjalanan ke Thailand Selatan, Pulau Langkawi atau Pangkor. Ini juga akan menggalakkan pelancungan sepanjang Lebuh raya Timur Barat dari Kelantan dan Terengganu. Andainya ini akan mendatangkan keuntungan \$250 setiap pelancung, akhirnya akan meningkatkan keuntungan kepada \$250 juta; di samping memajukan pelancungan di Kelantan, Terengganu dan Pantai Timur Malaysia. Kalau anda merujuk peta dunia, anda akan dapati bahawa Pulau Pinang adalah tempat

persinggahan pertama bagi kapal terbang yang datang dari Europa dan Timur Tengah menerusi Singapura, Hongkong dan seterusnya ke Jepun dan Australia, Perubahan dari perjalanan ini sangat kecil tetapi ia akan membawa keuntungan kepada kita kerana semasa pelancung singgah di sini, mereka akan membelanjakan wang mereka di sini.

Pulau Pinang sebagai pelabuhan laut. Pulau Pinang dijumpai dan dimajukan kerana ia mempunyai pelabuhan sebagaimana hari ini keadaan ini masih wujud. Kita mempunyai kapal terbang yang terbang ke Pulau Pangkor, Pulau Langkawi, Haadyai dan ke utara. Kita juga mempunyai penerbangan ke Kota Bharu dan Medan serta juga penerbangan di sepanjang jalanraya Timur Barat. Kelantan sedang membangun dan memerlukan jalan masuk untuk membuat eksport ke Europa. Kawasan pendalaman Medan juga sedang dimajukan dan memerlukan jalan masuk dan jalan keluar ke Medan. Kini Medan menggunakan Singapura. Pembangunan Pelabuhan Pulau Pinang dan kelengkapan untuk menguruskan perniagaan antarabangsa termasuk kedudukannya sebagai pelabuhan bebas akan menjadi saingan pula kepada Singapura, kita akan menjadikannya sebagai pelabuhan bantuan kepada Singapura. Kelengkapan-kelengkapan moden kalau ditambah akan menjadikan Pulau Pinang sebagai salah satu pelabuhan yang terpenting sekali di Asia Tenggara, keuntungan yang diperolehi jauh lebih daripada pelancongan. Misalnya, perkapalan dari tahun 1960 bertambah sebanyak 12% setiap tahun, kita mendapat tiga kali jumlah tannya. Oleh sebab inflasi kita darab jumlah ini dengan 400% dan angkanya sungguh mengejutkan.

Tuan Speaker, di samping itu kita mesti juga mengkaji keburukannya, biasanya dikatakan bahawa mengapa Pulau Pinang yang untung dan bukan negeri-negeri lain. Jawapannya mudah, Pulau Pinang mempunyai kemudahan jalan udara dan pelabuhan yang semula jadi, kedudukannya strategik kerana terletak di jalan keluar Selat Melaka. Kita mesti memulakan sebelum negara Thailand memajukan bukit, kita mesti

mengambil peluang keemasan ini dan ada juga yang menyatakan penyeludupan akan terjadi. Kalau kita boleh menahan penyeludupan dari Singapura ke Johor, mengapa kita tidak dapat menahan penyeludupan dari Pulau Pinang ke Semenanjung. Ada juga yang mengatakan begini, peniaga-peniaga di kawasan Semenanjung akan menderita kerana pembeli-pembeli akan membeli barang-barang di Pulau Pinang, di situ mereka mempunyai lebih banyak pilihan. Sebenarnya kalau ada lebih banyak pilihan, lebih ramai orang suka membuka kedai di Pulau Pinang, tetapi bukan semua perniagaan masuk ke Pulau Pinang kecuali kedai-kedai di Butterworth. Pulau Pinang juga boleh menjadi punca pembekalan bagi pedagang-pedagang di Alor Setar, Ipoh, Kelantan dan Perlis. Mereka tidak payah pergi ke Singapura yang mengakibatkan keuntungan dari perniagaan yang diperolehi oleh negara asing itu. Ada yang mengatakan Pulau Pinang tidak boleh menggunakan sebagai zon ekonomi Malaysia untuk pengeluarannya. Kita tidak tahu sama ada ini akan mendatangkan keburukan atau tidak. Oleh itu, satu Pasukan Penyiasatan yang khas diperlukan. Walau bagaimanapun ada penguasa kilang yang mengeksport lebih daripada 50% hasil mereka ke luar negeri. Kita mesti menggalakkan mereka supaya beralih ke Butterworth, ada yang mengatakan bahawa sesiapa juga yang tinggal di Pulau Pinang akan beruntung, tetapi kita mesti ingat bahawa Pulau Pinang mempunyai penduduk seramai 300,000 orang. Keuntungan yang diperolehi mesti juga disalurkan kepada penuntut-penuntut dan penganggur-penganggur ke Pulau Pinang benar-benar menjadi pusat teknologi dan pusat pelajaran. Kita mesti juga menyiasat adakah perasaan hati dan rasa cemburu menjadi punca bagi objektif kita. Oleh itu, saya berasa sangat puas hati kalau Kerajaan dapat menyelesaikan masalah itu dalam keadaan aman dan tenteram. Saya pasti kita semua bersedia untuk mengambil bahagian dalam hal ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Matang.

4.25 *ptg.*

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Usul Terima Kasih yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Awang bin Jabar di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sebelum saya menyebut beberapa perkara di dalam Dewan ini, saya ingin mengambil kesempatan, Tuan Yang di-Pertua, mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua kakitangan Kerajaan yakni dalam Perkhidmatan Awam yang mana mereka telah berkhidmat dengan begitu cemerlang di dalam negara kita ini. Jika mereka tidak berkhidmat dengan begitu cemerlang tentulah nama Kerajaan yakni Kerajaan Barisan Nasional yang pada masa ini dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad akan kurang baik. Jadi, saya melihat pada sepanjang masa kakitangan Perkhidmatan Awam walaupun telah diberi tugas oleh pihak Kerajaan dengan begitu berat dan pada akhir-akhir ini pula diberi jadual waktu lebih awal daripada yang sudah-sudah, tetapi nampaknya mereka ini telah berkhidmat dengan baik, dengan senyum mesra dan terus menjalankan tugas-tugas mereka bagi peringkat Persekutuan, bagi peringkat Negeri dan bagi peringkat Daerah dan seterusnya.

Berbalik kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia yang menitikberatkan perpaduan, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga sebilang masa menitikberatkan perpaduan dan menyeru kepada rakyat supaya seluruh rakyat di dalam negara kita ini hormatilah kepada perpaduan di antara kaum dengan kaum. Kita patut sedar sebuah buku Rukunegara telah dibuat oleh pihak Kerajaan apabila sahaja satu kejadian yang menyedihkan berlaku pada tahun 1969, tetapi nampaknya sehingga setakat ini perpaduan yang telah diucapkan dan yang telah diamalkan oleh pihak-pihak Kerajaan, bagi pihak Pembangkang tidak begitu peduli langsung. Contohnya, DAP mengambil kesempatan mengapi-apikan keadaan supaya perkauman terus wujud di dalam negara kita, baik ia di luar Dewan ataupun di dalam

Dewan, kadang-kadang mereka kata mereka berjuang kepada semua pihak, semua kaum, tetapi di dalam Dewan ini satu golongan sahaja yang mewakili rakyat dan nampaknya sehingga pada masa ini sungguhpun telah begitu banyak usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan supaya perpaduan terus wujud dan tidak ada percanggahan perkauman di dalam negara kita. Pada akhir-akhir ini sudah tidak ada modal bagi pihak DAP atau Pembangkang 3M pula disebut-sebut untuk mengapi-apikan rakyat supaya benci kepada Kerajaan. Padahal kalau sesiapa diberi peluang membaca, meyelik, apakah dia 3M, kita yakin rakyat keseluruhannya menerima apa hal yang dikemukakan oleh Kementerian Pelajaran. Oleh sebab itu, saya nampak usaha-usaha yang kita telah buat dengan begitu sempurna, dengan begitu baik, ada pihak-pihak tertentu dalam Dewan ini mengambil kesempatan supaya sebarang tindakan kita untuk menyatu-padukan semua kaum di dalam negara kita ini dapat tentangan daripada mereka. Di dalam Dewan ini kita telah memberi satu tempat yang baik kepada pihak Pembangkang—duduk pula dekat dengan Tuan Yang di-Pertua—telah digunakan dengan cara-cara semacam ini, sepatutnya mereka ini dipindahkan ganti tempat saya, biar kami pindah di tempat sana.

Jadi dalam hal yang seperti ini, selain daripada parti ini selalu mengapi-apikan berbagai masalah supaya perpaduan tidak begitu wujud dengan baik dalam negara kita, timbul pula masalah satu parti lagi iaitu parti PAS yang juga menjadi Pembangkang di dalam Dewan ini. Mereka ini ada kita dengar berita-berita mengatakan di setengah-setengah tempat di dalam negara kita cuba mengeluarkan fatwa mengatakan orang UMNO itu kafir dan ada setengah-tengah tempat mengeluarkan fatwa tidak boleh sembahyang bersama-sama dengan orang UMNO dan ada setengah tempat pula mengeluarkan fatwa tidak boleh berbaik-baik dengan orang UMNO.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dengan sebab itu saya merayu oleh kerana di dalam Dewan kita ini ada seorang

pemimpin parti PAS ini, saya merayu supaya dapat bersama-sama dengan kami, perkara-perkara yang semacam ini patut tidak ada, patut menggalakan supaya orang Islam ini bersatu padu, patut menggalakkan orang Islam ini bersembahyang di satu tempat beramai-ramai, patut mengalakkan orang Islam ini jangan suka berkata sesama Islam masalah kafir-mengkafir patut berkata dengan orang Islam sama Islam ini sepatutnya tidak ada permusuhan. Ini saya merayulah kepada pihak PAS supaya dapat menyedari kepada mereka yang sudah terbawa-bawa yang menyebabkan kemungkinan perpecahan dalam peringkat sekarang, kita bimbang generasi kita akan mengikuti langkah yang seperti ini, apakah akan jadi kepada negara kita pada masa hadapan.

Tidak ada cara lain saya nampak, sungguhpun pihak Kerajaan dan pemimpin-pemimpin Kerajaan beberapa kali telah meminta supaya perkara-perkara seperti ini jangan dibangkitkan tetapi nampaknya ia masih wujud juga dan saya percaya sudah sampai masanya, marilah kita sesama Islam bersatu-padu dan jika sesuai pihak PAS merujuk balik kepada parti Islam bersatu-padu dan jika sesuai pihak PAS merujuk balik kepada parti Islam, UMNO ini pun Islam juga supaya beramai-ramai menyertai UMNO menjadi sebuah parti Islam yang terbesar di dalam negara kita.

Saya mengambil kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang kalau-kalau di suatu masa sudah tidak dapat dikawal lagi maka timbullah permusuhan Islam dengan Islam dan kitalah yang pada masa ini menjadi pemimpin mereka akan dipersalahkan jika kita tidak berbuat sesuatu untuk faedah rakyat, untuk faedah negara, untuk faedah generasi kita pada masa hadapan. Saya percaya pemimpin-pemimpin PAS juga seperti kami menyedari perkara ini dan jika menyedari marilah kita bersama-sama berada di dalam keadaan yang boleh menyatukan ke semua pihak supaya dapat kita wujudkan sebuah masyarakat Islam yang terbesar di dalam negara kita ini.

Tuan yang di-Pertua, di dalam masalah agama Islam kita dapati pentadbirannya masih ke negeri-negeri dan selain daripada

negeri ada sebahagian daripadanya dirujuk kepada peringkat Pusat. Maka timbullah beberapa masalah.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar): *(Bangun)*

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa hal?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Koram tidak cukup!

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Koram cukup. Saya jemput Yang Berhormat dari Matang meneruskan ucapan.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Tuan Yang di-pertua, saya dukacita sedikit kerana dahulu pada masa saya sedang berucap DAP menegur tidak cukup koram, hari ini sedang berucap PAS pula kata tidak cukup koram. Kemudian lepas daripada itu dia lari keluar pula, sengaja dia suka tidak cukup koram *(Ketawa)*. Jadi nampaknya Dewan Parlimen ini macam mesyuarat Jawatankuasa Kampung, tidak ada penghargaan. Itu yang saya kata pindah daripada sana bawa kemari, biar kami pula di hujung sana dan Ahli-ahli Pembangkang di sini *(Ketawa)*. Tidak ada penghormatan, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua tengok dahulu DAP, hari ini PAS; macam berpakat pula dan selepas itu keluar!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik, teruskan. Jangan buang masa.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Saya sambung, Tuan Yang di-Pertua. Masalah agama kita dapati cara pentadbiran kita ke negeri-negeri dan ada juga pentadbiran kita di peringkat Pusat. dalam pentadbiran kita selalu diperbualkan oleh rakyat, ada sebahagian daripadanya sebagai satu contoh misalnya kesalahan-kesalahan kecil yang ada selalu terjadi di dalam negara kita. Sebagai contoh, khalwat. Ada negeri yang menghukumkannya sekian banyak, ada negeri pula sekian; begitu juga tidak berpuasa, hukumannya tidak ada persamaan, ada perbezaan. Ini yang kecil-kecil. Jadi oleh

sebab itu di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menitikberatkan masalah agama. Pada pendapat saya, sudah sampai masayalah pada keseluruhannya dapat disatukan supaya baik pentadbiran negeri cara perlaksanaan biarlah ada persamaan.

Apabila kita ada persamaan tidak timbullah masalah fatwa-fatwa yang sudah direka-reka oleh setengah-setengah pihak, sepertimana yang saya katakan tadi ada fatwa mengatakan tidak boleh sembahyang di mesjid ini, boleh sembahyang di mesjid itu; tidak boleh berkawan dengan orang ini, kalau berkawan jadi kafir. Berkawan dengan orang ini boleh jadi Islam. Ini fatwa-fatwa yang direka-reka. Oleh sebab itu pada pandangan saya persamaan perlu dan sudah sampai ke peringkat itu. Saya mencadangkan kepada Kerajaan sepatutnya wujudkan Menteri Ugama di dalam negara kita.

Selain daripada itu masalah luar negeri. Apa yang kita dapati pada masa ini Malaysia bukan sahaja terkenal sebagai sebuah negara di dalam kumpulan ASEAN tetapi ia terkenal sebagai sebuah negara yang terkaya mengenai minyak dan berbagai-bagai lagi dan terkenal juga sebagai pemimpin-pemimpin dan rakyatnya orang yang berbudi bahasa. Dari segi antarabangsa kita telah dapat menghubungkan semua pihak, baik ia negara di barat, di timur, negara-negara Islam dan berbagai-bagai lagi. Dari segi wakil-wakil negara kita telah berkhidmat di beberapa buah negara di seluruh dunia ini dan kita dapati semuanya telah memberi kejayaan baik ia daripada ahli-ahli diplomat, daripada pegawai-pegawai Kerajaan dalam perkhidmatan awam ataupun ia daripada ahli-ahli politik yang telah dipilih menjadi wakil-wakil untuk berkhidmat di luar negeri.

Dalam hal yang seperti ini kerana cara memperkenalkan ini sudah begitu baik dan akhir-akhir ini saya dapati apabila sahaja Duta kita di Jeddah pada masa ini sudah habis tempohnya iaitu Yang Berhormat Datuk Seri Haji Kamaruddin selama 3 tahun di sana dan akhirnya kita mengadakan perhubungan yang baik dengan semua negara-negara Arab, negara-negara Teluk. Di samping itu pula kita tidak lupa Duta kita di Mesir yang telah dipilih juga dari ahli

politik berkhidmat di sana dan pada masa ini perhubungan kita dengan negara-negara yang berkenaan begitu baik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa cuma satu minit sahaja lagi.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Oleh sebab itu, saya minta supaya Kerajaan mengkaji lebih ramai ahli-ahli politik dapat menjadi wakil-wakil di negara-negara lain yang ia bergelar sebagai Duta atau Pesuruhjaya Tinggi supaya ditambah lagi kerana didapati sampai ke peringkat sekarang ahli-ahli politik telah menunjukkan kebolehan-kebolehan mereka di bidang perhubungan negara dengan negara. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Gerik.

4.41 ptg.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun, mempersembahkan ucapan junjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Baginda semasa membuka Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong usul ini saya ingin menyentuh beberapa perkara terutama sekali perkara yang baru-baru ini telah dibangkitkan oleh sebuah majalah keluaran daripada negara luar iaitu 'The Economist' yang telah menyentuh berkenaan dengan kejatuhan harga minyak. Majalah 'The Economist' ini telah membuat penganggaran bahawa harga minyak mentah dalam pasaran dunia akan turun sehingga lebih kurang \$10 pada satu tong. Ini disebabkan oleh adanya persaingan yang hebat di antara negara-negara yang menjadi pengeluar-pengeluar minyak di dunia pada hari ini.

Saya inginlah membuat sedikit saranan kepada pihak Kerajaan kalaulah benar harga minyak ini akan jatuh tidak berapa lama lagi maka saya ingin pihak Kerajaan kita membuat perancangan, membuat strategi supaya kejatuhan harga minyak ini tidak akan menyebabkan kesusahan, tidak akan

menyebabkan kerumitan, tidak akan menghalang pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan juga pembangunan negara kita. Kita tidak mahu kejatuhan harga minyak di pasaran dunia ini mengakibatkan kepada kesusahan kepada nelayan-nelayan kita, kepada petani-petani kita, kepada pekerja-pekerja kita dan juga kepada pelajar-pelajar kita. Dengan sebab itu saya berharap supaya pihak Kerajaan menyediakan satu strategi, satu perancangan yang terperinci untuk disiap sedia kalau-kalau harga minyak ini benar-benar jatuh. Negara Jepun pada hari ini mengikut majalah ini juga telahpun dapat mengurangkan penggunaan tenaga (energy) pada satu-satu pengeluaran kepada tahap 40%. Jadi bermakna dari segi penggunaan tenaga elektrik ataupun tenaga minyak, negara Jepun telah dapat mengurangkan 40% penggunaan minyak pada satu-satu pengeluaran. Misalnya kalau kita hendak mengeluarkan motokar maka bermakna 40% pengurangan bahan-bahan atau kos-kos energy ini telah dapat diselamatkan oleh negara Jepun. Saya juga berharap supaya pihak Kerajaan kita dapat membuat perancangan, dapat membuat kajian, dapat membuat penyelidikan supaya kita juga dapat menggunakan minyak ini dengan begitu baik sekali, dengan begitu jimat sekali. Satu lagi perkara yang ada di negara kita ini yang boleh kita gunakan dengan lebih manfaat lagi iaitu gas cecair. Hari ini di negara Jepun mereka telah dapat menggunakan gas ini untuk automobile atau untuk motokar-motokar dan juga kenderaan.

Kita harap supaya Kerajaan kita dapat membuat satu kajian, satu penyelidikan. Hari ini kita menjadi pengeluar getah yang terbanyak sekali di dunia dan RRI, ataupun Pusat Penyelidikan Getah kita merupakan salah satu yang terbaik sekali di dunia dan oleh kerana kita juga akan mengeluarkan gas cecair ini tidak menjadi masalah kepada kita untuk menjadi salah sebuah daripada negara yang terbaik juga daripada segi kajian dan penyelidikan gas cecair ini. Saya berharap supaya pihak Kerajaan kita dapat mengadakan kajian, dapat mengadakan penyelidikan supaya kita dapat menggunakan gas ini untuk kenderaan-kenderaan dan untuk kegunaan selain daripada yang biasa

digunakan di negara kita pada hari ini. Kita harap di masa-masa akan datang pusat-pusat yang menjadi bekalan elektrik kepada kita hari ini yang mana kita menggunakan tenaga hidro yang mana kita menggunakan tenaga minyak dan kita akan menggunakan tenaga daripada arang batu, kita akan dapat menggunakan gas untuk kegunaan elektrik kita di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita juga berharap supaya Kerajaan kita juga akan dapat membuat satu kajian sama ada lebih untung kepada kita membeli minyak daripada luar negeri dan mengurangkan pengeluaran minyak kita ataupun kita hendak mengeluarkan minyak untuk dijual, untuk di eksport dan perbandingan di antara minyak yang kita keluar dengan minyak yang kita hendak import daripada luar negeri. Saya difahamkan bahawa minyak yang kita keluarkan di negara kita ini merupakan minyak yang bermutu premium ataupun yang bermutu tinggi. Kalaulah minyak yang kita keluarkan ini mutunya tinggi sedangkan minyak yang kita hendak import itu mutunya lebih rendah maka berapakah perbezaan harga di antara yang kita hendak eksport dengan yang kita hendak import. Kalau perbezaan ini lebih besar maka eloklah kita mengeluarkan minyak sebagaimana biasa. Tetapi kalau perbezaannya kecil sekali saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya kita tidak mengeluarkan minyak dengan begitu banyak supaya kita dapat mengeluarkan minyak ini pada masa harga minyak meningkatkan balik pada masa-masa yang akan datang. Oleh kerana adanya persaingan yang begitu hebat di antara negara-negara pengeluar minyak terutama sekali di Timur Tengah, maka hari ini pasaran minyak dunia telah menjadi satu 'glut' terlampau banyak pengeluaran sedangkan pemasaran minyak sebagaimana biasa juga.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya kajian yang terperinci dibuat berkenaan dengan perkara ini. Ini memandangkan bahawa Anggaran Pembangunan, Perbelanjaan, Budget kita semuanya berdasarkan kepada harga minyak yang lebih kurang \$30 setong. Kalau harga minyak ini jatuh maka bermakna jugalah

perancangan pembangunan negara ini juga akan terlibat, bermaknalah bahawa kemajuan negara kita ini akan tergugat dan bermaknalah Belanjawan negara kita ini juga terpaksa kita kurangkan daripada tahap yang ada sekarang.

Satu lagi jalan yang boleh dilakukan oleh Kerajaan untuk mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat ialah dengan cara supaya kita dapat mengurangkan import bahan-bahan yang boleh kita keluarkan sendiri di negara kita.

Setakat hari ini pada pendapat saya Kerajaan kita tidak memberikan protection ataupun tidak membendung import yang datang daripada luar negeri sedangkan kita ada mengeluarkan bahan-bahan ini di negara kita. Jadi saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya kita memberikan perlindungan yang begitu tinggi sekali kepada bahan-bahan yang kita keluarkan di negara kita. Misalnya kalau kita kaji hari ini negara kita banyak sekali ada kenderaan motokar, lori dan sebagainya dan kita juga oleh sebab dengan kejatuhan harga minyak akan dapat menambahkan lagi kegunaan kenderaan, motokar sebagainya di negara kita ini. Saya mencadangkan supaya Kerajaan dapat memberi satu perlindungan yang lebih ketat kepada import bahan-bahan ganti kepada automobile industry ini. Dan dengan cara ini saya percaya kita dapat memperbesarkan lagi automobile industry di negara kita dan kita dapat memberi pekerjaan kepada orang-orang kita.

Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam masa menyokong usul ini juga, Ahli Yang Berhormat dari Matang telah menyebut berkenaan dengan perpecahan yang di bawa oleh PAS. Saya tidak ingin hendak memanjangkan lagi perkara ini, tetapi oleh kerana perkara ini juga sedang berlaku di kawasan saya maka mahu tidak mahu saya terpaksa juga membawa perkara ini kepada Dewan ini.

Di kawasan saya setakat hari ini belum ada wujudnya misalnya orang-orang Islam yang sembahyang di dua masjid di dalam satu kampung ataupun orang-orang Islam yang

tidak mahu berimamkan kepada satu-satu pihak ataupun orang-orang Islam yang terpaksa dikahwinkan dua kali dan sebagainya. Tetapi tiga minggu yang lepas satu rombongan Ahli-ahli PAS daripada Baling telah datang ke kawasan saya dan hari ini perkara ini sedang diperbincangkan di kawasan Keroh. Kawasan Gerik merupakan pintu masuk kepada orang-orang PAS, kepada fahaman PAS sama ada daripada Kedah ataupun Kelantan. Dengan siapnya Lebuhraya Timur-Barat jauh Gerik dengan Kelantan hanya 75 batu. Jadi, saya berharaplah supaya pihak PAS walaupun hendak kempen, walaupun hendak menang pilihanraya, saya berharap supaya pihak PAS tidak akan memecahkan perpaduan di antara orang Islam sesama orang Islam. Semasa berucap di Keroh saya difahamkan orang-orang PAS juga ada menggunakan ayat "Waktasimubihamdjillah hijmain wala tabarrak" iaitu ayat yang menyuruh orang-orang Islam supaya bersatu padu iaitu kita tidak berpecah belah tetapi berpegang teguh kepada tali Allah iaitu ugama Islam dan tidak bercerai-cerai. Tetapi dengan kemasukan mereka ke Keroh tiga minggu sudah, mereka bukannya membawa Perpaduan yang kukuh kepada orang-orang Islam di Keroh tetapi mereka telah cuba membawa bibit-bibit perpecahan. Jadi saya berharaplah kepada pihak PAS supaya kita dapat berkempen secara gentlemen dan tidak menggunakan isu ugama sebagai isu di dalam pilihanraya. Kepada saya, saya rela kalah dalam pilihanraya tetapi saya tidak akan menggunakan isu ugama di dalam kempen-kempen pilihanraya, kerana ini melanggar tanggungjawab kita sebagai seorang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana kalau di masa-masa yang dulu, di masa-masa yang lampau, Kerajaan hanya membangunkan rumah-rumah murah di kawasan-kawasan bandar, di kawasan-kawasan luar bandar, tetapi hari ini pihak Kerajaan telahpun bersedia untuk mendirikan rumah-rumah murah di pertengahan kampung di kawasan luar bandar. Di kawasan Parlimen Gerik satu peruntukan untuk membina 100 buah rumah murah di tengah-tengah Kampung Gelop dan juga

Kampung Gua Badak di kawasan Parlimen Gerik telah memberikan satu peransang yang baru kepada penduduk luar bandar untuk memiliki rumah.

Saya ingin menyebut satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah saya hendak bangkitkan soal perkauman tetapi untuk menjadi perbandingan. Di kawasan Parlimen Gerik ada 8 buah Kampung Baru China, dan di kawasan-kawasan Kampung Baru ini oleh kerana kampung-kampung ini walaupun terletak di tengah-tengah kampung Melayu tetapi oleh kerana kampung ini tersusun, kampung-kampung ini dipagar dan tersusun maka senanglah pihak Kerajaan menyalurkan bekalan api, bekalan air, jalan yang baik, kemudahan-kemudahan asas seperti dewan, sekolah dan sebagainya. Jadi saya ingin mencadangkan juga kepada pihak Kerajaan supaya di kawasan-kawasan luar bandar dapat kita adakan tapak-tapak rumah yang tersusun.

Saya tidak minta kepada pihak Kerajaan untuk menyediakan kampung tersusun. Bukan rumah yang tersusun, tetapi hanyalah tapak-tapak rumah yang boleh kita jual kepada rakyat yang tinggal di luar bandar dengan harga \$400-\$500 satu tapak. Dengan cara ini di masa-masa yang akan datang, kita akan dapat mewujudkan kampung-kampung yang tersusun di kawasan-kawasan luar bandar dan ini akan memudahkan pihak Kerajaan untuk menyalurkan bekalan air, bekalan api, jalan yang baik, kelinik desa, sekolah dan sebagainya. Tetapi hari ini oleh kerana penduduk-penduduk luar bandar hidupnya dalam keadaan yang miskin, dan kampung-kampung Melayu juga berselerak di kawasan-kawasan luar bandar, jarak di antara satu rumah ke satu rumah kadangkala sampai serantai dua rantai maka amatlah susah pihak Kerajaan hendak menyalurkan bekalan air dan bekalan api apatah lagi jalan yang baik dan sebagainya. Tetapi kalau kampung-kampung ini dapat kita bangunkan dengan tersusun, tapaknya lebihkurang tapak rumah yang ada di kawasan pekan, misalnya 90' x 60' dan sebagainya maka akan dapatlah kita salurkan kemudahan-kemudahan asas ini dengan lebih baik lagi. Dan saya yakin dan percaya masalah-masalah yang ada di kawasan luar bandar hari ini di mana-mana

pelajar-pelajar terpaksa turun daripada rumah pukul 4.30 pagi untuk sampai ke sekolah, masalah mereka tidak sempat hendak sembahyang Subuh dan sebagainya tidak akan timbul lagi. Kerana apabila kita ada kampung yang tersusun, kita dapat membangunkan sekolah yang saya fikir sesuai untuk kampung-kampung yang berkenaan. Dan dengan cara ini, saya percaya bukan sahaja penduduk-penduduk kampung akan mendapat kemudahan-kemudahan asas dengan lebih cepat lagi tetapi jua nilai-nilai tapak rumah penduduk-penduduk yang ada di luar bandar akan dapat kita tingkatkan.

Hari ini kalau penduduk kampung hendak membuat pinjaman kepada bank untuk mendirikan rumah, maka sudah tentulah pihak bank akan menolak permohonan mereka. Tetapi kalau tapak rumah merka tersusun, ada jalan, ada bekalan elektrik, ada bekalan air, ada sekolah yang berdekatan, ada dewan, saya yakin dan percaya bahawa pihak bank juga akan dapat memberi pinjaman kepada penduduk luar bandar untuk mendirikan rumah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak sebutkan di sini ialah perkara tempatan kepada Gerik iaitu berkenaan dengan Lebuhraya Timur-Barat. Lebuhraya Timur-Barat akan dibuka mengikut kata Menteri yang berkenaan pada bulan April ini. Saya sukalah menarik perhatian Kerajaan kepada masalah-masalah yang ada di kawasan Parlimen Gerik.

Pada tahun 1976 yang lalu kita telah mendengar dan kita telah membaca di dalam akhbar bagaimana 69 buah jentolak telah dibakar di kawasan Lebuhraya Timur-Barat. Ini bermakna perkara ini baru berlaku 5 tahun sudah dan perkara ini tidak mustahil akan berlaku lagi di masa yang akan datang. Oleh itu saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya satu perancangan yang teliti dapat dibuat di kawasan-kawasan tepi jalan Lebuhraya Timur-Barat supaya Kerajaan dapat merancangkan pembangunan kampung-kampung dan juga pekan-pekan di sepanjang jalan, kerana kampung-kampung penempatan penduduk

ini akan dapat menghalang aktiviti-aktiviti subversif pengganas-pengganas komunis.

Saya yakin dan percaya bahawa apabila lebuhraya ini dibuka untuk kegunaan awam pihak komunis akan sebotaj kegunaan lebuhraya ini. Jadi sebelum pihak komunis bertindak, sebelum kita terlambat maka kita mestilah mengadakan perancangan supaya kawasan ini betul-betul selamat. Kita tidak akan dapat mengadakan konvoi pada tiap-tiap kali orang-orang awam hendak pergi dari Gerik ke Kelantan dan dari Kelantan ke Gerik. Tetapi jikalau kawasan-kawasan ini dapat kita bangunkan dan dapat kita tempatkan dengan penduduk-penduduk maka saya yakin kegiatan-kegiatan subversif pengganas-pengganas komunis akan dapat kita halang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan minuman keras. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya kita mengikut contoh di Australia, England dan juga di Amerika iaitu supaya beer dimasukkan dalam istilah minuman keras (alcohol). Dengan cara ini beer tidak akan dijual lagi di kaki-kaki lima, di gerai-gerai di dalam negara kita ini. Ini saya rasa amat baik sekali kerana negara kita merupakan sebuah negara Islam. Tetapi hari ini kita boleh pergi ke gerai-gerai, kanak-kanak sekolah boleh pergi ke gerai-gerai untuk minum beer tetapi di England, di Australia dan Amerika negara-negara Kristian, kita tidak akan dapat minum beer di gerai. Kalau orang hendak minum mereka terpaksa pergi ke kedai-kedai minuman keras yang dilesenkan oleh Kerajaan. Saya juga ingin mencadangkan supaya beer ini dimasukkan ke dalam istilah alcohol supaya beer tidak lagi dijual di tepi-tepi jalan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja saya ucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk membahaskan Titah Ucapan Di Raja dan menyokongnya telah tamat dan sekarang ini saya jemput Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri untuk memberi jawapan.

5.01 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran serta syor-syor yang membina terhadap perkara-perkara di bawah Jabatan Perdana Menteri semasa perbahasan mengenai Titah Ucapan Di Raja yang bermula sejak 9hb Mac yang lalu.

Banyak perkara yang telah ditimbulkan dan banyak pula antaranya telahpun dijelaskan di dalam Dewan ini pada masa Pertanyaan-pertanyaan Mulut diberi jawapan. Oleh itu bagi menjimatkan masa, saya tidak bercadang hendak mengulangi lagi penjelasan-penjelasan tentang perkara-perkara seumpama itu. Walaupun begitu perkara-perkara tersebut masih diambil untuk diberi perhatian dalam segala rancangan dan perancangan yang dijalankan oleh Jabatan Perdana Menteri yang ada kaitan dengannya. Dan gulungan saya terhadap bahasan ini saya hanya akan menyentuh tentang beberapa perkara sahaja iaitu mula-mula sekali Ahli Yang Berhormat dari Raub ketika menyokong usul mengenai Titah Ucapan Di Raja ini telah mencadangkan supaya seluruh jentera pelaksanaan diberi orientasi tentang tujuan dan matlamat Kerajaan. Beliau memberi contoh bagaimana Kementerian dan Jabatan mempunyai pandangan yang berbeza terhadap satu-satu polisi. Untuk mempercepatkan pembangunan, pentadbiran Kerajaan hendaklah cekap.

Mengenai ini, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan memang sedar perbezaan-perbezaan kecil kadangkala berlaku di antara Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan terhadap satu-satu dasar Kerajaan dan langkah-langkah telahpun diambil untuk mengurangkan perbezaan ini. Walau bagaimanapun, keadaan ini sekarang telah diperbaiki dengan cara mewujudkan prosidur-prosidur baru untuk melaksanakan keputusan-keputusan Kerajaan dan di mana niat dan hasrat tiap-tiap satu keputusan itu dimaklumkan dan ditekankan kepada semua

pegawai-pegawai Kerajaan. Dengan cara ini, adalah dipercayai dan diharapkan perbezaan-perbezaan yang dimaksudkan itu tidak akan wujud lagi di masa-masa hadapan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh tentang soal pentadbiran baru yang berkehendakkan Kerajaan bersih, cekap dan licin. Kerajaan hari ini bukan bersifat ketuanan tetapi merupakan alat perkhidmatan kepada rakyat. Semua tindakan yang diambil adalah menuju ciri-ciri tadi. Dalam hal ini kakitangan yang betul-betul berkhidmat ke arah tersebut haruslah diberi pujian. Tetapi menurut Yang Berhormat, masih ramai lagi terdapat kakitangan yang tidak berkhidmat sepertimana yang dikehendaki oleh Kerajaan pimpinan baru. Kakitangan itu tidak mementingkan masalah rakyat. Yang Berhormat mencadangkan supaya langkah-langkah tertentu perlu diambil untuk menghapuskan masalah ini termasuk masalah red-tape dan rasuah. Semangat bertanggungjawab dan berkhidmat untuk rakyat dan negara perlu dititikberatkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berbagai usaha telah dan akan terus dijalankan serta dipergiatkan lagi bagi mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan licin. Di samping peraturan-peraturan dan undang-undang yang telah sedia ada bagi mengambil tindakan sewajarnya terhadap mana-mana kakitangan awam yang tidak cekap, mementingkan diri sendiri dan yang melakukan penyelewengan, langkah-langkah untuk meningkatkan kecekapan kakitangan awam telah dan terus dilaksanakan. Ini termasuklah langkah-langkah mengadakan latihan praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan yang dijalankan di INTAN dan juga latihan lanjut yang dijalankan di luar dan dalam negeri. Penggunaan alat-alat kelengkapan moden termasuk penggunaan komputer, membaiki sistem kerja mengikut keperluan dan keadaan dan juga pemberian hadiah dan galakan di bawah teras perkhidmatan cemerlang sebagai penghargaan kepada kakitangan yang telah memberi perkhidmatan cemerlang.

Berhubung dengan syor Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya sistem

merit dititikberatkan tanpa membezakan antara bumiputera dan bukan bumiputera. Sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan telah, sedang dan akan terus melaksanakan sistem merit dalam semua perkara yang berkaitan dengan urusan personnel. Sistem ini dilaksanakan tanpa membezakan antara bumiputera dan bukan bumiputera, dalam urusan-urusan kenaikan pangkat, penempatan dan juga peluang-peluang untuk mengikuti kursus lanjutan sama ada di dalam atau luar negeri.

Perkara berhubung dengan perpaduan negara juga disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Antara lainnya Ahli Yang Berhormat dari Sibu menyatakan perpaduan di Malaysia adalah sangat mustahak dan Kerajaan mestilah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai tujuan tersebut. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengakui bahawa beliau ragu mengapa selepas kemerdekaan bertahun-tahun masih wujud perkara-perkara sensitif. Masalah perkauman, beliau berpendapat, kian bertambah. Ahli Yang Berhormat dari Seremban menyatakan perpaduan negara merupakan satu khayalan sahaja dan isu ini ialah "blind spot" Kerajaan.

Sebagai menjawabnya, ingin saya mengucapkan terima kasih terhadap pandangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibu mengenai mustahaknya perpaduan di negara ini. Ahli Yang Berhormat juga menyarankan supaya rakyat di negara ini akan lebih bersatupadu dalam kegiatan mereka termasuk dalam pemikiran politik kerana pilihanraya akan tiba. Sebenarnya usaha-usaha untuk lebih bersatupadu itu telah dan terus dijalankan pada setiap masa tidak kira sama ada ianya menjelang pilihanraya atau tidak. Pendek kata segala rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan selalulah menitikberatkan pertimbangan-pertimbangan yang ada hubungan dengan perpaduan negara, perpaduan rakyat yang perlu sekali diwujudkan.

Menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, berkenaan dengan masalah-masalah perpaduan, isu-isu sensitif, kegunaan pemakaian istilah Bumiputera dan

bukan Bumiputera, sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan sememangnya tidak mahu mana-mana golongan juga pun membangkitkan isu-isu sensitif.

Dalam proses mewujudkan keharmonian dan perpaduan negara setiap golongan perlulah mengetahui akan dasar-dasar Kerajaan berhubung dengan perpaduan negara. Sekiranya semua golongan faham dan bersetuju akan dasar-dasar tersebut, maka ianya akan boleh menjamin keharmonian dan perpaduan antara kaum. Di samping itu golongan tertentu hendaklah berhenti daripada membuat sangkaan yang tidak baik terhadap dasar-dasar Kerajaan tersebut atau terhadap hal-hal yang berhubung dengan bumiputera dalam negara kita.

Berhubung dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu, suka saya menafikan kerana usaha-usaha ke arah perpaduan negara telah, sedang dan akan terus dijalankan sehingga tercapainya tahap intergrasi kaum seperti yang dibayangkan oleh beliau dalam barisan dua kenyataannya itu. Wakil yang berkenaan dan rakan-rakannya boleh membantu ke arah intergrasi kaum jika mereka bersetuju berhenti daripada menyalah tafsirkan dasar-dasar dan hasrat Kerajaan ke arah perpaduan negara.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling mendakwa tahun-tahun lapan puluhan sebagai satu dekad yang merbahaya kerana kebangkitan puak pelampau dan extremist. Beliau juga melahirkan perasaan tidak puashati terhadap Kerajaan yang menyekat kebebasan untuk bersuara yang mana beliau menganggap kaum Cina dan India selalu dituduh sebagai anti-nasional bila mengemukakan satu-satu tuntutan. Pada pendapat beliau tuntutan itu adalah bersesuaian dengan Rukunegara.

Berhubungan dengan kebebasan bersuara ianya adalah terjamin oleh Perlembagaan kepada setiap rakyat di negara ini. Ini dapat dibuktikan dengan adanya berbagai-bagai parti politik yang bergerak di negara ini. Olehnya Ahli Yang Berhormat itu menyuarakan tentangan-tentangan, menyuarakan kritik-kritik terhadap Kerajaan adalah sebagai bukti yang paling jelas tentang

adanya kebebasan untuk bersuara. Namun begitu, kebebasan bersuara yang diberikan itu ada batasan-batasan tertentu sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang yang sedia ada. Dengan sebab itu seseorang itu tidak dibenarkan membangkitkan isu-isu sensitif kerana ianya akan menimbulkan pergeseran kaum yang akan mengancam keselamatan negara.

Kebebasan bercakap dalam Parlimen telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat. Beliau berpendapat bahawa kebebasan bercakap di kedua-dua Dewan tidak seharusnya disekat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekatan yang dikenakan ke atas Ahli-ahli Parlimen mengenai kebebasan berucap di dalam Parlimen adalah perlu untuk memelihara ketenteraman Parlimen dan tertib Ahli-ahli Parlimen di samping memastikan ketenteraman awam dan keselamatan negara secara amnya.

Pengalaman telah menunjukkan bahawa kebebasan berucap di dalam Parlimen tanpa apa-apa sekatan telah membawa akibat-akibat buruk, dan dengan sebab itu Kerajaan mendapati perlu untuk mengenakan sekatan ke atas kebebasan berucap itu seperti yang dinyatakan di bawah Fasal (4) Perkara 63 Perlembagaan Persekutuan. Jestru itu seseorang wakil rakyat itu adalah diharapkan supaya semasa membuat ucapan di dalam Parlimen, hendaklah sentiasa bertanggungjawab supaya jangan mengeluarkan kata-kata hasutan yang boleh menjejaskan ketenteraman Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok mengesyorkan supaya Suruhanjaya Pilihanraya melantik pegawai pendaftar yang tidak terikat dengan mana-mana parti politik. Beliau juga mengesyorkan supaya dibentuk satu pendaftar sepenuh masa di mana mereka ini kelak boleh berpindah dari satu negeri ke satu negeri untuk membuat pendaftaran. Beliau seterusnya mengesyorkan supaya tarikh pendaftaran ditetapkan seawal-awalnya di seluruh negara dan juga diadakan sistem pendaftaran automatik.

Mengenai perkara ini, dalam setiap masa Suruhanjaya Pilihanraya memang melantik pegawai-pegawai Pendaftar yang tidak terikat dengan mana-mana parti politik dan mereka mestilah mendaftar semua warganegara yang layak mendaftar diri. Walau bagaimanapun, berhubung dengan syor supaya diadakan pasukan pendaftar bergerak dan pendaftaran automatik, dukacita saya memaklumkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah memikirkan perkara ini dengan mendalam dan mendapati pengesyoran-pengesyoran itu sebagai tidak praktik.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutupnya sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pandangan dan teguran-teguran membina terhadap Jabatan Perdana Menteri. Saya sedar tidak semua syor-syor daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sempat saya jawab. Walau bagaimanapun, ingin saya menjelaskan bahawa segala teguran-teguran dan syor-syor yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbincangan yang telah berlalu akan diberi perhatian dan akan diambil perhitungan semasa Jabatan ini memikirkan apakah rancangan-rancangan dan apakah kegiatan-kegiatan dan program-program yang boleh dilaksanakan bagi menambahkan lagi mutu perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat. Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjawab.

5.13 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya amatlah berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat masing-masing dengan menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian saya semasa Perbincangan atas Titah Ucapan Di Raja yang bermula pada 8hb Mac yang lalu. Saya mengambil kesempatan ini untuk memberi penjelasan sebaik mungkin mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan itu.

Mengenai cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani supaya Kerajaan mendirikan lebih banyak rumah-rumah pangsa kos rendah yang boleh menjimatkan kos dan tanah; sukacita dimaklumkan bahawa di bawah program perumahan awam kos rendah Rancangan Malaysia Keempat lebih banyak rumah awam kos rendah, khususnya jenis pangsa akan dibina. Di bawah tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME) sebanyak 266,500 unit rumah kos rendah akan dibina yakni 176,500 rumah awam kos rendah dan 90,000 unit yang akan dibina oleh pemaju swasta. Daripada jumlah 176,500 unit rumah awam kos rendah sebanyak 84,319 unit atau 47.8% adalah jenis rumah pangsa.

Sukacita dimaklumkan juga bahawa Kemajuan Fizikal projek-projek perumahan awam kos rendah Rancangan Malaysia Keempat, sehingga 31hb Disember 1981 sejumlah 13,000 unit rumah awam kos rendah telah siap dibina. Sebanyak 117,200 unit perumahan kos rendah adalah dalam beberapa peringkat pelaksanaan. Dari jumlah ini 27,300 unit yang dalam peringkat binaan bangunan dijangka akan siap pada pertengahan 1983 manakala 89,900 unit yang berada di peringkat awal pelaksanaan, yakni sekurang-kurangnya di peringkat pengukuran tanah dijangka akan siap dibina pada penghujung tahun 1983. Usaha sedang dijalankan untuk menguruskan sebanyak 18,700 unit lagi. Di samping itu Kementerian saya sedang berusaha mengkaji dan mencari jalan-jalan dan strategi-strategi lain untuk membolehkan pelaksanaan perumahan awam kos rendah dipercepatkan lagi.

Tentang cadangan membina rumah kos pertengahan bagi golongan yang berpendapatan sederhana pula, adalah dimaklumkan bahawa pada masa ini Kementerian saya sedang menumpukan usaha-usaha kepada pembinaan rumah awam kos rendah untuk golongan rakyat yang berpendapatan rendah. Kementerian saya sedar kesulitan rakyat yang berpendapatan sederhana untuk memiliki rumah mereka sendiri dan Kementerian saya juga sedar bahawa sebahagian besar rakyat yang ingin memiliki rumah adalah terdiri dari golongan berpendapatan sederhana. Oleh yang

demikian Kementerian saya sedang mengkaji masalah ini dan pada peringkat ini Kementerian saya telah berusaha untuk menggalakkan serta meminta kerjasama pemaju-pemaju swasta bagi membina lebih banyak rumah kos sederhana.

Perkara ini telah dibincangkan di peringkat Majlis Perunding Kebangsaan Mengenai Perumahan di mana saya telah menekankan bahawa pemaju swasta boleh memainkan peranan dalam pembinaan rumah harga sederhana dengan mempraktikkan sistem binaan pasang siap. Ini adalah kerana kos pembinaan sistem pasang siap yang didapati di antara \$250-\$450 meter persegi iaitu lebih kurang \$25-\$45 kaki persegi adalah dianggap sungguh sesuai untuk perumahan kos sederhana. Di dalam Dewan Rakyat beberapa hari lalu telahpun saya jelaskan bahawa beberapa Perbadanan Kemajuan Negeri telah dan sedang menggunakan sistem pasang siap ini bukan sahaja untuk perumahan kos rendah tetapi juga untuk perumahan kos pertengahan.

Kementerian saya akan terus berusaha untuk mencari jalan meningkatkan pembinaan rumah kos sederhana dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hampir semua Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, ada melaksanakan program perumahan kos sederhana. Di antaranya ialah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Selangor, Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang, Johor (PKNJ) dan Lembaga Kemajuan Negeri Pahang.

Menyentuh cadangan supaya diluluskan satu akta spekulasi pula, sukacita saya memaklumkan Kementerian saya sedar tentang masalah spekulasi di dalam perusahaan perumahan dan perkara ini adalah di dalam kajian Kementerian saya. Kementerian saya sedang menyediakan satu perjanjian jual beli yang akan dapat mengawal elemen spekulasi dalam pembelian rumah.

Selain daripada itu, peraturan-peraturan kewangan yang sedang diamalkan telah dapat mengawal spekulasi. Contohnya, semua

pemohon pinjaman perumahan dikehendaki membuat pengisytiharan bahawa mereka belum mempunyai rumah, kerana bank-bank telah diarahkan untuk memberi keutamaan kepada pemohon pinjaman yang belum memiliki rumah.

Mengenai cadangan untuk menubuhkan Bank Perumahan, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkannya oleh kerana kemudahan-kemudahan yang sedia ada sudah mencukupi. Pinjaman perumahan boleh diperolehi daripada bank-bank ataupun dari institusi-institusi kewangan. Bagi kakitangan Kerajaan pula, mereka boleh mendapatkan pinjaman perumahan melalui pinjaman perumahan yang diuruskan oleh Kementerian Kewangan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyentuh tentang kes-kes pemaju palsu yang mengutip bayaran-bayaran daripada bakal pembeli-pembeli rumah dan seterusnya melarikan diri. Jika Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat-maklumat yang tertentu saya harap beliau akan menyampaikannya kepada Kementerian ini supaya siasatan dapat dimulakan. Pembeli-pembeli yang terlibat juga diminta untuk berhubung dengan Kementerian saya atau pihak polis. Seperti yang telah saya terangkan kerap kali dalam Dewan ini usaha-usaha penguatkuasa bagi mencegah kegiatan-kegiatan seperti ini adalah bergantung kepada kerjasama yang diberikan oleh orang ramai. Usaha-usaha ini akan terjejas jika mereka sendiri tidak berwaspada dan enggan membuat laporan-laporan yang diperlukan itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, Kementerian saya sedar tentang keperluan rakyat diseluruh negara khasnya rakyat di Wilayah Persekutuan dan negeri Johor untuk mendapatkan rumah kos awam rendah. Oleh itu, Kementerian saya telah dan akan mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk menambah dan mempercepatkan pelaksanaan perumahan awam kos rendah di samping menggalakkan pembinaan rumah-rumah awam kos sederhana dengan sokongan pihak swasta. Kementerian saya juga akan cuba menyediakan satu perjanjian jual beli

bagi mengatasi masalah penyelewengan dan spekulasi terhadap pembelian rumah. Seterusnya saya benar-benar berharap supaya kes-kes yang ditimbulkan oleh pemaju palsu sampai ke Kementerian ini agar tindakan-tindakan wajar dapat diambil.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan-pandangan dan syor-syor yang lain yang telah ditimbulkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan ambil perhatian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri daripada Kementerian Wilayah Persekutuan untuk menjawab.

5.22 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran dan syor-syor yang membina terhadap Kementerian Wilayah Persekutuan semasa membahaskan Titah Ucapan di Raja.

Saya hanya hendak menyentuh beberapa perkara yang perlu dijelaskan dan lain-lain teguran dan cadangan akan diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai rumah pangsa kos rendah sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi, Kerajaan sememangnya ada rancangan untuk mendirikan lebih banyak lagi rumah pangsa kos rendah di Wilayah Persekutuan. Pada masa ini sebanyak 6,352 unit sedang di dalam peringkat kemajuan pembinaan yang dijangka boleh disiapkan dalam tahun 1982 dan 1983. Sebanyak 6,252 unit lagi masih di peringkat awal sama ada masih dalam kerja-kerja piling atau panggilan tender. Di dalam pembahagian rumah-rumah pangsa kos rendah ini keutamaan diberikan kepada setingan-setingan di kawasan-kawasan yang terlibat dengan projek-projek pembangunan Kerajaan. Selain daripada setingan-setingan keutamaan juga diberi

kepada golongan-golongan berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan.

Yang Berhormat itu juga telah menyentuh tentang pengeluaran lesen-lesen sementara oleh Dewan Bandaraya. Sebenarnya, Yang Berhormat itu salah faham apabila beliau mengatakan saya telah berjanji mengeluarkan lesen sementara kepada semua orang. Apa yang saya terangkan dalam jawapan bertulis dalam bulan Oktober tahun lalu ialah lesen-lesen sementara hanya boleh ditimbangkan bagi perusahaan-perusahaan yang tidak memudaratkan dan ini telahpun dilaksanakan. Lesen sementara tidak akan dikeluarkan kepada jenis-jenis perniagaan yang mendatangkan mudarat dari segi keselamatan, kesihatan dan alam sekitar. Kerajaan tidaklah menggalakkan mana-mana pihak menjalankan perniagaan dengan tidak mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang telah ditentukan terutama sekali apabila perniagaan-perniagaan tersebut mengganggu kententeraman dan keselamatan orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bahawa pegawai-pegawai Dewan Bandaraya bersikap kasar dalam melayani orang ramai. Perkara ini sentiasa di dalam pengawasan saya. Jika apa yang didakwakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu benar berlaku, orang ramai bolehlah membuatkan pengaduan atas perkara ini kepada Datuk Bandar dan tindakan yang sesuai akan diambil ke atas pegawai-pegawai tersebut. Adalah menjadi hasrat Kementerian saya supaya semua pegawai-pegawai di bawah Kementerian memberi khidmat kepada orang ramai dengan bersopan-santun dan berbudi bahasa selaras dengan tema Hari Wilayah Persekutuan tahun ini. Ini selaras juga dengan apa yang telah disebut di dalam Titah Ucapan Di-Raja bahawa Kerajaan bukanlah tuan tetapi adalah memberi perkhidmatan untuk rakyat. Tentu amat sukar untuk mengambil tindakan sekiranya tidak ada kerjasama dari orang ramai dan perlu juga saya ingatkan sebelum Kementerian bertindak, sebarang tuduhan mesti disiasat dengan rapi dan teliti. Ini untuk memastikan keadilan tidak terjejas terhadap yang menuduh dan juga yang dituduh.

Ahli Yang Berhormat itu telah membangkitkan juga tentang pengambilan semula tanah oleh pihak UDA untuk tujuan menjalankan projek-projek pembangunan bandar di Wilayah Persekutuan. Sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pengambilan semula tanah yang dijalankan oleh UDA di Wilayah Persekutuan itu adalah dengan tujuan semata-mata untuk membangun Bandaraya Kuala Lumpur selaras dengan Dasar Ekonomi Baru yang akan membawa faedah kepada rakyat secara keseluruhannya. Kerajaan tidaklah bertindak sewenang-wenangnya terhadap mereka yang terlibat dan pengambilan semula tanah itu adalah didorong oleh keperluan untuk memajukan Kuala Lumpur serta juga memberi faedah kepada semua golongan rakyat.

Dalam pada itu, Kerajaan memberi timbang rasa kepada orang-orang yang terlibat dengan memberikan pampasan kepada mereka di mana ianya sesuai. Walau bagaimanapun, mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan pampasan mereka bolehlah membuat tuntutan melalui proses keadilan dengan membawakan tuntutan mereka itu kepada pihak Mahkamah. Inilah satu saluran yang telah disediakan oleh sistem demokrasi yang terdapat di negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah juga menimbulkan persoalan berkaitan dengan perobohan pasar besar. Perobohan pasar besar itu termasuklah di dalam rancangan Kerajaan untuk dicentralisasikan pasar dengan membina pasar-pasar di kawasan perumahan di pinggir Bandaraya. Di dalam projek ini sebanyak enam buah pasar baru akan dibina dan ini telah pun diluluskan oleh Kerajaan. Projek ini akan dijalankan oleh UDA dan sejumlah \$40 juta telahpun diperuntukkan. Apabila projek-projek pasar baru ini siap, pegerai-pegerai yang terlibat di dalam perobohan pasar baru itu boleh membuat permohonan untuk berniaga di pasar-pasar baru ini.

Berhubung dengan masalah penjaja di dalam Rancangan Malaysia Keempat, Dewan Bandaraya telah memperuntukkan sebanyak \$12 juta bagi projek penjaja, pembinaan

pasar dan gerai dan projek ini akan dapat dijalankan peringkat demi peringkat. Tumpuan projek-projek akan berjalan di kawasan-kawasan perumahan. Ini adalah untuk menampung keperluan penduduk dan juga menaburkan peluang perniagaan di Kuala Lumpur. Pihak Kementerian juga bercadang untuk membuat perancangan untuk menempatkan penjaja secara terkawal dan bukan sesuka hati dari penjaja-penjaja kerana ini boleh menimbulkan masalah yang boleh mengancam ketenteraman dan keadaan kucar-kacir di Wilayah Persekutuan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menggesa supaya masalah banjir kilat dapat diatasi dengan segera. Berhubung dengan itu, langkah-langkah sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah banjir kilat di Kuala Lumpur ini. Di antara projek-projek yang berjalan ialah mendalam dan membesarkan longkang-longkang yang sedia ada bagi membolehkan air mengalir dengan licin. Beberapa projek lain akan dijalankan ke atas sungai-sungai yang terdapat di Kuala Lumpur untuk tujuan yang sama. Ini termasuk mengorek (desilting) sungai-sungai dan memperbaiki "silt basin". Syarikat-syarikat perlombongan pula diminta menyediakan kolam-kolam tambahan untuk mencegah lumpur melimpah keluar dari kawasan-kawasan lombong apabila hujan lebat berlaku. Kawalan ke atas kerja-kerja tanah di tapak-tapak projek perumahan seperti rumah dan lain-lain juga akan dipertingkatkan supaya lumpur-lumpur dari tapak pembinaan itu tidak mengalir ke dalam parit, longkang dan sungai yang mengakibatkan parit, longkang dan sungai itu menjadi cetek dan pengaliran air tersekat. Pegawai-pegawai Penguatkuasa Dewan Bandaraya akan menghentikan kerja-kerja pembinaan yang didapati bahawa pemaju-pemaju perumahan tidak mematuhi peraturan-peraturan "earthworks by-laws". Langkah-langkah ini adalah sebagai langkah jangka masa pendek. Untuk langkah jangka masa panjang, Kementerian Wilayah Persekutuan akan mendalamkan Sungai Gombak dan Sungai Kelang serta membina ampangan di hulu dan di hilir sungai-sungai tersebut. Parit-parit yang lebih besar akan lebih banyak dibina di dalam Bandaraya dan

anggaran perbelanjaan untuk projek-projek ini adalah \$30 juta. Jadi, saya harap Ahli Yang Berhormat ini akan bersabar sedikit kerana masalah banjir itu bukan berlaku di Kuala Lumpur sahaja, bahkan di lain-lain tempat seperti yang dapat kita ikuti di Petaling Jaya dan lain-lainnya.

Berkenaan dengan sistem pengangkutan awam, Kementerian telahpun menyiapkan kajian untuk memperkenalkan sistem pengangkutan "mass rapid transit system". Kertas Kabinet telahpun disediakan untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk memperkenalkan sistem pengangkutan di Kuala Lumpur. Sistem ini sekiranya mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri akan dapat memperbaiki lagi sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur. Sistem ini akan mengandungi dua komponen yang saling melengkapi.

Satu daripadanya ialah sistem "light rail transit" yang akan memberikan perkhidmatan pengangkutan di antara pinggir-pinggir Bandaraya dan kawasan-kawasan perumahan dengan pusat bandar. Untuk pengangkutan di dalam pusat bandar pula adalah dicadangkan bahawa sistem aerobus akan digunakan.

Pelan Induk Kuala Lumpur juga telah disiapkan dan sedang dalam pertimbangan Jemaah Menteri atau Kabinet. Deraf Pelan Induk ini jika dipersetujui oleh Jemaah Menteri ianya akan dipamirkan untuk pandangan dan bantahan orang ramai dalam bulan Jun, 1982 ini atau selewat-lewatnya sebelum akhir tahun ini.

Mengenai perkhidmatan kepada penduduk Bandaraya, Dewan Bandaraya sememangnya sentiasa berusaha mencari jalan agar dapat memberikan perkhidmatan yang tinggi dan memuaskan kepada rakyat di Kuala Lumpur. Dewan Bandaraya sentiasa berusaha sedaya-upaya menyelenggarakan rumah pangsa berkenaan. Usaha-usaha untuk menjaga kebersihan Bandaraya juga sentiasa dijalankan. Walau bagaimanapun, usaha menjaga kebersihan dan menyelenggara lampu dan lif di rumah pangsa tidak dapat dijalankan dengan baik sekiranya orang ramai sendiri tidak memberikan kerjasama ke arah ini.

Saya minta supaya orang ramai dapat bekerjasama menjaga kebersihan Bandaraya kita dengan berusaha menentukan kawasan tempat tinggal mereka bersih dan mengambil langkah-langkah perlu agar mereka tidak mengotorkan tempat-tempat awam. Semangat civic consciousness juga dapat menolong pihak Dewan Bandaraya dalam menyelenggarakan rumah-rumah pangsa dengan menjaga agar tidak ada anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab yang membuat kerosakan ke atas harta-harta awam.

Saya berharap bahawa penduduk-penduduk di Kuala Lumpur akan menyahut seruan ini supaya bekerjasama dengan Kerajaan dalam perkara ini. Tidaklah saya kira patut orang ramai hanya mengharapkan kepada Kerajaan sahaja untuk membuat segala-galanya, bahkan tentulah lebih baik lagi jika mereka sama-sama berusaha dengan Kerajaan menjaga agar Bandaraya kita akan menjadi satu tempat tinggal yang selesa dan dapat dibanggakan oleh setiap rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan syor Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar agar diberi kemudahan asas kepada penduduk-penduduk setinggan dan masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak berkaitan dengan perkara yang sama, sukalah saya memberikan penerangan secara ringkas tentang usaha-usaha yang telah dan akan dijalankan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan taraf hidup dan kualiti kehidupan rakyat, terutama yang berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan termasuklah setinggan-setinggan.

Usaha-usaha ini terkandung dalam satu program yang menyeluruh yang dipanggil atau dikenal program NADI. Di antara projek-projek yang telah dilaksanakan ialah Projek Memasmi Cacing, Projek Sang Kancil, Pertandingan Kebersihan Sekolah dan Kantin Sekolah, Projek Memasmi Kudu, Kempen Gerakan Membaca dan Penyediaan Kemudahan Asas seperti bekalan air dan letrik di kawasan-kawasan setinggan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk bekalan air paip sahaja Kerajaan telah membelanjakan tidak kurang dari \$1 juta pada tiap-tiap tahun di Wilayah Persekutuan ini demi untuk kepentingan masyarakat yang kedudukannya ataupun kehidupannya di dalam keadaan miskin.

Pada masa yang lalu pencapaian pelaksanaan program NADI tidak dapat memenuhi objektifnya. Ini disebabkan kekurangan pegawai di Kementerian Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, untuk tahun 1982 satu unit khas telah ditubuhkan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan yang dinamakan Bahagian Pembangunan Sosial.

Dengan tertubuhnya Bahagian ini program NADI dan lain-lain aktiviti pembangunan sosial akan dapat dijalankan dengan giat, teratur dan sistematik. Dengan perlaksanaan aktiviti pembangunan sosial Kementerian Wilayah Persekutuan akan dapat meningkatkan taraf hidup rakyat, taraf hidup kesihatan dan menyediakan kemudahan asas kepada golongan-golongan setingan dan lain-lain golongan yang berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan.

Berkenaan dengan masalah tanah rezab Melayu yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak, perkara ini pada masa ini dapat perhatian Kementerian Wilayah Persekutuan. Kementerian ini sedang mengkaji dengan mendalamnya supaya tanah-tanah itu dapat dimajukan sama seperti kawasan-kawasan lain di dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya merayu kepada rakyat khususnya penduduk di Wilayah Persekutuan agar sama-sama berusaha dengan Kerajaan untuk memajukan dan membangunkan Wilayah Persekutuan sebagai satu bandar yang selesa, maju, bersih dan boleh dibanggakan. Tidaklah mencukupi usaha-usaha membangun Kuala Lumpur diserahkan semata-mata atau sebulat-bulatnya sahaja kepada bahu Kerajaan. Sebaliknya penyertaan yang lebih banyak

dari orang ramai khususnya dari penduduk Kuala Lumpur sendiri adalah sangat perlu. Dengan penyertaan dan kerjasama orang ramai serta sikap civic-consciousness yang mereka tunjukkan sama-sama kita dapat mencapai cita-cita untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai satu bandaraya yang moden, aman dan makmur sesuai....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak cukup koram.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap!

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Koram cukup, saya minta Yang Berhormat teruskan ucapan.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan penyertaan dan kerjasama orang ramai serta sikap civic-consciousness yang mereka tunjukkan sama-sama kita dapat mencapai cita-cita kita untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai satu bandaraya yang moden, aman dan makmur sesuai dengan kedudukannya sebagai ibu negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada orang yang menyangkakan Kerajaan akan bertindak hanya setelah mendapat tuntutan dan desakan dari pihak-pihak tertentu seperti pihak Pembangkang. Ini adalah tidak benar sama sekali. Kerajaan Barisan Nasional berasas kepada keperluan rakyat memang pun telah, sedang dan akan terus membuat rancangan-rancangannya untuk membangun negara di sepanjang waktu dengan mengadakan projek-projek pembangunan dan kemudahan-kemudahan untuk kepentingan rakyat jelata. Mungkin terlalu panjang kalau saya hendak huraikan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan khususnya dalam Wilayah Persekutuan yang telah menelan belanja beratus-ratus dan beribu-ribu juta ringgit. Apa yang jelas dilihat ialah kawasan Wilayah Persekutuan adalah yang termaju dibanding dengan kawasan-kawasan lain di seluruh negara.

Saya harap rakyat tidaklah mudah terpengaruh oleh dakyah-dakyah yang palsu dari pihak-pihak tertentu itu. Rakyat harus sedar demi untuk keadilan bahawa pembangunan tidaklah harus ditumpukan dalam satu-satu kawasan sahaja. Mereka yang bernasib baik harus bertimbangrasa dan menginsafi nasib orang-orang yang masih lemah dan serba kekurangan yang sangat-sangat memerlukan bantuan Kerajaan. Pembangunan seluruh negara harus diselaraskan, maka itu pembangunan di Kuala Lumpur juga harus mengambil kira atau diseimbangkan dengan pembangunan di tempat-tempat lain di seluruh negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya inginlah saya menegaskan Kerajaan di bawah pimpinan 2M akan sentiasa bersikap adil dan akan terus berusaha membangun masyarakat dan negara.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama untuk menjawab.

5.45 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara yang terletak di bawah tanggungjawab Kementerian saya sepanjang Perbahasan mengenai Titah Ucapan Di-Raja di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi pandangan dan ulasan mengenai kejatuhan harga barangan ekoran dari keadaan kemelesetan ekonomi dunia sekarang yang telah mempengaruhi penggunaan bahan-bahan utama dan lain-lain eksport Malaysia. Menyedari betapa mustahak bagi menyelesaikan keadaan ini, maka Kerajaan telah mengambil peranan yang aktif bagi mendapat kerjasama di peringkat Antarabangsa dalam mewujudkan Perjanjian-perjanjian barangan Antarabangsa seperti timah dan getah yang

bertujuan untuk mencari jalan ke arah penstabilan harga di dalam pasaran bagi barangan-barangan ini.

Tidak dapat diragui lagi bahawa Perjanjian Getah Asli Antarabangsa memainkan peranan penting bagi menjaga kejatuhan harga getah. Didapati getah tiruan berupaya mengurangkan pengeluaran sehingga didapati banyak syarikat-syarikat getah tiruan berjalan hanya separuh dari keupayaannya dan dengan itu berupaya menjaga harganya. Tetapi cara yang sama tidak boleh digunakan bagi industri getah asli, memandangkan pekebun-pekebun kecil adalah bertanggungjawab bagi sebahagian besar dari pengeluaran getah, bukan sahaja di Malaysia malah juga di Indonesia dan Thailand. Saya berbangga kerana pengeluaran-pengeluar besar iaitu estet dan peniaga-peniaga telah memberi kerjasama bagi menyimpan stok tambahan. Walau bagaimanapun, adalah penting supaya satu stok penimbal yang menasabah diwujudkan. Namun demikian bukanlah menjadi hasrat Malaysia untuk menanggung beban operasi stok penimbal keseluruhannya. Dengan itu, Malaysia bersama-sama negara pengeluar dan pengguna lainnya telah berjaya mewujudkan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) di mana kos bagi menubuhkan stok penimbal antarabangsa tersebut ditanggung. Setakat ini Pengurus stok penimbal telah membeli lebih dari 100,000 tan getah yang berlebihan di pasaran dunia dan pada masa ini sedang meminta sumbangan tambahan bagi menggiatkan lagi pembeliannya.

Saya sedar perlunya kekesanan INRA dipertingkatkan terutamanya untuk menaikkan jarak harga agar operasi stok penimbal dapat sebenar-benar memenuhi objek bagi mewujudkan harga berpatutan dan lumayan yang seterusnya akan menggalakkan kemajuan industri getah. Walaupun keadaan pasaran getah sekarang adalah meleset, tetapi dalam jangka sederhana dan panjang didapati prospek getah asli akan terus cerah dan dengan itu adalah menasabah bagi Malaysia untuk menambahkan pengeluaran getahnya, bagi memenuhi kekurangan yang dijangka dengan

banyaknya di masa hadapan. Dengan itu kita akan terus menekankan Dasar Pengeluaran Dinamik bagi getah yang antaranya termasuk usaha-usaha bagi memperbaiki kecekapan pengeluaran getah. Penyelidikan dalam pembiakan, teknik semaian, dan amalan agronomik, sejak beberapa tahun yang lampau telah membolehkan estet dan kebun-kebun kecil menambahkan produktivi masing-masing. Dalam hubungan ini, usaha-usaha RISDA bagi meningkatkan tanaman semula dan pemindahan teknologi dengan kerjasama RRIM merupakan langkah-langkah yang tepat. Sejak tahun lepas Kerajaan telah menaikkan bantuan tanaman semula getah dengan banyaknya dan dengan itu adalah wajar supaya pekebun-pekebun kecil mengambil peluang sepenuhnya dari program tanaman semula tersebut. Selain dari itu, lain-lain insentif serta peraturan-peraturan dan sokongan-sokongan organisasi juga diberikan kepada pekebun-pekebun kecil. Keadaan pasaran getah yang lembab sekarang mungkin merupakan masa yang paling baik bagi menebang pokok-pokok getah tua dan menanam semula tanah tersebut dengan bahan-bahan tanaman cantuman yang bermutu tinggi yang pada masa ini berupaya menambahkan hasil kepada 2,000-2,500 kg. sehektar setahun. Namun demikian, keteguhan dan keupayaan industri getah asli bagi menghadapi tekanan-tekanan terhadapnya adalah bergantung rapat kepada kecekapan dan daya pengeluaran-pengeluarannya selain daripada saiz kebun yang ekonomik dan sesuai.

Dalam keadaan permintaan getah yang lembab sekarang, agensi-agensi yang terlibat seperti MARDEC dan RISDA telahpun diperuntukkan tambahan kewangan bagi mempergiatkan pembelian mereka dari pekebun-pekebun kecil untuk menyediakan ruang pasaran yang sesuai. MARDEC akan terus digunakan sebagai agensi yang penting untuk meningkatkan mutu getah pekebun-pekebun kecil. Dalam hubungan ini MARDEC telah diamanahkan untuk memainkan peranan yang penting bagi memaju dan mengembangkan getah baru SMR GP yang merupakan campuran antara getah gred rendah dan juga getah susu yang berupaya memenuhi pasaran yang luas dan

dengan itu menambahkan pendapatan pekebun-pekebun kecil. Usaha-usaha akan terus diambil untuk menggalakkan penggunaan getah ini dengan lebih meluas.

Melalui usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan, kita telah berjaya memperbaiki penggunaan getah asli dan dengan itu telah membantu proses industrilisasi di Malaysia. Dengan adanya pusat teknologi yang telah memberikan sokongan-sokongan teknikal kepada industri getah dan ditambah pula dengan berbagai insentif yang diberikan oleh Kerajaan kepada industri berasaskan getah, saya yakin bahawa penggunaan getah di dalam negeri sekarang yang berjumlah sebanyak 68,000 tan tahun lepas, akan bertambah dengan pesatnya kepada 300,000 tan di dalam tahun 1990an.

Mengenai pemasaran getah kita pula, kita telah memperbagaikan pasaran getah kita dan hasilnya getah kita yang dijual ke serata negara di dunia dan dengan itu juga kita tidaklah bergantung kepada satu atau beberapa pasaran sahaja. Kita sedang mengambil langkah-langkah bagi memperbaiki pemasaran getah kita termasuk usaha-usaha memasukkan dagangan hadapan getah ke dalam Bursa Komoditi Kuala Lumpur serta melancarkan gred Lindung Nilai Kedua seberapa segera yang boleh.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai pendekatan baru berhubung dengan timah seperti langkah-langkah yang diambil bagi menentukan tindakan bersama dan berkesan oleh negara-negara pengeluar timah memandangkan kepada adanya penjualan timah dari GSA dan ketidaktentuan kedudukan Perjanjian Timah Antarabangsa Ke-6 serta langkah-langkah yang diambil oleh Pasaran Logam London bagi melindungi 'short sellers'. Saya tidak berniat untuk menyentuh sekali mengenai perkara ini kerana saya telah menghuraikan pendekatan dan langkah yang diambil serta rasionalnya semasa menjawab soalan-soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dan melalui kenyataan akhbar baru-baru ini. Saya hanya ingin menjelaskan bahawa Menteri-menteri Negara-negara pengeluar timah ASEAN akan mengadakan mesyuarat

di sini pada awal bulan Mei tahun ini bagi membincangkan pendekatan baru ke arah kerjasama rapat yang lebih di kalangan negara-negara pengeluar timah termasuk juga negara-negara pengeluar timah dari lain-lain kawasan di dunia.

Sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan, kita akan mengurangkan pengeluaran timah kita mulai tahun depan bukan sahaja sebagai satu langkah ke arah pengimbangan bekalan tetapi juga untuk mengurangkan penggantungan kita kepada timah. Dalam hubungan ini kita telah juga mengambil usaha-usaha carigali logam selain daripada timah. Carigali logam di Central Belt terutamanya telah menunjukkan prospek yang baik dan dengan itu kita berupaya untuk mempelbagaikan aktiviti-aktiviti galian kita di tahun-tahun yang akan datang dengan bermulanya penubuhan lombong tembaga di Mamut. Kita juga mempergiatkan usaha mencari arang batu bagi mewujudkan punca tenaga selain daripada hidro, gas dan diesel.

Mengenai minyak kelapa sawit yang telah disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan bahawa kejayaan kita menambahkan pengeluaran minyak kelapa sawit mentah adalah selaras dengan perkembangan keupayaan pemerosesan dan penapisan minyak kelapa sawit itu sendiri. Walaupun pengeluaran minyak kelapa sawit telah bertambah dengan pesat dari 431,000 tan dalam tahun 1970 kepada 1.3 juta tan dalam tahun 1975 dan bertambah dua kali ganda menjadi 2.8 juta tan tahun lepas, tetapi didapati masih berlaku kekurangan minyak kelapa sawit mentah disebabkan oleh penambahan keupayaan penapisan yang berlebihan. Sementara Kerajaan telah pun membeku permohonan-permohonan seterusnya untuk menapis minyak kelapa sawit, didapati wajar sekiranya pengusaha swasta dapat mengkaji dengan teliti sebelum memasuki bidang ini kerana saya mengetahui bahawa masih ada beberapa projek yang telah diluluskan yang masih menunggu untuk memulakannya.

Pada masa ini sektor penapisan minyak kelapa sawit terpaksa menghadapi berbagai masalah yang mana didapati bagi mereka

yang tidak boleh bertanding untuk mendapatkan minyak mentah terpaksa menutupnya. Sementara Kementerian saya akan meneliti apa yang boleh dibuat bagi menyelesaikan sebahagian dari masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor penapisan seperti mendapatkan bekalan minyak mentah secukupnya, adalah diharapkan sektor penapisan sendiri akan datang menandingi dengan lain-lain minyak dan lemak di pasaran dunia.

Di pihak Kementerian saya kita telah menghantar banyak misi-missi perdagangan dan ekonomi untuk meningkatkan penjualan minyak kelapa sawit ke pasaran-pasaran seberang laut termasuk pasaran-pasaran yang sedang berkembang di negara-negara membangun dan negara-negara ekonomi berencana (centrally-planned economies). Dengan pengeluaran minyak kelapa sawit yang terus berkembang, kita sememangnya terpaksa bersedia untuk menghadapi tekanan-tekanan yang lebih di dalam memasarkan kelapa sawit kita pada tahun-tahun yang akan datang. Sepertimana juga getah, adalah dirasakan penting diwujudkan Khidmat Nasihat Teknik bagi minyak kelapa sawit untuk menasihatkan pengguna-pengguna bahan ini mengenai perkembangan-perkembangan baru dan kebaikan-kebaikan di dalam penggunaan teknik minyak kelapa sawit. Dengan penubuhan PORIM kita telah memulakan usaha-usaha untuk mewujudkan Khidmat Nasihat tersebut kepada pengguna-pengguna di seberang laut bagi mempergiatkan lagi usaha-usaha galakan pasaran bagi bahan ini. Kita bolehlah berpuas hati bahawa di dalam keadaan kemelesetan ekonomi dunia sekarang, kita masih lagi berupaya menikmati harga yang lumayan bagi minyak kelapa sawit. Kita akan meneruskan usaha-usaha penyelidikan, pembangunan dan pemasaran termasuk kerja-kerja yang sedang dijalankan untuk mewujudkan standard bagi minyak kelapa sawit Malaysia sepertimana yang telah dilakukan untuk getah.

Mengenai penanaman kelapa sawit kita masih lagi berada di peringkat penanaman pertama. Tidak lama lagi kita terpaksa memulakan kerja-kerja menanam semula secara besar-besaran apabila lebih banyak

pokok-pokok kelapasawit menjadi tua. Selaras dengan ini penggunaan (tissue culture) sebagai usaha untuk membiakkan adalah cerah bagi peningkatan hasil keluaran minyak kelapa sawit kita. Adalah didapati bahawa penggunaan serangga pendebungaan (pollinating insect) yang dipanggil "weevil" telah mengurangkan kos dan penggunaan buruh disamping meningkatkan daya pengeluaran kelapasawit.

Mengenai kayukayan, seperti sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan Pusat bersama-sama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri telah mewujudkan Dasar Perhutanan Negara yang akan memberi peluang kearah pengurusan dan pemeliharaan sumber-sumber hutan yang lebih baik. Dalam hubungan ini kita akan mewujudkan Kawasan Hutan Simpanan Tetap di Semenanjung Malaysia seluas 2.8 juta ekar. Dalam usaha untuk mencapai pemeliharaan hutan yang lebih baik kadar pemulihan dan rawatan silvikultur ke atas kawasan-kawasan yang telah dikerjakan akan ditambah dari 100,000 ekar dalam tahun 1980 kepada lebih kurang 200,000 ekar setahun untuk tahun-tahun akan datang.

Memandangkan kepada perlunya untuk memelihara hutan kita bagi menjamin bekalan dalam jangka masa panjang, kita terpaksa secara beransur-ansur mengurangkan kadar pembalakan terutamanya di kawasan-kawasan hutan simpanan bagi mengelakkan berlakunya kekurangan bekalan balak dengan teruk dan mendadak pada tahun-tahun 1990an. Sebagai sebahagian daripada usaha-usaha kita untuk memajukan kayu-kayan kita Kerajaan sedang melancarkan program untuk membuka ladang-ladang hutan daripada jenis-jenis kayu yang cepat tumbuh yang mempunyai pusingan hidup ("rotation cycle") di antara 12-15 tahun berbanding dengan lebih daripada 50 tahun sebagaimana sekarang. Buat permulaannya seluas 65,000 ekar ladang hutan akan diwujudkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat keluasan akan ditambah kemudian.

Kita memang sedar perlunya menentukan bahawa bekalan balak kita berupaya

menyokong usaha-usaha perindustrian di dalam sektor kayu-kayan. Kita juga ingin melihat bahawa yang berasaskan kayu akan menggunakan sebaik-baiknya sumber kayu-kayan kita yang begitu bernilai termasuk juga jenis-jenis kayu yang kurang terkenal dan balak-balak berukuran kecil untuk mengeluarkan barangan yang mempunyai nilai tokok yang lebih tinggi. Sebagai contoh dengan adanya rancangan untuk menubuhkan kilang papan dan kertas di Kelantan kita sedang merancang untuk mengadakan sumber-sumber yang sesuai daripada pokok-pokok yang cepat tumbuh bagi membekalkan bahan-bahan mentah kepada kilang tersebut. Kita juga sedang memberi perhatian yang lebih kepada rotan sebagai bahan untuk membuat perabut dan lain-lain barang yang boleh kita keluarkan bagi faedah orang ramai.

Sungguhpun kita menumpukan perhatian kepada barangan eksport utama negara ini kita tidaklah lupa kepada petani-petani kecil kita yang terlibat di dalam tanaman-tanaman seperti tembakau, nenas dan lada hitam yang juga berada di bawah tanggungjawab Kementerian saya. Kita akan menentukan bahawa penanam-penanam tembakau akan terus menikmati harga yang berpatutan dan pulangan yang mencukupi bagi daun-daun tembakau hijau yang mereka usahakan. Kita juga membantu dengan apa cara yang boleh melalui Lembaga Tembakau Negara seperti memberi subsidi baja kepada penanam-penanam tembakau bagi membolehkan mereka menanam tembakau yang mengeluarkan daun bermutu tinggi. Mengenai nenas pula Kerajaan telah menambahkan bantuan tanaman semula mulai 1hb Oktober, tahun lepas daripada \$600 seekar kepada \$1,400 seekar. Selain daripada itu Kerajaan juga melalui Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu telah memberi subsidi baja kepada penanam-penanam nenas supaya mereka dapat mengeluarkan buah yang bermutu baik bagi perusahaan mengetin nenas di negara ini. Adalah menjadi harapan saya supaya penanam-penanam nenas akan menggunakan sebaik-baiknya kemudahan-kemudahan dan bantuan-bantuan yang diberikan oleh Kerajaan untuk meningkatkan daya

pengeluaran dan pendapatan mereka dan dengan itu menyumbang ke arah kemajuan perusahaan nenas negara ini.

Berhubung dengan lada hitam pula saya percaya bahawa Lembaga Pemasaran Lada Hitam sedang mengambil langkah-langkah untuk membeli secara langsung daripada pekebun-pekebun kecil sebagai usaha untuk menolong menstabilkan pasaran bahan tersebut. Negara-negara pengeluar lada hitam yang menjadi Ahli Persatuan Lada Hitam Antarabangsa telah berusaha untuk memberi harga eksport minima bagi lada hitam Gred Asta. Adalah diharapkan di suatu masa nanti Persatuan tersebut dapat menggubal satu skim yang lebih menyeluruh untuk mencapai penstabilan harga yang meliputi semua gred lada hitam.

Pada keseluruhannya Kementerian saya akan terus memainkan peranan bagi menjamin kemajuan yang sewajarnya melalui penyelidikan, pengeluaran dan pemasaran dan juga mempelbagaikan keluaran bahan-bahan utama kita terutamanya dalam bentuk proses dan separuh proses. Usaha-usaha juga akan diteruskan bagi meninggikan mutu, dan mendapatkan peluang pasaran yang lebih baik bagi bahan-bahan utama kita sama ada di pasaran-pasaran yang sedia ada dan pasaran-pasaran baru di seluruh dunia. Kita juga akan terus berusaha mendapatkan kerjasama antarabangsa yang akan memberi faedah kepada kita. Dalam hubungan ini kita akan berusaha ke arah kerjasama yang lebih rapat dengan lain-lain negara pengeluar dan pengeksport bahan-bahan utama di dunia bagi menentukan kepentingan kita sentiasa terjamin. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Menteri Pertanian untuk menjawab.

6.10 ptg.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya juga mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengeluarkan pendapat-pendapat mereka terhadap Kementerian Pertanian di dalam perbincangan

Titah Ucapan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, gambaran sektor perikanan pada keseluruhannya menunjukkan sumber-sumber perikanan terutama di kawasan pantai telah diterokai secara berlebihan (over exploited) dan terlalu ramai bilangan nelayan yang mengakibatkan pendapatan yang rendah. Sebagai kesedaran ini satu penyusunan pelesenan telah dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan pada tahun 1981 untuk mengekalkan sumber-sumber ikan bagi mendapatkan hasil yang optima. Untuk menentukan pembahagian sumber perikanan antara nelayan industrial seperti pukot tunda, pukot jerut dan tanker-tanker bot dan nelayan-nelayan tradisi terutama untuk mengkhaskan kawasan lima batu dari pantai untuk nelayan-nelayan tradisi dan untuk menyusun semula corak hak milik bot-bot menangkap ikan di kawasan perairan 12 batu dari pantai.

Pada bulan Oktober 1981 Jabatan Perikanan telah menjalankan pemeriksaan ke atas semua bot-bot menangkap ikan bertujuan melaksanakan penyusunan pelesenan memastikan keselamatan bot-bot tersebut serta mencegah duplikasi pendaftaran bot yang sama. Bot-bot yang telah diperiksa telah dikeluarkan lesen mulai dari bulan Januari, 1982. Tetapi terdapat juga nelayan-nelayan yang tidak hadir untuk pemeriksaan bot. Oleh yang demikian lesen bot dan perkakas tidak dikeluarkan kepada mereka. Seperti tahun-tahun yang lepas nelayan-nelayan yang belum membaharui lesen tidak pernah dihalang turun ke laut.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat dari Panti untuk mengikut sistem perlesenan yang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, perkara tersebut telah dikaji dan didapati sesuai oleh kerana kesulitan-kesulitan pentadbiran. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dikaji semula secara lebih mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian telah menjalankan berbagai projek perikanan untuk meninggikan pendapatan nelayan dan seterusnya memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat nelayan. Kesan-kesan pelaksanaan projek-projek itu telah dapat

mengurangkan peratus jumlah kemiskinan di kalangan masyarakat nelayan. Dari kajian awal yang telah dibuat jelas menunjukkan bahawa pendapatan nelayan yang mendapat faedah daripada skim subsidi dan pemilikan bot telah meningkat lebihkurang 30% dari pendapatan purata \$170 sebulan seseorang kepada \$225 sebulan seseorang. Bagi keluarga nelayan yang mempunyai tenaga kerja tambahan seperti anak atau isteri jumlah pendapatan mereka melebihi paras kemiskinan. Bagi mempergiatkan lagi pembangunan sektor perikanan, Kementerian saya akan memperkemas lagi jentera-jentera pelaksanaan program-program perikanan. Pada masa-masa yang lepas didapati penglibatan terus oleh masyarakat nelayan dalam program-program tersebut adalah terhad dan kurang memuaskan.

Selain daripada itu adakalanya projek-projek perikanan dilaksanakan secara bertaburan di sepanjang pantai meliputi perkampungan-perkampungan nelayan. Strategi baru yang dicadangkan yang menjalankan projek-projek perikanan secara berpadu dan berkelompok. Program perikanan akan ditumpukan di pusat-pusat pembangunan perikanan yang berpotensi untuk terus pesat berkembang maju dan memastikan masyarakat nelayan yang tinggal di kawasan ini boleh menampung penghidupan yang sempurna, berdikari dan progresif. Penekanan akan ditumpukan kepada pembangunan mental dan sikap masyarakat nelayan supaya lebih aktif, berdikari dan moden. Program-program akan diatur untuk meninggikan produktiviti nelayan melalui pengeluaran teknik-teknik, bot-bot dan alat-alat menangkap ikan yang menggunakan teknologi moden. Kegiatan penangkapan ikan akan diubahsuai secara berperingkat-peringkat dari cara pembaharuan kepada sistem penangkapan ikan yang saintifik dan sistematik. Penyesuaian aktiviti menangkap ikan secara tersebut di atas memerlukan sokongan perkhidmatan di pusat pendaratan yang cekap dan dinamik. Perkhidmatan seperti bengkel, bekalan diesel, air batu dan sebagainya perlu diadakan di pusat pendaratan yang dipilih sebagai pusat pembangunan nelayan.

Kementerian saya telah mengarahkan agensi-agensi berkenaan untuk menyediakan perkhidmatan tersebut agar dapat beri keperluan-keperluan kepada nelayan supaya aktiviti menangkap ikan dapat berjalan dengan cekap dan efisien. Skim pemilikan bot bagi nelayan-nelayan usahawan telah menunjukkan kesan yang menggalakkan di mana-mana nelayan-nelayan peserta telah mendapat pendapatan yang lebih tinggi. Skim tersebut sungguhpun memberi faedah kepada sebilangan kecil kaum nelayan telah dapat cara tidak langsung membangunkan kampung-kampung nelayan. Di pusat-pusat di mana skim tersebut dijalankan adalah didapati keadaan sekitar perkampungan nelayan telah berubah corak dengan keadaan rumah nelayan yang lebih selesa serta wujudnya aktiviti ekonomi seperti bengkel membaiki bot, kilang air batu dan sebagainya.

Persatuan Nelayan akan digunakan sepenuhnya sebagai jentera untuk membangunkan masyarakat nelayan, Pengurusan Persatuan Nelayan akan dipertingkatkan supaya dapat memberi perkhidmatan urusniaga yang licin, cekap dan berkesan. Dengan adanya Persatuan Nelayan yang teguh dan dinamik maka lebih mudahlah Persatuan Nelayan mengambil alih sebahagian besar peranan orang-orang tengah dalam industri perikanan. Persatuan Nelayan akan mencebur diri secara besar-besaran dalam urusniaga pemasaran secara berperingkat-peringkat bermula dari pengumpulan ikan dari nelayan-nelayan hinggalah ke peringkat borong dan runcit.

Tuan Yang di-Pertua, sumber perikanan kita kian lama merosot khususnya di kawasan pantai. Dengan yang demikian kaum nelayan tidaklah boleh bergantung semata-mata terhadap penangkapan ikan bagi membiayai penghidupan mereka. Kementerian saya telahpun mempelbagaikan sumber pendapatan nelayan melalui program menternak ikan seperti ternakan kerang, menternak ikan dalam sangkar dan lain-lain lagi. Adalah diharapkan sebahagian masyarakat nelayan di negara kita di masa hadapan akan dapat memperolehi pendapatan mereka sepenuhnya dari menternak ikan.

Rancangan penempatan nelayan sebagaimana yang telah dilaksanakan di Sungai Merbuk, Kedah, akan diperluaskan di tempat yang difikirkan sesuai. Rancangan-rancangan penempatan nelayan secara projek bersepadu yang melibatkan unsur-unsur perumahan, kegiatan ekonomi seperti menternak ikan, pengwujudan kakitangan pengurusan yang menjalankan kegiatan-kegiatan bekalan input, pemasaran perkara-perkara kewangan dan sebagainya. Di antara program-program seperti di atas yang sedang pesat dijalankan termasuklah projek-projek di Sungai Chengam di Pulau Pinang; Tanjung Dawai, Kedah; Kandis, Kelantan dan Kuala Besut, Terengganu. Program pembangunan sosial bagi masyarakat nelayan akan diteruskan dan diperhebatkan lagi. Kemudahan infrastruktur seperti pusat pendaratan, bilik sejuk, kemudahan sosial seperti klinik, kemudahan air, elektrik dan sebagainya akan diadakan bagi pusat pembangunan nelayan yang akan dimajukan.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang juga telah membangkitkan perkara kelapa dan koko. Kawasan kelapa di Semenanjung Malaysia adalah berjumlah 194,386 hektar yang menampung kehidupan sejumlah 230,000 keluarga tani. Purata pendapatan bersih sehektar adalah berjumlah \$189.39 sen hingga \$539 setahun. Memandangkan pendapatan yang rendah ini Kementerian Pertanian telah mengadakan satu projek pembangunan pekebun kecil kelapa semenjak tahun 1963. Projek ini dibahagikan kepada pemulihan dan menanam semula kelapa dengan benih-benih yang bermutu seperti kelapa tinggi dan jenis mawar iaitu kacukan daripada kelapa kuning rendah dan West African Tall. Projek ini juga ada menggalakkan tanaman selingan seperti koko, kopi, buah-buahan dan juga ternakan. Kadar subsidi adalah berjumlah \$900 seekar untuk menanam semula kelapa dan \$600 untuk pemulihan kelapa dan cara penyampaian diberi secara berperingkat selama lima tahun. Bahan-bahan yang dibekalkan ialah anak-anak benih kelapa kacukan mawar, koko, kopi dan buah-buahan, baja, kawat duri dan lain-lain. Jika bahan-bahan yang dibekalkan untuk seekar bernilai kurang daripada jumlah yang dihadkan seekar maka baki bantuan akan

diberi di dalam bentuk wang tunai. Semenjak tarikh itu seluas 12,336 hektar kebun kelapa yang melibatkan seramai 13,929 peserta telah ditanam semula. Sementara itu sebanyak 57,420 hektar yang melibatkan 40,102 peserta telah dipulihkan, semuanya berjumlah 69,759 hektar.

Dari jumlah ini kira-kira 6,576 hektar boleh ditanam dengan jenis mawar. Di samping itu rancangan telah berjaya menanam tanaman selingan koko seluas 8,806 hektar, kopi seluas 2,532 hektar dan buah-buahan seluas 567 hektar. Mengikut satu kajian pengesanan rancangan ini yang telah dijalankan di Tampoi, Johor didapati jumlah purata pendapatan pekebun-pekebun kecil telah meningkat daripada \$1,657 kepada \$3,875.

Dari segi pemasaran, Kerajaan melalui FAMA akan memasarkan hasil-hasil keluaran kelapa di paras harga yang berpatutan. Bagi kelapa kering harga yang ditawarkan oleh Kerajaan melalui FAMA sekurang-kurangnya 53 sen sekilo bagi kelapa kering gred 90%. Di dalam usaha ini Kerajaan akan membeli secara terus buah kelapa dan kelapa kering dari petani-petani untuk diproses bagi pasaran tempatan dan juga pasaran luar negeri sekiranya terdapat lebih pengeluaran.

Dalam perkembangan perusahaan kelapa, Kerajaan telahpun mengadakan tiga program kasar ke arah memperbaiki pemasaran kelapa kita. Program ini ialah projek menjual beli kelapa biji dan kelapa kering. Kemudahan memproses kelapa kering dan minyak kelapa, memberi perkhidmatan sokongan seperti perkhidmatan perkembangan sekim kawalan pasaran dan maklumat-maklumat pemasaran.

Projek menjual beli kelapa biji dan kelapa kering telah dijalankan oleh FAMA di peringkat daerah dan negeri. Dalam tahun 1981 Kerajaan melalui FAMA telahpun membeli sebanyak 4.4 juta biji kelapa bernilai lebih \$490,000 dan kelapa kering sebanyak 3,140 metrik tan bernilai sebanyak \$2 juta. Dijangka dalam tahun ini nilai belian projek menjual beli kelapa biji dan kelapa kering akan meningkat dua kali ganda dari segi jumlah dan nilai.

Dari projek belian secara langsung akan menambahkan lagi peluang pasaran buah kelapa dan kelapa kering di mana harga di peringkat ladang akan lebih stabil lagi. Di bidang pemerosesan, FAMA telahpun menubuhkan 9 buah pusat memproses kelapa kering dari 12 buah yang diperuntukkan. Pusat-pusat ini memberi khidmat dalam pemerosesan buah kelapa kepada kelapa kering. Dalam tahun 1981 pusat-pusat ini telahpun memproses sebanyak 3.5 juta biji buah kelapa dan memperingkatkan mutu kelapa kering sebanyak 1,930 metrik tan. Dijangka dalam tahun ini jumlah keupayaan memproses di pusat-pusat FAMA akan meningkat dua kali ganda dari segi jumlah itu.

Dari segi pengilangan, FAMA telah diperuntukkan untuk membina tiga buah kilang minyak kelapa di Bachok, Kelantan, Hilir Perak dan Kudat, Sabah dan dijangka dua buah kilang akan siap di pertengahan tahun ini iaitu di Kelantan dan di Perak. Dengan wujudnya kemudahan pengilangan ini akan menambahkan value added bagi perusahaan ini.

Perkhidmatan perkembangan juga telah dijalankan oleh Pejabat FAMA di peringkat negeri dan daerah berhubung dengan pemasaran buah kelapa dan kelapa kering kepada petani-petani. Bidang perkhidmatan perkembangan ini meliputi cara-cara memproses kelapa kering, memperingkat mutu kelapa kering dan lain-lain. Bagi mengatasi masalah kegiatan pasaran di dalam aktiviti pembelian, pemerosesan dan pemborongan, FAMA telah mengadakan skim kawalan pasaran kelapa di negeri Kelantan, Pulau Pinang, Perak dan Terengganu. Di bawah skim ini peniaga-peniaga dikehendakki mengambil lesen dari FAMA bagi menjalankan urusan. Melalui pelesenan ini secara langsung FAMA dapat mengawasi kegiatan pembelian kelapa. Melalui kutipan dan penyebaran harga serta lain-lain maklumat, petani-petani dan perancang dapat mengikuti kedudukan pasaran semasa. Kutipan harga dijalankan meliputi di peringkat ladang, kilang, pemborong dan peruncit di beberapa pusat di seluruh negara. Di masa hadapan

perkhidmatan ini akan diperluaskan meliputi peluasan liputan kutipan harga di beberapa pusat lagi dan peluasan liputan penyiaran maklumat-maklumat pasaran supaya maklumat ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada petani-petani dan perancang berhubung kedudukan pasaran bagi perusahaan ini.

Minyak kelapa merupakan pengeluaran barang terakhir yang terbesar dari perusahaan kelapa. Di pasaran dunia minyak kelapa hanya merupakan sebahagian kecil sahaja penawaran dari pasaran minyak makanan yang dipengaruhi sebahagian besarnya oleh minyak-minyak keluaran kacang soya. Dari segi pasaran minyak kelapa keluaran Malaysia adalah terlalu kecil berbanding dengan keluaran seperti di negara Filipina yang dijangka mengeluarkan kira-kira 1.5 juta metrik tan minyak kelapa. Dari kedudukan ini pasaran kelapa di Malaysia adalah terpengaruh dengan pergerakan harga minyak makanan di pasaran dunia. Pada masa ini kedudukan harga minyak kelapa adalah menurun dan dijangka pasaran di masa hadapan adalah tidak menggalakkan. Dengan keadaan sedemikian, dan perusahaan kelapa di negeri ini bukanlah dimajukan untuk dieksport. Sebaliknya, pengeluaran haruslah diselaraskan untuk keperluan tempatan dan sekiranya terdapat kelebihan pengeluaran maka perlu dieksport untuk pasaran luar negeri.

Kementerian Pertanian berpendapat bahawa untuk masa ini keluasan tanaman kelapa akan dikekalkan dengan apa yang ada sekarang dan digalakkan tanaman selingan seperti koko, kopi dan lain-lain tanaman serta ternakan yang memberi pendapatan yang utama untuk meninggikan taraf hidup pekebun-pekebun kecil kelapa.

Tuan Yang di-Pertua, penanam koko di Malaysia berkembang daripada 28,445 hektar dalam tahun 1970 kepada hampir 85,366 hektar pada tahun 1980/1981 iaitu kadar pertambahan hampir 200% dalam tempoh 10 tahun. Ketika ini jumlah biji koko kering yang dieksport setiap tahun adalah lebih dari 30,000 metrik tan dan bernilai \$161 juta. Adalah dijangka jumlah eksport ini akan dapat digandakan menjelang tahun 1985.

Berasaskan nilai eksport lebih kurang \$4,000 bagi satu metrik tan jumlah eksport tersebut akan mendatangkan pulangan eksport dalam lingkungan \$240 juta setahun. Pada masa ini luas kawasan yang ditanam secara estet adalah sama dengan peluasan yang diusahakan secara pekebun kecil, tetapi tahun 1960 sektor pekebun kecil ini dijangka akan merangkumi 60% dari seluruh keluasan kawasan tanaman di seluruh negara. Hasil keluaran dari pekebun-pekebun kecil ketika ini adalah masih rendah iaitu lebih kurang 1,000 paun biji koko kering sehektar setahun berbanding hasil pengeluaran daripada estet-estet.

Dengan pengeluaran teknologi-teknologi baharu daripada Institut Penyelidikan maka adalah diharapkan kadar hasil yang akan diperolehi oleh pekebun-pekebun kecil akan bertambah di tahun-tahun akan datang. Ketika ini Malaysia menghasilkan 2.3% daripada jumlah keluaran koko dunia dan hampir 85% daripada keluaran ini adalah dieksport. Perusahaan koko ketika ini menghadapi masalah kerana kejatuhan harga di pasaran antarabangsa bagi hasil keluaran Malaysia yang mana digredkan lebih rendah daripada keluaran negara-negara lain seperti Afrika Barat. Harga pasaran telah jatuh daripada \$14,720 semetrik tan di tahun 1977 kepada \$4,725 pada pertengahan tahun 1981. Harga ini telah menjadi bertambah baik kemudiannya dan ketika ini harga bagi satu

metrik tan koko kering di Afrika Barat adalah bernilai \$5,032.

Kementerian Pertanian telah mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki kualiti biji koko yang dieksport oleh Malaysia. Lembaga Pemasaran Pertanian (FAMA) telah memperkenalkan sekim pemasaran koko di mana semua pembeli-pembeli akan dilesenkan dan peraturan-peraturan pengredan dikuatkuasakan. Untuk melaksanakan ini sejumlah 5 pusat pengredan koko akan diwujudkan di Butterworth, Port Kelang, Pasir Gudang, Kuantan, Kuching, Sibul, Sarikei, Kota Kinabalu dan Tawau di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Pusat-pusat ini akan menelan belanja lebih kurang \$15 juta.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyak lagi ucapan hendak dibuat.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Banyak lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau begitu, saya minta Yang Berhormat sambung esok hari. Dengan ini saya menangguhkan mesyuarat pada petang ini sehingga pukul 2.30 petang hari esok, bersamaan hari Selasa, 16hb Mac, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.